

MONOGRAF PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN

واريتن كلنتن

WARISAN KELANTAN

VI

Diselenggarakan oleh
Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh



Diterbitkan oleh:
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
Istana Jahar
Kota Bharu, Kelantan.

Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

- Pengerusi : Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh
Setiausaha : Haji Wan Ali bin Wan Ahmad
Ahli : Haji Wan Zakaria bin Wan Ismail
Abdullah bin Mohamed
Jazamuddin Baharuddin
Wakil Persatuan Sejarah Malaysia
Cawangan Negeri Kelantan
- Rekabentuk : Hassan Majid/Shahnan Abdullah

Cetakan Pertama 1987

© Hakcipta: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

M
959.5121
WAR

635084

dicetak oleh
United Selangor Press Sdn. Bhd.,
Kuala Lumpur.

Kandungan

IX PRAKATA

XI PENDAHULUAN

1 YAVADVIPA: SUATU EMPAYAR BESAR YANG TELAH
DILUPAKAN (bahagian kedua/akhir)
Abdullah bin Mohamed (Nakula)

22 DARI KELAB KEORGANISASI POLITIK DI KELANTAN
Abdul Rahman Al-Ahmadi

52 PENDUDUKAN DAN PENTADBIRAN TENTERA JEPUN DAN
TENTERA THAI DI NEGERI KELANTAN 1941-1945

117 GAMBAR-GAMBAR WARISAN LAMA

131 BIODATA PENULIS

Prakata

BISMILLAHİ rRAHMANİ rRAHİM

SAYA bersyukur kehadiran Allah Subhanabu Wataala kerana dengan izinNya monograf "WARISAN KELANTAN" yang keenam dapat diterbitkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan bersempena dengan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Yang Ketiga Puluh Tujuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan Darulnaim.

Monograf "WARISAN KELANTAN" yang keenam ini, seperti juga bilangan yang lalu, menyiarkan beberapa rencana mengenai sejarah dan budaya negeri Kelantan. Kemunculan monograf ini sudah tentu menambahkan lagi bahan bacaan dan kajian serta pengetahuan bagi generasi masakini dan juga yang akan datang.

Adalah diharapkan semoga rencana-rencana yang terkandung dalam monograf ini akan menarik minat lebih ramai lagi penulis-penulis tempatan untuk berusaha mengumpul, mengkaji dan menulis pelbagai aspek/tajuk yang ada hubungan dengan sejarah dan budaya negeri Kelantan.

Akhir kata, saya bagi pihak Perbadanan Muzium Negeri Kelantan mengambil kesempatan ini merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti di atas usaha dan peranan mereka yang gigih bagi menjayakan penerbitan "WARISAN KELANTAN" yang keenam ini.

Wassalam



(AHMAD RASTOM B. HJ. AHMAD MAHER)

Timbalan Menteri Besar merangkap

Pengerusi

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

Bertarikh: 29 Mac, 1987.

Kota Bharu

Kelantan Darulnaim

Pendahuluan

MONOGRAF "WARISAN KELANTAN" bilangan keenam sekali lagi muncul dan kali ini menghadirkan tiga rencana yang berkaitan dengan sejarah negeri Kelantan.

Adalah diharapkan rencana-rencana yang disiarkan kali ini akan dapat menambahkan lagi pengetahuan pembaca-pembacanya serta juga mencetuskan minat dan mendorongkan lebih ramai lagi penulis-penulis untuk menyumbangkan rencana-rencana yang berkaitan dengan negeri Kelantan sama ada dari segi sejarah, budaya, ekonomi, sosial dan lain-lain.

Nampaknya masih kurang lagi dari kalangan tempatan yang berminat dan sanggup menyumbangkan rencana mereka masing-masing kepada monograf ini yang diterbitkan oleh Perbadanan Muzium Negeri mereka sendiri.

Sukacita ditegaskan di sini bahawa penulis tidak semestinya dari golongan sarjana atau lepasan universiti atau institusi pengajian tinggi. Sesiapa saja yang ingin menulis baik dari hasil kajiannya mahupun dari pengalamannya sendiri adalah dialu-alukan bagi memperkaya dan memperlengkapkan lagi bahan dan pengetahuan yang berkaitan dengan sejarah dan budaya negeri Kelantan.

Memandangkan masih banyak lagi yang belum dikumpul, dikaji dan ditulis mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan negeri Kelantan dan masyarakatnya adalah menjadi tanggungjawab kita bersama sebagai peminat dan pencinta sejarah, khususnya dari kalangan anak Kelantan sendiri, menggiatkan usaha kita bagi melengkapkan dan menyempurnakan penulisan sejarah dan budaya negeri Kelantan Darulnaim.

Sekian, terimakasih.



NIK MOHAMED BIN NIK MOHD SALLEH

Pengerusi

Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan

30 Mac 1987

*Yavadvipa : Suatu Empayar Besar Yang Telah Dilupakan **

ABDULLAH BIN MOHAMED (NAKULA)

II. PENDAPAT-PENDAPAT YANG BERTENTANGAN DALAM MENENTUKAN LOKASI YAVADVIPA

FAKTA-fakta yang telah diterangkan dulu dari kenyataan-kenyataan tertulis dari abad pertama sampai abad ke-14 Masihi mengenai Yavadvipa (Yawadvipa) atau Javadvipa (Jawadvipa), jelas menunjukkan Semenanjung — Segenting Pulau Jawa dan Pulau Sumatera. Ia membingungkan bagi orang-orang yang percaya hanya satu-satunya sahaja tempat yang bernama Yavadvipa atau Yava, iaitu Pulau Jawa sekarang, tetapi tidak membingungkan bagi orang yang menerima fakta-fakta yang tersebut tadi.

Mungkin anda telah mempunyai suatu konsep, meskipun dalam serba samar mengenai lokasi pusat Empayar Yavadvipa di antara abad-abad ke-8 dan ke-10 Masihi, kalau indikasi-indikasi tidak ada, fakta-fakta itu akan mengeliru dan menyesatkan anda. Oleh sebab itu lokasi Yavadvipa baik dalam abad pertama, mahupun dalam abad ke-8 Masihi telah menimbulkan diskusi-diskusi yang begitu banyak sejak abad ke-19 Masihi. Di bawah ini akan dibincangkan dengan singkat pendapat-pendapat yang lahir dari diskusi-diskusi itu.

Sekarang kita kembali kepada masalah “Yavadvipa Asal” yang muncul dalam abad pertama Masihi, dimanakah lokasinya yang tepat, adakah ia dalam bentuk suatu semenanjung atau sebuah pulau atau sebuah empayar yang meliputi Kepulauan Asia Tenggara dan Semenanjung atau meliputi Kepulauan dan Daratannya? dan yang amat penting ialah dimanakah sebenarnya lokasi “pusat” Yavadvipa itu?

Bila lokasi, bentuk dan lokasi pusat ini telah difahami, kita akan mendapat suatu “premis” yang akan melahirkan “konklusi” yang benar dalam sejarah kita.

* Sambungan dari Warisan Kelantan, Bil V, 1986, hlm. 29–73.

Bila disebut "Yavadvipa" yang dapat diertikan secara mudah "Pulau Yava atau Java", maka dari segi persesuaian fonetik, orang akan segera teringat kepada "Pulau Jawa" sekarang, kerana hanya Pulau Jawa sahajalah yang masih kekal dengan nama itu hingga masa kini.

Andainya diperkenali Yavadvipa di zaman purba itu dengan Pulau Jawa sekarang, tidak salah seluruhnya, kerana ada bahagiannya yang benar, tetapi fakta penting yang menimbulkan perbezaan pendapat ialah kenyataan-kenyataan dalam beberapa sumber yang tersebut tadi tentang wujudnya penghasilan emas yang banyak di Yavadvipa, kerana Pulau Jawa sekarang tidak menghasilkan emas, baik di zaman dulu mahupun di zaman sekarang. Andaikanlah dalam abad pertama Masihi Pulau Jawa menghasilkan emas, tentu tidak selama-lamanya ia dikenali sebagai Pulau Emas.

Tetapi, emas boleh didapati dengan banyaknya di Semenanjung, juga, terdapat di Sumatera dan Kalimantan (Borneo).

Dari kenyataan yang bertentangan antara persesuaian fonetik dan fakta fizikal ini, timbul berbagai lokasi dan bermacam bentuk Yavadvipa dalam sepanjang penelitian kaum terpelajar. Di bawah ini akan diterangkan dengan singkat lokasi-lokasi dan bentuk-bentuk yang berbeza itu:—

1. *Jawa*. Memperkenalkan nama Cho-po- atau She-p'o dari segi fonetik dengan pulau Jawa sekarang, bermula sejak orang-orang barat membuat kajian tentang sejarah geografi Kepulauan Melayu dalam naskhah-naskhah Cina dan menterjemahkannya ke dalam bahasa-bahasa barat dalam abad ke-19 Masihi. Usaha ini dimulai oleh Amiot, kemudian Dr. G. Schlegel yang menghasilkan tulisannya dalam tahun 1870 Masihi, diikuti oleh Leon de Rosny dalam tahun 1872 Masihi dan Groeneveldt dalam tahun 1876 Masihi.¹

Tetapi yang mengkaji secara ilmiah tentang ini ialah Pelliot dalam tahun 1904 Masihi.² Dalam hubungan dengan She-p'o (Yava) dan Ho-ling (Kalingga) ia menyatakan dengan tegas bahawa yang pertama ialah Pulau Jawa sekarang dan yang kedua terletak di atas pulau yang sama. Kemudian ramai kaum terpelajar menurut tafsirannya ini.

Seorang terpelajar besar Belanda J. Ph. Vogel³ menyatakan bahawa "di sana tidak ada keterangan sama sekali mengenai hubungan perniagaan dan penyiaran agama di antara India dan Jawa yang boleh meninggalkan kesan-kesan terakhir dalam kebudayaan pulau itu. Dalam seluruh sastera raksasa dari India purba, kedua-duanya Sanskrita dan Pali, hanya terdapat satu sebutan sahaja mengenai Jawa, terdapat pada bahagian syair keempat dari Ramayana". Di sini jelas, ia menyamakan Yavadvipa dalam Ramayana dengan Pulau Jawa sekarang.

Nilakanta Sastri juga berpendapat demikian.⁴ Dalam hubungannya dengan penghasilan emas di Jawa, ia menyatakan bahawa meskipun Jawa sekarang tidak mempunyai emas, tetapi biasanya, ia diakui mempunyai lombong-lombong

1 W.P. Groeneveldt, Notes on the Malay Archipelago and Malacca, 1876, hlm. III.

2 Pelliot, Deux itinéraires de chine an Inde a la fin du, VIII e siecle, BEFEO, 4(1904), hlm. 131-413.

3 J. Ph. Vogel, The Relation Between the Art of India and Java, India Society Publication, 1925, hlm. 25. Dipetik oleh R. Braddell dalam The Study of Ancient Times, hlm. 120.

4 K.A. Nilakanta Sastri, History of Sri Vijaya, hlm. 12.

emas dalam sastra dan epigrafi, umpamanya suatu ayat berbunyi "sampanna kanakakaraih" (dihadiahkan pula dengan lombong-lombong emas) dalam prasasti Changgal bertarikh tahun 732 Masihi tadi.

Alasan Nilakanta Sastri ini tidak memuaskan hati, andainya Pulau Jawa sekarang mempunyai emas sejak abad pertama sampai abad ke-8 Masihi, mustahil ia tidak wujud sekarang.

2 *Sumatera*. Kerana memandang kepada wujudnya penghasilan emas itu, ada pula yang menyatakan bahawa Yavadvipa ialah Sumatera, misalnya Prof. Coomaraswamy dalam buku besarnya mengenai kesenian India⁵ menyatakan bahawa "orang-orang India nampaknya telah pergi ke Sumatera pada tarikh yang sangat awal, mungkin sebelum zaman Masihi, "Tanah Emas" yang disebut dalam Jatakas dengan 'Suvarnadvipa' atau 'Suvarnabhumi' itu tidak lain lagi dari Sumatera. Begitulah seterusnya bila Ramayana memperkatakan tentang Yavadvipa dengan ayat "Suvarnakaramandita (banyak berlombong bertukang emas), memang difahami bahawa ia adalah Sumatera". Katanya lagi "Sumatera ialah Zabadion dari Ptolemy, Sabag dan Zabej dari penulis-penulis 'Arab yang kemudian".

3. *Jawa* – Sumatera. Kerana wujudnya dua pendapat yang sangat berbeza itu, suatu penyelesaian telah diadakan dengan mencentumkan Jawa dengan Sumatera. Dari segi persesuaian fonetik ialah Jawa sekarang, manakala dari segi wujudnya penghasilan emas ialah Sumatera, Jadinya Yavadvipa itu dimaksudkan kepada Sumatera-Jawa. Pendapat ini dipegang oleh Barth.

Ferrand⁶ memetik Kern⁷ sebagai berkata bahawa menurut konsepsi yang dominan, Suvarnadvipa dan Yavadvipa adalah keliru oleh yang satu dengan yang lain, dalam pandangan umum bahawa yang awal itu lebih sesuai dengan Sumatera dan yang akhir dengan Jawa. Sumatera (atau sebahagian daripadanya) dan Jawa telah dianggap satu, mungkin, kerana kedua-dua pulau itu dicantumkan oleh politik.

Kerana dipengaruhi oleh Ferrand, dalam tahun 1925, Pelliot⁸ mengubah pendapatnya dan menterjemahkan She-P'o sebagai Jawa-Sumatera.

Dr. N.J. Krom⁹ menyokong Pulau Iabadiou atau Yavadvipa sebagai Jawa-Sumatera, bukan dari segi persesuaian fonetik iaitu Jawa dan wujudnya emas di Sumatera, juga bukan kerana dicentumkan oleh politik, tetapi dari segi wujudnya sejenis "sekoi" atau "jelai" pada kedua-dua pulau itu. Krom berkata: "Orang boleh menyamakan sebahagian pesisir Sumatera dengan Sabadeibai (dari Ptolemy), dan Jawa dengan Iabadiou (dari Ptolemy). Tetapi segera kekusutan menjadi terlalu besar hingga tak dapat memperlihatkan perbezaan yang jelas. Sekoi (yava) yang menjadi asalnya nama tanah itu sekali-kali tidak terdapat di salah satu pun dari pulau-pulau tersebut . . . bahawa tak dapat dijelaskan,

5 Ananda K. Coomaraswamy, *History of Indian and Indonesian Art*, 1927, hlm. 198. Dipetik oleh R. Braddell dalam *The Study of Ancient Times* hlm.

6 Gabriel Ferrand, *L'Empire, Sumatranais de Grivijaya*, 1922, hlm. 186-187. Di petik oleh R. Braddell dalam *The Study of Ancient Times*, hlm. 120.

7 *Verspreide Geschriften* 1916 Vol. V, hlm. 314, dipetik oleh R. Braddell, dalam *The Study of Ancient Times*, hlm. 20.

8 Pelliot, *Quelques textes chinois*, EA, 1925, 11, 250.

9 Prof. Dr. N.J. Krom, *Zaman Hindu*, 1950, hlm. 13, terjemahan dari *De Hindoe-Javaansche Tijdschrift*, 1938.

mengapa di sini dipakai perkataan yang sangat luar biasa itu. Maka yang dimaksudkan sebetulnya mestilah sekoi bumiputera. Akan tetapi semacam sekoi ini terdapat pula di kedua pulau itu, dan juga kekayaan emas tersebut tidak memberikan pegangan yang teguh. Sumatera sebenar-benarnya tanah emas, dalam surat piagam yang dijumpai kemudian di Jawa, pulau inilah yang dikenal sebagai penghasil emas. Maka kelihatannya tidak mungkin ada keraguan daragaknya memang tidak perlu dan haruslah kita terima, bahawa di dalam berita-berita tertua "Yawa" adalah nama bersama untuk kedua pulau tersebut".

4. *Semenanjung*. J.L. Moens,¹⁰ seorang terpelajar Belanda mengemukakan hypothesis baru, berdasarkan fakta-fakta geografi dan astronomi bahawa Yavadvipa dari Ramayana, Iabadiou dari Ptolemy dan Yeh-p'o-ti dari Fa-Hsien itu ialah Java, malah pada mulanya nama Java itu diberikan kepada timur Fun-nan,¹¹ kemudian diberikan kepada Semenanjung. Bentuk Semenanjung ini mulai dari Segenting Kra, terus ke hujung selatannya.

Gunung Sisira yang kemuncaknya menyapu awam yang disebut dalam Ramayana sebagai terletak di sebelah sana Yavadvipa itu menurut Moens adalah berita tertua "Yawa" adalah nama bersama untuk kedua pulau tersebut".

Oleh itu nama "She-P'o chou" yang disebut oleh orang-orang Cina dalam abad ke-5 Masihi yang sama dengan "Yavadvipa" itu ialah "Semenanjung". Perkataan "chou" (dalam bahasa Cina) yang bererti "pulau" itu, ialah kerana di kawasan Segentingnya terdapat dua tanah genting yang merupakan "dua jambatan daratan" yang bersambung dengan tanah besar, iaitu satunya di Kra dan satu lagi di Ligor. Moens menerangkan bahawa "dua Jambatan daratan" ini nampaknya digelarkan oleh bumiputera zaman purba dengan "Duaw-watan" dan sesuai dengan nama "T'o-p'o teng" yang disebut oleh orang-orang Cina dan dinyatakan sebagai suatu negara di barat Chin-la (nama Fu-nan dizaman kemudian). Jalan-jalan daratan singkat yang melintang pada Duwau-watan ini sejak zaman purba memegang peranan penting dalam perniagaan di antara China dan India. Oleh kerana ini Semenanjung dianggap sebagai "Pulau", Fa Hsien (413-414 Masihi) melalui jalan ini menerusi Ligor, oleh itu tempat persinggahannya, Yeh-p'o-ti ialah She-p'o iaitu Semenanjung.

Berhubung dengan prasasti Changal (732) yang tersebut tadi yang dijadikan alasan oleh sebahagian orang bahawa Yavadvipa yang menghasilkan emas itu ialah Pulau Jawa, kerana prasasti ini ditemui di Java sendiri, Moens menyatakan bahawa Yava yang disebut oleh Sanjaya dalam prasasti ini ialah Yavadvipa di mana nenek moyangnya memerintah sebelum perpindahan mereka ke Java. Dalam bahagian ayat ke-7, ia merujuk kepada Yavadvipa kaya dengan lombong emas, juga ia merujuk kepada Yavadvipa yang keemasan di zaman yang lepas: "Pulau yang megah, tiada tandingnya, kaya dengan bijian-bijian dan benih-benih, kaya dengan lombong-lombong emas" (bahagian ayat 7), memang sudah masyhor lama sebelum dari ini, sebagaimana yang tersebut dalam Ramayana:

10 J.L. Moens, *Srivijaya, Yava en Kataha*, JMBRAS, Vol. XVII, Part 2, 1940, hlm. 21-50.

11 *Ibid*, hlm. 3, Moens tidak menerangkan lebih lanjut tentang apa yang dikatakannya "timur Fun-nan", mungkin ia maksudkan wilayah Jih-nan sebelum zaman Masihi, tapak awal negara Champa purba dibahagikan tengah Vietnam sekarang, Perkataan "Jih-nan" mungkin berasal dari "Java" atau "Yavana".

12 *Ibid.*, hlm. 33.

"Pulau emas dan perak, kaya dengan lombong-lombong emas". Sebenarnya Yava yang dimaksudkan oleh Sanjaya itu ialah negeri asalnya, Semenanjung, iaitu Yavadvipa dari Ramayana itu.

Juga, menurut Moens, tempat suci Shiva yang 'ajaib yang tersebut dalam prasasti itu, bukanlah candi linga di Gunung Wukir atau di Jawa, sebenarnya ialah di Yavadvipa (Semenanjung) itu.

Dalam bahagian-bahagian ayat ke-8 dan 9 dinyatakan bahawa tempat suci Shiva di Pulau Yava, di mana Sannaha memerintah dan mangkat, kemudian digantikan oleh Sanjaya (bahagian ayat ke-10) juga bukan di Jawa sekarang, tetapi di negeri asalnya. Dalam bahagian ayat ke-12 ia menyipatkan kehidupan penduduk yang aman "tidak takutkan penyamun-penyamun atau lain-lain bahaya, dapat tidur di jalan-jalan (tanpa diganggu)", ini juga di negeri asalnya, Yavadvipa iaitu Semenanjung.¹³

Moens¹⁴ menyatakan bahawa kita tidak boleh berdasarkan atas persamaan fonetik nama semata-mata dari dahulu hingga sekarang, kerana beberapa nama tempat di Kepulauan Melayu mungkin berubah letaknya atau timbul nama-nama lain menggantikannya. Perubahan-perubahan ini dapat diketahui hanya dengan meneliti fakta-fakta geografi yang tersebut dalam naskah-naskah asing, sama ada yang lama atau yang baru. Oleh itu Moens membahagikan zaman-zaman penggunaan nama She-p'o dalam tulisan-tulisan Cina kepada tiga tingkatan zaman:—

1. She-P'o dalam abad ke-5 Masihi tempat letaknya Ho-lo-tan adalah sama dengan Semenanjung.
2. She-Po dalam abad ke-7 Masihi sampai abad ke-9 Masihi merupakan ibu kota bagi negara Ho-ling (dalam Hsin T'ang Shu, disusun dalam tahun 1060 Masihi) yang terletak di Semenanjung. Negara Ho-ling ini diperkenalkan oleh Pelliot dengan Kalinga di Jawa, tetapi menurut Moens bahawa negara ini terletak di Semenanjung, meliputi sebahagian besar dari kawasannya. Sempadan utara Ho-ling ini ialah T'o-p'o-teng (Duwau-watan) itu dan sempadan selatannya ialah Selat Melaka. Nampaknya daerah negara ini menurut gambarannya ialah dari Kedah sampai ke bahagian barat dari Johor sekarang, termasuk seluruh Pahang. Oleh itu Ho-ling yang disebut oleh I-Ching (692) ialah Kedah dan Chieh-Ch'a yang disebutnya juga dan sama dengan Kedah itu, sebenarnya She-p'o, ibu kota Negara Ho-ling. Manakala Ho-ling yang disebut pula oleh Chia Tan (Kira-kira tahun 800 Masihi) adalah terletak di Beruas (Perak) setelah ibu kotanya di pindahkan ke selatan dalam abad ke-8 Masihi.

13 Menurut Moens bahawa Sanjaya ini, nenek moyangnya berasal dari negeri Kunjara-kunja-desa di India Selatan. Sanjaya sendiri memerintah di Yavadvipa (Semenanjung), kemudian dikalahkan oleh Sriwijaya dan berpindah ke Java. Penulis mempunyai pandangan yang berlainan, meskipun Sanjaya berasal dari Semenanjung ia adalah bumi-putera Semenanjung sendiri dan seorang penakluk yang Agung.

14 Keterangan seterusnya adalah rumusan penulis dari hypothesis Moens yang lanjut. Lihat, Abdullah bin Mohamed (Nakula) dalam *Journal Persatuan Sejarah Kelantan*, Bilangan 1, 1964/1965, hlm. 32—33.

3. She-p'o sejak tahun 1001 atau seawal-awalnya tahun 971 Masihi adalah menunjukkan Jawa sekarang, hingga dalam abad ke-13 Masihi orang-orang Cina menyebutnya serupa dari segi fonetik iaitu Chao-wa.

5. *Borneo (Kalimantan)*. Roland Braddell¹⁵ menyamakan Yavadvipa dari Ramayana Iabadiou dari Ptolemy dan Yeh-p'o-ti dari Fa Hsien, tetapi ia tidak meletakkannya di Jawa atau Sumatera atau Semenanjung, malah meletakkannya di Borneo. Kalau Yavadvipa itu menghasilkan emas, di Borneo juga terdapat penghasilan emas, malah di sini terdapat pula penghasilan perak dan besi. Braddell bersetuju dengan pendapat Moens bahawa Gunung Sisira yang terletak di Yavadvipa dalam Ramayana itu ialah Gunung Kinabalu di Sabah sekarang.

Braddell meneliti semula tentang lokasi Iabadiou dari Ptolemy dalam hubungannya dengan Chryse Chersonesos atau Golden Khersonese atau Semenanjung. Ptolemy menyatakan bahawa "Iabadiou" yang bererti "Pulau Jelai" itu ibu kotanya yang bergelar Argyre adalah terletak pada hujung barat daripadanya. Iabadiou ini yang kelihatan dalam peta Ptolemy terletak disebelah selatan Chryse Chersonesos itu. Kalau diteliti ukuran darjah yang disebutkan ternyata Iabadiou terletak jauh ke sebelah timur Chryse Chersonesos, dan hujung timurnya adalah sangat banyak menuju ke utara kalau dibandingkan dengan hujung baratnya. Ini adalah jelas, kata Braddell, indikasi ini bukannya sesuai dengan Pulau Jawa atau Sumatera, ia menunjuk kepada Borneo. Ibu Kota Iabadiou yang bernama Argyre nampaknya sesuai dengan letak kota Kuching di Sarawak sekarang.

Yavadvipa atau Iabadiou ini juga tempat persinggahan Fa Hsien dalam tahun 413-414 Masihi dalam perjalanan pulanginya dari India ke China. Ia menyebut Yavadvipa itu dengan Yeh-p'o-ti yang sama dari segi bunyi dengan Yap-div, iaitu suatu bentuk perkataan Prakrit yang sama dengan Yavadvipa dalam bentuk Sanskritanya.

6. *Jawa*. G. Coedes¹⁶ seorang terpelajar Prancis dalam tahun 1944 memperkuat lagi pendapat yang tradisional yang merujukan Yavadvipa dan Iabadiou kepada Jawa sekarang. Ia menyatakan: "Memang benar bahawa Jawa dan Sumatera biasanya dianggap merupakan suatu pulau dan Marco Polo menggelarkan Sumatera "Java Minor" (Java Kecil). Tetapi adakah ini suatu bukti yang cukup untuk menyampingkan Jawa kesebelah dan secara sistematik menghubungkan semua saksi berhubung dengan negeri-negeri yang disebut dengan nama-nama Yava, Yava (dvipa), Yeh-p'o-ti dan She-p'o kepada Sumatera atau kepada Borneo atau hingga kepada Semenanjung Melayu?"

Berhubung dengan prasasti Changgal bertarikh tahun 732 Masihi yang menyebut tentang pembangunan suatu linga oleh raja Sanjaya di atas Pulau Jawa 'yang kaya dengan biji-bijian dan emas' itu, Coedes menyatakan bahawa: "Meskipun Jawa tidak menghasilkan emas, konteks (hubungan kalimah) itu menegah kita dari mencari tempat-tempat lain untuk Pulau Jawa. Hanya seorang terpelajar sahaja yang mengusulkan Jawa dapat diperkenali dengan Semenanjung Melayu dan mengeluarkan suatu cerita tentang asal Sanjaya dari India, peme-

15 R. Braddell, *The Study of Ancient Times*, hlm. 249-250.

16 G. Coedes, *The Indianized States of Southeast Asia*, hlm. 53 dan 87-88, terjemahan dari bahasa Perancis, di bawah tajuk *Histoire ancienne des etats hindouises d'Extrem-Orient*, Hanoi, 1944.

rintahannya di Semenanjung dan pelariannya ke Java di mana ia menjadi raja bassal bagi keluarga Sailendra yang dihalau dari Palembang oleh Srivijaya, suatu cerita yang benar-benar fiction". Kata-kata ini dihadapkan kepada Moens yang tersebut di atas.

Meskipun mengenai riwayat hidup Sanjaya itu suatu hypothesis Moens yang dapat dikelaskan dalam cerita fiction, tetapi Coedes tiada dapat menolak bukti bahawa Jawa tidak menghasilkan emas. Inilah fakta terpenting yang menyebabkan ahli-ahli terpelajar mencari Java itu pada tempat-tempat lain, juga Sanjaya itu mestilah datang dari Yava yang lain.

7. *Java*. O. W. Wolters dalam tahun 1967,¹⁷ masih tetap mempertahankan She-p'o ialah Jawa sekarang. Ia menyatakan tidak ada sebab untuk tidak menyetujui dengan konklusi Pelliot dalam tahun 1904 iaitu orang-orang Cina mengenali Pulau Jawa sekarang dengan nama "Java". Para mahasiswa di Indonesia tidak perlu dibingungkan oleh berbagai ragam pandangan yang dikemukakan mengenai erti She-p'o. Mencari She-p'o yang telah berabad-abad itu pada tempat-tempat lain selain dari Jawa, mestilah diasaskan atas saksi baru dan boleh diterima. Manakala usul bahawa She-p'o pada suatu masa digunakan untuk suatu negara di Semenanjung adalah berlebih-lebihan. Ini ditujukan kepada pendapat Moens.

Pada tempat lain Wolters menyatakan,¹⁸ Dr. de Caspris melahirkan kebingungannya bila ia menyatakan kepada para mahasiswanya di Indonesia bahawa She-p'o yang seringkali disebut dalam sumber-sumber Cina, mungkin di Java, Sumatera atau Semenanjung Melayu.

Juga Wolters tidak setuju dengan ketidaktetapan pendirian Pelliot dimasa yang akhir.¹⁹ Dulunya Pelliot dengan tegas menyatakan bahawa "She-p'o" adalah transkripsi dari "Java". Tetapi bila Ferrand membuktikan bahawa di antara penulis-penulis Arab, "Zabag" dari bentuk perkataan "Java" adalah lebih sesuai dengan Pulau Sumatera daripada Pulau Jawa, maka Pelliot kemudiannya bersetuju dengan pendapat bahawa She-p'o adalah "Sumatera-Java".

Terhadap kebingungan kaum terpelajar ini Wolters membuka jalan penyelesaian²⁰ dengan menyatakan bahawa orang-orang Arab dan barang kali juga penduduk daratan Asia-Tenggara mungkin memahami "Java" dengan pengertian yang berbeza, tetapi nampaknya tidak begitu bagi orang-orang Cina yang mencatat dengan terperinci mengenai negara-negara yang membayar upeti-upeti kepadanya.

Maksud Wolters hendak menyatakan bahawa catatan Cina itu adalah catatan kenegaraan dan rasmi, oleh itu ia tepat dan dapat dipegangi, manakala catatan orang-orang Arab dan lain-lain adalah hasil dari pengetahuan peribadi sahaja. Tetapi Wolters melupakan hubungan penghasilan emas dengan Yavadvipa sejak zaman Ramayana (ditulis dalam abad pertama Masihi) hingga Yavadvipa dalam prasasti Changgal, tahun 732 Masihi (abad ke-8 Masihi), juga ia memandang remeh atau melupakan juga fakta-fakta astronomi dalam catatan-catatan Cina

17 O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce*, hlm. 219.

18 *Ibid.*, hlm. 20.

19 *Ibid.*, hlm. 170.

20 *Ibid.*, hlm. 219.

sendiri dan fakta-fakta geografi dalam catatan-catatan Arab, Marco Polo, Sulawansa dan prasasti Jatavarman Vira Pandya dan prasasti-prasasti Champa.

8. *Jawa dan Semenanjung*: Dalam membicarakan hipotesis kaum terpelajar dalam soal yang berkait dengan Yavadvipa atay Yava atau Yavaka atau Zabag atau Zabag dalam abad ke-8 sampai abad ke-10 Masihi, kita tidak boleh menghindarkan diri dari membicarakan tentang "Keluarga Sailendra" yang bererti "Keluarga Raja Gunung" yang memerintah di Jawa Tengah sejak abad ke-8 Masihi. Kemudian satu cabang dari keluarga ini memerintah Sumatera dalam abad ke-9 Masihi. Menurut kepercayaan umum bahawa keluarga inilah yang memerintah Empayar Zabag itu dari Sumatera, tetapi tidak diketahui dengan jelas dimanakah lokasi pusatnya, tetapi kebanyakan mereka dengan secara mudah meletakkannya di Srivijaya, Sumatera Selatan.

Di samping J.L. Moens, R.C. Majumdar adalah orang yang pertama mencari dan menetapkan ibu kota Zabag itu di Semenanjung,²¹ kerana menurut sumber catatan Arab bahawa Srivijaya atau Sribuza adalah terletak di bawah kekuasaan Zabag, bukannya pusat Empayar Zabag. Zabag ini bukan sahaja menguasai kepulauan, juga menguasai Daratan iaitu Champa dan Kemboja dan pernah menyerang Tongking yang di bawah kekuasaan Cina. Meskipun Majumdar tidak menyatakan dengan jelas, ternyata seolah-olah ia meragui suatu empayar yang berpusat di Srivijaya atau di Jawa Tengah dapat mengontrol wilayah-wilayah yang begitu jauh di daratan tanpa wujudnya suatu pusat empayar lagi yang terletak di Pantai Timur Semenanjung. Hipotesis tentang wujudnya satu pusat kaum Sailendra di Semenanjung ini telah dikemukakan oleh Majumdar sejak tahun 1937 dalam bukunya *Suvarnavdipa*. Kemudian dikemukakan pula dalam beberapa tulisannya dalam tahun-tahun kebelakangan dengan pendekatan yang berbeza-beza, tetapi tujuannya satu, sampai tahun 1979.²²

Formula yang dipergunakan oleh Majumdar untuk menetapkan Keluarga Sailendra itu memerintah Jawa dan Semenanjung ialah dua keterangan yang terdapat pada dua bahagian dari prasasti Ligor, bertarikh tahun 775 Masihi. Bahagian pertama dari prasasti ini yang digelar bahagian A memberitakan tentang pembangunan tiga Stupa agama Buddha oleh Srivijayaendraraja (raja Srivijayendra) dalam tahun 775 Masihi. Manakala bahagian B yang tidak bertarikh memberitakan tentang sifat-sifat Srimaharaja Vishnu dari Keluarga Sailendra iaitu mempunyai keberanian yang tiada tandingnya dan mempunyai rupa yang cantik tiada tandingnya pula.

Pada mulanya kaum terpelajar menganggap raja Srivijaya (raja Srivijayendra) dan Srimaharaja Vishnu itu adalah tokoh yang sama. Oleh itu prasasti Ligor itu meskipun mempunyai dua bahagian, tetapi sebenarnya esa. Majumdar memisahkan dua bahagian ini dengan alasan bentuk tulisan kedua-duanya berbeza

21 R.C. Majumdar dan lain-lain sejarawan biasanya menyebut "Semenanjung" ini dengan "Semenanjung Melayu". Patut diingat "Semenanjung" yang dimaksudkan mereka dalam konteks sejarah ini bererti "Semenanjung - Segenting".

22 Hypothesis R.C. Majumdar yang dikemukakan disini disarikan dari dua bukunya, *India and South-east Asia*, tahun 1979, hlm. 49-52 dan *Ancient Indian Colonisation in South-east Asia*, tahun 1955, hlm. 37-47.

yang membuktikan kedua-duanya ditulis oleh dua tangan yang berlainan. Bahagian A ditulis oleh pihak raja Srivijaya dan tidak berkait dengan Keluarga Sailendra, manakala bahagian B ditulis oleh pihak Srimaharaja Vishnu dari Keluarga Sailendra dan tidak berkait dengan raja Srivijaya. Ini bermakna bahawa sekurang-kurangnya kawasan Ligor itu pada mulanya di bawah kekuasaan Srivijaya, kemudian direbut oleh Srimaharaja dari Keluarga Sailendra dari Jawa pada suatu waktu selepas tahun 775 Masihi. Kemudian dari penaklukan Ligor ini baru terdapat dua prasasti dari Keluarga Sailendra di Jawa, prasasti Kalasan (tahun 778 Masihi) dan prasasti Kelurak (tahun 782 Masihi). Ini membuktikan kira-kira dalam masa yang sama, Keluarga Sailendra membangunkan kekuasaannya di Jawa.

Majumdar menolak hypothesis yang dibuat oleh kaum terpelajar sebelumnya bahawa Keluarga Sailendra berasal dari pemerintah-pemerintah Srivijaya dan memperluaskan kekuasaan mereka dengan beransur-ansur ke atas Jawa dan Semenanjung. Ia menyatakan bahawa hypothesis ini berada dalam basis yang amat lemah.

Majumdar mengemukakan hypothesisnya sendiri bahawa pusat asal kekuasaan Sailendra itu terletak pada salah satu dari dua tempat iaitu di Jawa dan Semenanjung.

Untuk suatu masa pusat itu berada di Jawa, terbukti dari zaman Sailendra dalam sejarah Jawa adalah yang paling gemilang dalam segi perkembangan seni (seni tampak) dan seni bina yang mana telah sampai kepada kemuncaknya dalam monomen yang terkenal Borobudur.

Kemudian dalam abad ke-9 Masihi, kaum Sailendra mempunyai kekuasaan yang dominan di Malaysia (Semenanjung) dan mungkin menguasai dua negara kuat di Indochina, Kemboja dan Champa. Menurut Majumdar bahawa perpindahan pusat kekuasaan Sailendra ke Semenanjung ini bermula dengan perpindahan Balaputradeva, cucu raja Yavabhumi (Yavabhumi-pala) ke Suvarnadvipa kira-kira dalam tahun 860 Masihi, sebagaimana yang tersebut dalam prasasti Nalanda. Umumnya kaum terpelajar memperkenalkan "Suvarnadvipa" dengan "Sumatera" atau "Sumatera-Semenanjung", tetapi Majumdar memperkenalkannya dengan "Kepulauan" berdasarkan kenyataan yang disebut oleh al-Beruni bahawa "Kepulauan Zabag" digelar oleh orang-orang India dengan "Suvarnadvipa" dan Empayar Sailendra yang dibangunkan sejak perpindahan Balaputradeva inilah yang disebut oleh orang-orang Arab dengan "Zabag" atau "Zabaj" itu.

Walau bagaimanapun Majumdar masih belum dapat menunjukkan dengan tepat dimanakah letaknya pusat kekuasaan Sailendra di Semenanjung itu, ia berkata²³. "Yang anehnya, kita masih belum dapat mengetahui dengan tepat lokasi pusat kekuasaan Sailendra di Malaysia". Ini adalah berhubungan dengan tidak adanya peninggalan-peninggalan purba di Semenanjung yang boleh menjadi saksi.

Meskipun Majumdar tidak menyatakan dengan terus terang, kita dapat mengambil kesimpulan bahawa berdasarkan Semenanjung ini menjadi pusat

23 R.C. Majumdar, *India and South-east Asia*, hlm. 50.

kekuasaan Empayar Zabag sejak separuh kedua dari abad ke-9 Masihi itu, maka Semenanjung (Semenanjung dan Segenting) disebut dalam sumber-sumber sejarah Ceylon dan India Selatan dalam abad ke-13 Masihi dengan Javaka dan Savaka dan disebut dalam prasasti Po Sah dari abad ke-14 Masihi dengan Yavadvipa yang mana ia pernah memperkenalkan "Yavadvipa" ini dengan "Semenanjung" dalam tulisannya yang lebih awal, tahun 1927.²⁴


9. *Semenanjung*. Anda telah membaca dan meneliti fakta-fakta yang telah dikemukakan di atas dan telah meneliti betapa tidak selarasnya pendapat-pendapat kaum terpelajar dalam meletakkan fakta-fakta itu, serupa dengan kesilapan penyelarasan bahagian-bahagian dalam suatu permainan jigsaw-puzzle. Kalau de Caspris menyatakan bahawa Jawa itu kadang-kadang dirujuk kepada Pulau Jawa, kadang-kadang kepada Pulau Sumatera dan kadang-kadang kepada Semenanjung Melayu, Wolters menyatakan ini suatu kenyataan yang membingungkan orang, sebenarnya tidak membingungkan sesiapa pun, kiranya ia mengetahui fakta-fakta yang telah dibentangkan dulu, melainkan orang awam yang jahil.

Pendapat Moens ada salah dan ada benarnya. Bila ia berkata Yavadvipa dari zaman penulisan hikayat Ramayana (dalam abad pertama) itu adalah "Semenanjung" dengan bukti terdapat disebelah sananya gunung Sisira (Kina balu) terletak di Sabah dan dengan bukti-bukti dari astronomi dalam catatan-catatan India dan Cina, ia tidak boleh menafikan Iabadiou (Yavadvipa) dari Ptolemy dalam abad ke-2 Masihi yang terletak disebuah pulau sebagaimana dalam petanya (lihat rajah 1), kerana tidakkah Ramayana menyatakan dalam Yavadvipa itu ada "tujuh kerajaan (wilayah)"? dan ini tentu meliputi Semenanjung dan sebahagian dari Kepulauan.

Jadinya, dalam abad yang sama, abad pertama Masihi, kedua-duanya Semenanjung dan sebahagian dari kepulauan sekarang telah bernama "Yavadvipa". Oleh kerana Semenanjung dengan penghasilan emasnya yang amat terkenal dan sebelumnya bernama "Suvarnabhumi" (Bumi Emas), ia masih kekal dengan nama asalnya pada orang-orang asing, meskipun namanya telah berubah dengan "Yavadvipa". Ini bermakna tidak ada tingkat-tingkat zaman yang lanjut dalam penggunaan nama Yavadvipa atau Yava atau Jawa di Semenanjung dan Pulau Jawa sebagaimana menurut Moens. Penggunaan nama itu terjadi dalam abad yang sama dan tentulah Yavadvipa yang menjadi pusat empayar itu lebih dulu mempergunakan nama ini.

Penggunaan nama Yavadvipa pada dua tempat itu, Semenanjung dan Pulau Jawa sekarang tetap berlanjutan dari abad pertama itu sampai kepada beberapa abad kemudian, hingga abad ke-14 Masihi menurut fakta-fakta yang telah dibentangkan di atas atau lebih kemudian lagi sebagaimana yang akan diterangkan. Bila terdapat perkataan "She-p'o" dalam catatan-catatan China atau "Zabag" dalam catatan-catatan Arab adalah ditunjukkan kepada salah satu dari dua kawasan tersebut. Tetapi oleh kerana orang tidak tahu She-p'o atau Yava manakah yang ditunjukkan, inilah yang menimbulkan pertelingkahan besar dalam

24 R.C. Majumdar, *Ancient Indian Colonies in the Far East*, Vol. I. Champa, Book III, hlm. 220. Juga lihat bahagian pertama dari tulisan ini dalam *Warisan Kelantan*, Bil. V, 1986, hlm. 71.



Rajah 1: Peta Asia-Tenggara oleh Ptolemy kira-kira tahun 150 Masihi.

menentukan lokasi She-p'o itu dan oleh kerana nama Yava itu telah hilang secara rasminya di Semenanjung dan masih kekal di Pulau Jawa sejak kedatangan orang-orang barat, menyebabkan kaum terpelajar barat mengenali satu Yava sahaja dan merujukan semua nama She-p'o atau Zabag kepada Pulau Jawa sekarang. Kita melihat Coedes dan Walters adalah orang yang paling keras mempertahankan konsep ini.

Perbezaan antara dua Yavadvipa ini makin jelas dalam fakta-fakta sejarah sejak abad ke-8 sebagaimana yang telah diterangkan di atas. Ini adalah kerana kebangkitan satu Yavadvipa secara besar-besaran menakluk dan menguasai Asia Tenggara ini, malah sampai ke Cylon dan pantai timur Benua Afrika, sebagaimana ia bangun dan menakluk Asia Tenggara dalam abad pertama dulu. Yavadvipa manakah yang bangkit ini? Inilah yang akan dicari berdasarkan bukti-bukti nyata dari fakta-fakta yang telah diterangkan dulu.

Ahli-ahli terpelajar barat dan timur telah melaksanakan suatu tugas besar yang semestinya dihargai setinggi-tingginya dalam usaha merekonstruksikan sejarah Asia Tenggara berdasarkan fonetik, geografi dan astronomi yang tersebut dalam catatan-catatan Yunani, India, China dan Arab. Tetapi suatu kecacatan besar dalam usaha mereka, adalah kejahilan dalam sejarah politik dalam rantau Asia Tenggara ini, tidak mahu memahami bahawa Asia Tenggara ini adalah suatu "Benua" sebagaimana Benua-benua China dan India. Dalam ruang Benua Asia Tenggara hidup suatu ras besar yang telah berkali-kali bersatu dan berpecah, bersatu dan berpecah dalam politik yang akibatnya menimbulkan pergolakan-pergolakan politik yang hebat untuk menuju kearah kesatuan kembali Benua itu, lebih aktif daripada pergolakan-pergolakan politik di Benua-benua China dan India. Sebab ini terjadi perubahan-perubahan peta sempadan politik yang agak cepat, terjadi kemunculan dan kelenyapan sesuatu negara dan empayar dalam tempoh yang singkat. Kecacatan ini tidak membolehkan kita merendahkan kaum terpelajar itu, kerana memang tidak ada sejarah politik tercatat yang menggambarkan itu semua, kalau ada pun adalah dalam bentuk hikayat-hikayat yang banyak, tetapi tidak ada tarikh-tarikh tertentu. Cara pendekatannya tidak dapat dimasukkan ke dalam kategori sejarah.

Kerana kejahilan tentang sejarah politik inilah menyebabkan kajian tentang lokasi negara-negara atau empayar-empayar "amat tidak keruan".

Kunci untuk memahami dan merekonstruksi semula sejarah tua Asia Tenggara ini terletak pada "Yavadvipa" di Semenanjung itu. Selain daripada Moens dan Majumdar, penulis nampak tidak ada seorang pun sejarawan yang merujukannya kepada Semenanjung. Sebab-sebabnya, barangkali, pertama tidak ada penyesuaian dari segi fonetik dan kedua; tidak wujudnya saksi-saksi nyata berupa peninggalan-peninggalan sejarah sebagai candi-candi dan prasasti-prasasti yang banyak sebagai di Pulau Jawa sekarang yang membuktikan bahawa disuatu masa dulu Semenanjung pernah memegang peranan penting dalam Asia Tenggara. Tetapi petunjuk-petunjuk dari fakta-fakta yang telah dipaparkan tadi adalah jelas bahawa memang terdapat satu lagi Yavadvipa atau Yava yang tua di samping Pulau Jawa itu iaitu Semenanjung sendiri. Di sini diulangkan semula fakta-fakta tersebut secara ringkas sebagai bukti-bukti:—

1. Kenyataan dari Ramayana yang menyifatkan Yavadvipa mempunyai banyak lombong emas dan tukang emas dan disebelah sananya terdapat Gunung Sisira, iaitu Gunung Kinabalu.
2. Kenyataan dari Yayu Purana yang menyatakan Yamadvipa (Yavadvipa) yang penuh dengan lombong-lombong dan di sini terdapat satu bukit yang terkenal dengan nama Dyutiman, sumber sungai-sungai dan emas.
3. Kenyataan dari Brahmanda Purana yang menyifatkan Yavadvipa sebagai mempunyai lombong permata dari berbagai jenis, juga terdapat suatu bukit yang penuh dengan logam, digelarakan Dyutiman dan menjadi sumber banyak sungai dan emas.
4. Kenyataan dari Surya-Siddhanta yang menyebut sebuah ibu kota bernama Yavakoti (Titik Yava) mempunyai istana raja berpagar emas dan mempunyai pintu-pintu gerbang emas.
5. Kenyataan dari Prasasti Changgal yang juga menyifatkan Yavadvipa itu "kaya dengan lombong-lombong emas."
6. Kenyataan dari Hsin T'ang Shu dari segi astronomi yang meletakkan kota Cho-p'o (She-p'o) di antara 6 darjah dan 6 darjah 3 inci yang sama dengan di antara pantai timur dan pantai barat Semenanjung.
7. Kenyataan dari sejarah Vietnam yang membezakan antara She-p'o (Yava) dan K'un-lun (Kepulauan) ketika menyerang Tongking dalam tahun 767 Masihi. Sedangkan Pulau Jawa sekarang terletak dalam Kepulauan. Jadinya yang dimaksudkan dengan "She-p'o" (Yava) di sini ialah Semenanjung, manakala K'un-lun (Kepulauan) itu adalah jajahan takluknya.
8. Kenyataan dari prasasti Po Nagar tentang serangan tentera dari kota-kota lain ke atas Champa dalam tahun 774 Masihi dan sekali lagi serangan yang disebut dalam prasasti Yang Tikuh dengan "navagatair - Java - vala - samghais" (suatu tentera yang tersusun dihantar dari Java menerusi laut) dalam tahun 787 Masihi. Lebih masuk akal bahawa Java yang dimaksudkan disini ialah Java yang lebih hampir dengan Champa iaitu Semenanjung, bukan Java dalam erti Pulau Jawa sekarang yang jauh letaknya dan serangan-serangan ini mestilah ada kaitan dengan politik.
9. Kenyataan dari buku Akhbarus-Sin wal-Hind yang menyebut Yavadvipa, Yava (Java) atau Yavaka dengan "Zabag". Katanya kota Zabag itu mengadap secara langsung kearah China, antara keduanya ialah "sebulan" perjalanan menerusi laut dan kadang-kadang "kurang dari sebulan" kiranya angin adalah baik. Jadinya pelayaran selama "sebulan" itu adalah dalam keadaan angin biasa. Tempoh pelayaran I-Ching dalam tahun 671 Masihi dari Canton menuju ke Srivijaya Awal yang terletak di Pantai Timur Semenanjung adalah "kurang dari 20 hari", ini adalah pelayaran dalam keadaan angin baik,²⁵ suatu tempoh pelayaran yang mustahil sampai ke Palembang meskipun

25 Lihat penelitian penulis tentang "Srivijaya Awal" dalam Warisan Kelantan III, 1984 hlm. 38-65.

dalam keadaan angin baik, lebih-lebih lagi sampai kemana-mana pelabuhan di Pulau Jawa. Dipandang dari segi letak geografi dan tempoh pelayaran ini jelas sekali kota Zabag itu terletak di Pantai Timur Semenanjung. Dalam keadaan angin biasa ini pelayaran dari Canton ke Palembang di anggarkan memakan masa kira-kira "sebulan setengah" dan pelayaran dari Canton ke Jawa Timur adalah selama "dua bulan" sebagaimana yang tersebut dalam Sung Shih.²⁶

10. Buku Akhbarus-Sin wal-Hind memberikan pula suatu fakta lagi bahawa jarak di antara Zabag dan Khemra (Kamboja) adalah antara 10 dan 20 hari pelayaran menurut keadaan udara, ertinya ialah paling cepat 10 hari dan paling lambat ialah 20 hari. Ini adalah sesuai dengan tempoh pelayaran dari Pantai Timur Semenanjung menyeberangi bahagian depan Teluk Siam sekarang menuju ke Kuala Sungai Mekong, kemudian belayar kearah pedalaman sungai ini dalam beberapa hari untuk sampai ke ibu kota Khemra. Fakta ini lebih meyakinkan lagi bahawa ibu kota Zabag itu terletak di Pantai Timur Semenanjung.
11. Fakta-fakta lain seterusnya dalam Akhbarus-Sin wal-Hind memperjelaskan lagi hypothesis ini. Ia menyatakan Sribuza (Srivijaya) di Sumatera Selatan adalah salah satu dari jajahan takluk Zabag. Ini membuktikan bahawa mustahil Zabag itu sama dengan Srivijaya sebagaimana pendapat Ferrand, juga ia memerintah Kalah yang terletak dikawasan Segenting yang memang bersambung dengan Semenanjung dan menguasai pulau-pulau yang banyak, merujuk kepada Kepulauan termasuk Sumatera Selatan.
12. Juga Akhbarus -Sin wal-Hind menyatakan bahawa Maharaja Zabag itu amat kaya dengan emas, setiap hari baginda melemparkan seketul emas ke dalam danau dekat istananya, begitulah dalam sepanjang masa pemerintahannya. Setelah baginda mangkat, emas itu dibahagi-bahagikan kepada rakyat. Ini membuktikan bahawa emas itu adalah dari penghasilan wilayah pusat Zabag (Semenanjung) itu sendiri, diambil dari lombong-lombongnya yang banyak sebagaimana yang tersebut dalam Ramayana, Vayu Purana, Brahmanda Purana dan prasasti Changgal. Penghasilan emas yang banyak ini menolak untuk meletakkan ibu kota Zabag itu di Pulau Jawa sekarang.
13. Dalam Murujuz-Zahab di nyatakan bahawa Maharaja Zabag menguasai pulau-pulau yng banyak tiada terdaya hendak ditulis dan bala tenteranya tiada terkira ramainya, pulau-pulau jajahan takluknya bersambung dengan laut yang tiada diketahui sempadannya iaitu merujuk kepada Lautan Pasifik dan Lautan Hindi, juga ia menguasai Kalah atau Kalahbar iaitu kawasan Segenting. Jadinya, tanah tempat di mana Maharaja itu memerintah mestilah terletak di antara Segenting dan Kepulauan iaitu Semenanjung.

26 Pelayaran dari Jawa (Jawa Timur) ke Pulau Chusan hampir dengan Canton adalah selama 60 hari, ini dinyatakan oleh Sung Shih ketika memberitakan pelayaran utusan Maharaja (Dharmavamsa) dari Jawa ke China dalam tahun 992 Masihi (lihat bahagian pertama dari tulisan ini dalam Warisan Kelantan Bil. V, 1986, hlm. 53).

14. Kemudian dinyatakan pula dalam Murujuz-Zahab itu bahawa Maharaja adalah tuan (penguasa) atas Laut Champa, Laut China Selatan sekarang. Adakah keterangan yang lebih jelas dari ini membuktikan pusat negara Zabag atau Yavadvipa itu terletak di Pantai Timur Semenanjung?

Dengan fakta-fakta yang tersebut di atas nyata bahawa ibu kota Zabag itu terletak dipantai Timur Semenanjung. Yavadvipa yang disebut oleh Sanjaya dalam prasasti Changgal dalam tahun 732 Masihi, adalah dimaksudkan kepada Semenanjung seluruhnya. Serangan ke atas Tongking dalam tahun 767 Masihi oleh tentera dari She-p'o (Java) dan K'un-lun (Kepulauan), juga serangan-serangan ke atas Champa dalam tahun-tahun 774 dan 787 Masihi yang mana serangan yang akhir ini disebut sebagai datang dari Java, tentulah datang dari ibu kota Yavadvipa yang terletak di Pantai Timur Semenanjung itu. Dari sini juga datangnya serangan ke atas Khemra sebagaimana yang tersebut dalam Akhbarus-Sin wal-Hind. Bila Kamboja (Khemra) mendapat kemerdekaan dari Java dalam tahun 802, sebagaimana yang disebutkan oleh prasasti Sdok Kak-Thom, Java yang dimaksudkannya tentulah Java Semenanjung, bukan Pulau Jawa. Juga Javadvipa Semenanjung ini tempat datangnya Pov Klun Pilih Rajadvarah, duta Champa sebanyak dua kali sebagaimana yang tersebut dalam prasasti Nhan-Bieu, bertarikh tahun 911 Masihi.

Apa yang telah diterangkan di atas adalah dalil-dalil sejarah dari abad ke-8 sampai kepada abad ke-10 Masihi. Bila ibu kota Zabag atau Yavadvipa telah dipindahkan dari Pantai Timur Semenanjung ke Pantai Baratnya sejak separuh pertama dari abad ke-12 Masihi (kira-kira tahun 1140 Masihi) dan perpindahan-perpindahannya di zaman-zaman kemudian ke Pulau Sumatera, Semenanjung-Segenting masih tetap digelar dengan Yavadvipa atau Yavaka. Dari saksi-saksi sejarah Ceylon dan sejarah India Selatan disebelah barat dan saksi-saksi Sejarah Champa di sebelah timur dalam abad-abad ke-13 dan 14 Masihi, Semenanjung dan Segenting masih digelar dengan Javaka, Savaka, Java dan Javadvipa. Sebutan Jawah (Jawa) oleh orang-orang Arab dalam abad-abad ke-13 dan 14 Masihi terhadap Sumatera Utara adalah dari pengaruh perkembangan politik dan ethnik dari Semenanjung-Segenting itu, bukan dari pengaruh Pulau Jawa sekarang.

Dalam kalangan orang-orang Cham di Indochina hingga sekarang masih ada yang menyebut Semenanjung sebagai Tanah Jva (Jawa), orang-orang Melayu sebagai bangsa Jva (Jawa), bahasa Melayu sebagai bahasa Jva (Jawa) dan tulisan Jawi sebagai tulisan Jva (Jawa). Kelantan dan Patani di nyatakan sebagai terletak di Tanah Jva (Jawa).²⁷

Orang-orang Kamboja di zaman moden menyebut nama "Java" dalam bentuk "Chvea" terhadap orang-orang Melayu di Semenanjung dan orang-orang Java di Pulau Jawa.²⁸ Di Kamboja sekarang, terutama di wilayah Kompong Som yang mengadap ke Teluk Siam terdapat ramai penduduk yang bercakap dalam bahasa Melayu yang bercampur dengan bahasa Khmer, mereka di namakan

27 Abdullah B. Mohamed (Nakula), *Keturunan Raja-Raja Kelantan dan Peristiwa-Peristiwa Bersejarah*. Monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan 1, hlm. 2, n.2.

28 R. Braddell, *The Study of Ancient Times*, hlm. 427, "Orang-orang Kamboja" yang dimaksudkan disini ialah "Orang-orang Khmer".

“orang-orang Jvako”. Tidak ragu-ragu lagi mereka ini adalah orang-orang “Javaka” dari Semenanjung-Segenting dan membuat tempat kediaman di Kamboja sebelum dari abad ke-15 Masihi.

Dalam kalangan orang-orang tua di Aceh (Sumatera Utara) hingga sekarang masih menyebut bahasa Melayu dengan bahasa Jawa. Orang-orang Arab di Saudi Arabia hingga sekarang masih menyebut orang-orang yang datang ke Mekah dari Semenanjung, Thailand Selatan, Sumatera, Jawa, Sulawesi, Kalimantan, Filipina dan lain-lain dengan “al-Jawiyun” (Orang-orang Jawa). Nama ini adalah suatu nama ethnik yang telah lama dikenali oleh orang-orang Arab, bukannya dari pengenalan mereka terhadap orang-orang Jawa dari Pulau Jawa yang datang di zaman-zaman kemudian.

Juga tulisan yang dipakai dalam masyarakat kita dan dikenali dengan “Tulisan Jawi” adalah berasal dari “Tulisan Jawa”. Huruf “س” atau “i” dalam tata bahasa Arab ialah “huruf nisbah”, ertinya “tulisan yang dinisbahkan kepada Jawa”. Huruf ini paling tua terdapat dalam prasasti Kuala Berang, Terengganu, bertarikh seawal-awalnya tahun 1303 Masihi dan tentulah ia telah diciptakan sekurang-kurangnya setengah abad lebih dulu, kira-kira dalam pertengahan abad ke-13 Masihi, kerana bila tulisan ini dipahat pada batu untuk bacaan umum, tentu ia telah lama dikenali oleh orang ramai. Dari suatu segi lain, dapat pula dijadikan dalil bahawa agama Islam telah tersebar di Semenanjung sudah berabad-abad sebelum dari terciptanya tulisan itu. Ketika tulisan itu diciptakan dan ketika ia dipahat di Terengganu dalam tahun tersebut, Semenanjung-Segenting masih dinamakan “Yavadvipa” dan penduduknya masih disebut dengan “Bangsa Java” dan oleh itu tulisan tersebut di namakan “Tulisan Jawa” atau “Tulisan Jawi”, kerana pengaruh tata bahasa Arab di zaman-zaman kemudian. Tiada ragu-ragu lagi Tulisan Jawi ini diciptakan di Semenanjung juga, untuk menggantikan tulisan Sanskrita. Tulisan Jawi ini terdapat di Pulau Jawa dalam zaman-zaman kemudian dan digelar “Tulisan Arab Gundul”, ia dipergunakan, istimewanya dalam bahasa Sunda.

Nama “Melayu” yang dipergunakan sebagai nama Semenanjung, “Semenanjung Tanah Melayu” dan sebagai nama bangsa, “bangsa Melayu” sekarang, nampaknya mulai popular sejak zaman Melaka dalam abad ke-15 Masihi, kerana raja-raja Tumasik dan Melaka berasal dari “Melayu” atau “Jambi” sekarang. Tetapi proses perkembangan nama “Melayu” ini di Semenanjung untuk menggantikan nama “Jawa” atau “Jawi” amat beransur, hingga ke abad ke-19 Masihi di Terengganu, Kelantan dan Patani umpamanya nama “bangsa Jawi” masih lebih popular daripada nama “bangsa “Melayu” dan hingga dalam separuh kedua dari abad ke-20 Masihi ini, hingga sebelum perang dunia ke-2, dalam kalangan orang-orang tua termasuk datuk penulis sendiri masih menyebut: “kita orang-orang Jawi . . .”, tetapi dalam kalangan jenerasi baru yang telah bersekolah nama “Melayu” telah bersebuti dengan jiwa mereka.

Juga dalam kalangan orang-orang tua Cham di Vietnam dan Kamboja, masih menyebut nama Jva (Java) bila merujuk kepada Semenanjung dan penduduk peribuminya, tetapi dalam kalangan orang-orang muda nama itu telah hilang kerana pengaruh media massa, mereka telah kenal dengan nama Melayu, Malaya dan Malaysia.

Nama "Jawa" atau "Jawi" itu dalam masyarakat kita, bukan sahaja masih terdapat pada tulisan, juga terdapat sebagai nama sejenis silat, "Silat Jawi", dan nama khitan yang disebut dengan "masuk Jawi", maksudnya berkhatan itu merupakan suatu syarat untuk menjadi anggota masyarakat bangsa Jawi, suatu bangsa yang seluruhnya beragama Islam. "Masuk Jawi" itu seolah identik dengan "masuk Islam".

Berdasarkan hakikat nama asal ini, kita dapat membuat penilaian semula terhadap beberapa hikayat lisan dan bertulis yang menyebut nama "Jawa" dan selama ini disalah tafsirkan sebagai terjadi di Pulau Jawa. Misalnya dalam suatu hikayat lisan Kelantan nama Dewa Muda atau Dewa Inu atau Inu Dewa yang dinyatakan sebagai "anak Tuk Raja Jawa" dan "mengembara keseluruhan Jagat Tanah Jawa" "Tuk Raja Jawa" adalah Sri Maharaja Javadvipa (Semenanjung), "mengembara" ertinya "menakluk" dan "Jagat Tanah Jawa" sama dengan "Asia Tenggara". "Dewa Muda" ini dikenali juga dengan "Sang Jaya" atau "Sanjaya" sebagaimana yang tersebut dalam prasasti Changgal, tahun 732 Masihi.

Nama "Jawa" dengan "Majapahitnya" yang tersebut dalam hikayat bertulis, Hikayat Hang Tuah, Jawa manakah yang dimaksudkannya?, Majapahit manakah yang dimaksudkan?. Pertempuran Hang Tuah bersama kawan-kawannya menentang ribuan demi ribuan "pengawetan" di Pulau Jawakah atau menentang gelombang-gelombang penyerang-penyerang Siam dari Patani yang hendak meredah masuk keseluruhan Semenanjung dari Pantai Timur Lautnya?.

Juga nama "Jawa" dan "Majapahit" dalam Hikayat Raja-raja Pasai, Jawa manakah yang dimaksudkan dan Majapahit manakah yang dimaksudkan?.

Bila masalah nama "Jawa" untuk Semenanjung-Segenting dapat diselesaikan, akan selesailah masalah anakronism, masalah tidak cocok dengan zaman dalam Hikayat Hang Tuah, juga banyak masalah yang "amat tidak keruan" dalam sejarah Nusantara.

III. MASALAH MENENTUKAN NAMA YAVA

Erti Dvipa

Sebelum daripada membicarakan tentang nama "Yava", kita bicangkan lebih dulu mengenai perkataan "dvipa". R. Braddell ada mengemukakan beberapa definisi yang baik berhubung dengan perkataan ini, ia berkata:²⁹

"Konsepsi Brahman mengenai dunia iaitu bahawa dunia ini terbahagi kepada tujuh dvipa yang memusat: Jambu, Saka, Kusa, Salmala (Shalmali atau Salmali), Kraunca, Gomeda (Gomenda atau Plaksha) dan Pushkara, dikelilingi oleh tujuh samudra atau kumpulan-kumpulan dari air, sebenarnya tujuh laut. "Dvipa", biasanya dengan cara mudah diterjemahkan kepada "pulau", tetapi pada dasarnya ia bermakna 'tanah yang mempunyai air (dan bukan laut) pada dua (dan tidak semua) pihak'. Majumdar berkata bahawa boleh juga ditambah dalam hubungan ini, perkataan 'dvipa' adalah berasal dari gabungan dua suku kata yang dibuat oleh Panini³⁰ iaitu 'dvi' dan 'api'. Dengan ini ia

²⁹ R. Braddell, *The Study of Ancient Times*, hlm. 109-110.

³⁰ "Panini" seorang ahli tatabahasa Sanskrita yang terkenal dizaman purba di antara abad-abad ke-6 dan ke-4 S.M. (*Classical Dictionary of Hindu Mythologi*, hlm. 228-229).

bermakna tanah yang mempunyai air pada dua pihaknya.

"Oleh itu 'dvipa' tidak sama dengan 'pulau'. Ia boleh disamakan dengan 'semenanjung' dan kadang-kadang juga 'doab'.³¹ Macdonell dalam kamus Sanskritnya berkata mengenai dvipa, 'pantai berpasir dalam sungai, pulau, pulau kebumian yang memusat (dunia yang dianggap terdiri dari 4, 7, 13 atau 18 yang mengelilingi gunung Meru serupa dengan kelopak-kelopak bunga teratai)'.

'Patut juga diterangkan bahawa orang-orang Cina menggunakan perkataan tcheou' (chou) dengan cara yang sama. Juga orang-orang Melayu menyebut perkataan 'pulau' mempunyai erti yang luas. Di Sumatera ia dipergunakan sebagai bermakna batas tebing suatu sungai dan Wilkinson dalam kamusnya nampaknya menunjukkan bahawa idea asas ialah sekeping tanah yang dibahagi atau di asingkan oleh air atau laut atau paya atau sawah".

Penentuan Erti Nama Yava

Nama "Yavadvipa" dari Ramayana adalah terdiri dari dua perkataan "yava" bererti "barley" atau "sekoi" dan "dvipa" bererti "semenanjung" atau "pulau" atau "kawasan". Jadinya "Yavadvipa" dapat diertikan dengan "Semenanjung Java" atau "Pulau Yava" atau "Kawasan Yava". Perkataan "yava" dapat disebut juga dengan "java" atau "jawa".

Nama "Iabadiou" dari Ptolemy adalah sama dari segi fonetik dengan bentuk Prakrit "Yavadivu" iaitu "Yavadvipa" dalam bentuk Sanskritnya. Manakala nama "Yeh-tiao" dari Hou Han Shu adalah sama dari segi fonetik dengan bentuk Prakrit "Yap-div" yang sama juga dengan "Yavadvipa" tersebut.

Pengertian yang diberikan oleh Ptolemy terhadap perkataan "Iabadiou" dengan "Pulau Barley" adalah sangat tepat dengan pengertian "Yavadvipa" itu, membuktikan bahawa ia adalah sedar mengenai erti literal dari perkataan Sanskrita itu.

Patut diulangkan bahawa perkataan "yava" dalam bahasa Sanskrita bererti "barley" dan perkataan "yavaka" bererti "suatu kek yang diperbuat dari barley".

Sekarang timbul pertanyaan mengapakah tanah yang bersangkutan dinamakan "Yava" atau "Barley" itu?.

Telah terbukti³² bahawa "barley" tidak wujud di Jawa sekarang, meskipun percubaan dizaman kemudian membuktikan ia subur di pergunungan Jawa, penanamannya tidak pernah dilakukakan. Dalam pandangan S.M. Sharma dari Kuala Lumpur yang pernah membuat percubaan di Cameron Highland, Pahang, bahawa barley tidak mungkin dapat ditanam dengan jaya dalam 15 darjah utara dan selatan Khattulistiwa, kecuali di atas tempat-tempat tinggi. Barley tidak pernah merupakan suatu panen yang meluas di Jawa. Andainya ia tidak pernah subur sama sekali, kerana tidak ada kesan yang tinggal, adalah sukar bagi seseorang untuk menggambarkan bagaimana suatu pulau itu mengambil nama "barley" yang merupakan suatu watak istimewa daripadanya.

Ada suatu jenis biji-bijian di Jawa yang digelar "jawa-wut" atau "juwawut" yang biasa juga disebut dengan "jelai" yang disebut dalam bahasa Inggeris dengan "millet", tetapi bukanlah sama dan tepat dengan yang dimaksudkan

31 "Doab" di India, suatu kawasan tanah di antara dua sungai yang menuju kepada satu titik. (Odhham Dictionary of the English Language, hlm. 334).

32 Keterangan seterusnya berasaskan huraian Braddell op.cit., hlm. 121-123.

oleh "yava" dalam bahasa Sanskrita iaitu "barley". Biasanya orang-orang Jawa menyatakan nama "Java" atau "Yava" itu berasal dari "Jawa-wut" (millet), ini tidak tepat.³³

Kerana wujudnya pertentangan antara erti nama Pulau Jawa yang sebenar iaitu "berley" dengan kenyataan bahawa barley ini tidak ada di pulau itu, seorang filologist, W.P. Groeneveldt,³⁴ menyatakan bahawa "Yavadvipa" tidak bermakna "negeri barley", kerana ia tidak tumbuh disana, tetapi sebagai ganti "barley" itu, kita ambil "millet". Orang di Jawa menggelarkannya dengan nama umum, "jawa (wut)". Ini tidak mustahil, katanya bahawa orang-orang Hindu yang pertama mendapati millet (jawa-wut) ini menjadi makanan orang-orang disini sebagai-ganti dari beras. Kemudian orang-orang Hindu itu memperkenalkan beras kepada mereka.³⁵

Pendapat Groeneveldt ini tiada dapat diterima, kerana perkataan "millet" (jawa-wut) memang terdapat dalam bahasa Sanskrita iaitu "kangu". Andainya benar orang-orang India mendapati millet menjadi makanan biasa di pulau itu, tentu mereka menggelarkannya "Kangudvipa" ertinya "Pulau Millet" atau "Pulau Jawa-wut", tetapi mereka menamakannya dengan "Yavadvipa" yang diertikan dengan tepatnya oleh Ptolemy kira-kira tahun 150 Masihi dengan "Pulau Barley".

Ada tiga asal yang dapat dikumpulkan mengenai mengapa Yava atau Java itu dijadikan nama pulau dalam Asia-Tenggara ini:—

1. Dari nama buah jelai atau jawa-wut (millet) yang sungguh menyangsikan di atas. Ini dapat ditemui dari suatu riwayat tradisi Jawa diberikan oleh G.E. Gerini³⁶ sebagai berikut:—

"Seorang raja Hastinapura (di Sungai Ganges) bernama Aji Saka, adalah seorang pengembara Indu yang mula-mula sampai di Jawa yang ketika itu digelar Nusa Mendang dan didiami oleh orang-orang Raksasa. Ia dapati di sana suatu makanan dari jenis biji-bijian yang digelar Yava atau Java, ia menukarkan nama itu kepada Nusa Java. Selepas menundukan bangsa Raksasa pemakan orang, ia membangunkan kota-kota, mengajar penduduk untuk menulis dan mengasaskan zaman saka yang dinamakan menurut namanya sendiri dalam tahun 78 Masihi". T.S. Raffles³⁷ memetik dari suatu riwayat tradisi Jawa tentang Aji saka ini yang digelar Prabu Jaya Baya, raja Astina. Ia datang ke Jawa bersama perdana menteri untuk mentamadunkan negeri asing. Ia belayar dari negerinya dan sampai di negeri bumi kaum

33 Di Semenanjung terdapat dua jenis "jelai", satunya "jelai batu" yang keras buahnya, tidak boleh dimakan dan satu lagi "jelai" atau "millet" tersebut yang boleh ditanak seperti beras dan boleh dimakan. Di Kelantan hingga sebelum perang dunia ke-II masih ada jarang-jarang orang menanam jelai ini terutama dari kerabat diraja untuk dimakan sekali-sekala. Inilah yang disebut jawa-wut di Pulau Jawa itu.

34 W.P. Groeneveldt, Notes on the Malay Archipelago and Malacca, 1876, muka 7 (catatan bawah).

35 Kerana wujudnya pertentangan yang sukar diselesaikan ada pula orang yang membuat kemungkinan bahawa orang-orang India itu terkeliru dengan padi. Drs. S. Wojowasito berkata: "Kita tahu bahawa jelai itu jarang terdapat di Jawa. Tetapi yang dianggap jelai oleh orang-orang India mungkin padi, kerana tiada suatu yang lebih menyerupai jelai masak dari padi menguning" (Sedjarah Kebudayaan Indonesia II, 1960, hlm. 21).

36 G.E. Gerini, Researches on Ptolemy's Geography of Eastern Asia, 1909, hlm. 591-2.

37 T.S. Raffles, History of Java, Vol. 2, hlm. 66-67.

Raksasa yang terkenal dengan nama Nusa Kandang. Ini terjadi dalam tahun pertama dari tahun Java. Ia menemui sejenis biji-bijian yang digelar Jawa-wut yang menjadi makanan sasi bagi penduduk negeri itu. Kerana penemuan ini ia mengubah nama negeri Nusa Kandang itu kepada Nusa Jawa. Kemudian ia menciptakan huruf Jawa berasaskan huruf-huruf yang memang telah sedia wujud pada bangsa Raksasa itu.

2. Dari bentuk buah jelai, suatu pengesyuran yang bersifat tentatif dari Dr. Chabra,³⁸ ia menyatakan bahawa Yavadvipa itu boleh dihuraikan sebagai "pulau berbentuk buah jelai". Buktinya "Jambudvipa" dan "Amradvipa" yang bererti "Pulau Jambu" dan "Pulau Mangga (Pauh)", kedua-duanya dinamakan menurut bentuk buah-buahan dan bukannya dari nama buah-buahan itu sendiri.
3. Dari nama etnik. Gerini³⁹ mengesyurkan bahawa "Yava" sebenarnya adalah nama etnik seperti "Yavana" adalah nama bangsa Mon-Annam. K.P. Jayaswal⁴⁰ membuktikan bahawa dalam Purana-purana terdapat nama orang-orang Yavana, asalnya dari bentuk perkataan "yauna" dan katanya bahawa orang-orang Kushan memakai gelaran diraja "Yauv" atau "Yauva" dan orang-orang Kushan diletakan dalam Purana-purana sebagai orang-orang Tukhara-Murunda dan orang-orang Saka. Buku Bhagavata yang datang tidak lama kemudian menggunakan bentuk Yauna. Zama saka dipergunakan di India Belakang (Asia-Tenggara) sejak zaman awal, mengapa? Adakah mungkin bahawa Yavadvipa itu asalnya Yavanadvipa atau Yauvadvipa? Dr. Chabra menulis bahawa ia fikir tidak.

38 Jawapannya kepada pertanyaan R. Braddell dalam *The Study of Ancient Times*, hlm. 123.

39 K.P. Jayaswal, *History of India, 150 A.D. to 350 A.D.* 1933 hlm. 151–153, dipetik oleh R. Braddell dalam *The Study of Ancient Times*, hlm. 123.

40 G.E. Gerini, *op.cit.*, hlm. 131, 150, dan 460–6.

Bibliografi

1. Abdullah B. Mohamed (Nakula), 'Keturunan Raja-raja Kelantan dan Peristiwa-peristiwa Bersejarah', Terbitan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu, Kelantan, 1981.
2. _____, "Kelantan dari Zaman Pra-Sejarah hingga Zaman Permulaan Sri Vijaya", *Journal Persatuan Sejarah Kelantan*, Kota Bharu, Kelantan, Bilangan 1, 1964/1965.
3. Braddell, Dato' Sir Roland, 'The Study of Ancient Times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca', JMBRAS, Kuala Lumpur, 1980.
4. Coedes, G., 'The Indianized States of Southeast Asia', Pustaka Ilmu, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1968.
5. Chatterji, B.R., 'History of Indonesia: Early and Medieval', Edisi Ketiga, Meenakshi Prakashan, Meerut, India, 1967.
6. Dowson, John, M.R.A.S., 'Classical Dictionary of Hindu Mythology and Religion, Geography, History and Literature', Routledge & Kegan Paul Ltd., London, 1952.
7. Ferrand, Gabriel, 'L'Empire Sumatranais de Srivijaya', Imprimerie Nationale, Paris, 1922.
8. Gerini, G.E. 'Researches on Ptolemy's Geography of Eastern Asia', London, 1909.
9. Groeneveldt, W.P., 'Notes on the Malay Archipelago and Malacca, Compiled from Chinese Sources', Batavia W. Bruining, 1876.
10. Krom, N.J., 'Zaman Hindu', (tajuk asal, *De Hindoe-Javaansche Tijd*), terjemahan Arif Effendi, Cetakan Kedua, Pustaka Sardjana, Djakarta, 1956.
11. Majumdar, R.C., 'India and South-east Asia', B.R. Publishing Corporation, Delhi, 1979.
12. _____, 'Ancient Indian Colonisation in South-east Asia', Cetakan University of Baroda Press (Sadhana Press), Racpura, Baroda, December, 1955.
13. Moens, J.L., 'Srivijaya, Yava en Kataha', JMBRAS, Jilid XVII, Bahagian 2, Januari, 1940.
14. Nilakanta Sastri, K.A., 'History of Sri Vijaya', University of Madras, 1949.
15. Pitono, Drs. R., 'Sedjarah Indonesia Lama', Terbitan Ke-3, Lembaga Penerbitan IKIP, Malang, 1970.
16. Raffles, Thomas Stamford, 'The History of Java', Jilid 2, Oxford University Press, Kuala Lumpur, London, New York, 1965.
17. Slamet Muljana, Prof. Dr., 'Kuntala, Sriwijaya dan Suwarnabhumi', Yayasan Idayu, Jakarta, 1981.
18. Smith, A.H. dan J.L.N. O'Loughlin, 'Odhham Dictionary of the English Language', Odham Press Limited, Long Acre, London, 1948.
19. Wojowasito, Drs. S., 'Sedjarah Kebudayaan Indonesia', Jilid II, Terbitan Kalimosodo, Djakarta-Jogjakarta, 1960.
20. Wolters, O.W., 'Early Indonesian Commerce: A Study of the Origin of Srivijaya', Cornell University Press, Ithaca, New York, 1967.

Dari Kelab Keorganisasi Politik di Kelantan

ABDUL RAHMAN AL-AHMADI

PERKEMBANGAN parti politik di Kelantan telah bermula dari kelab-kelab sosial. Kelantan menerima pertubuhan kelab ini dari pengaruh yang telah diperkenalkan oleh orang Barat ke negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu di Pantai Barat pada permulaan abad ke-20 Masihi.

Di Kelantan nampaknya kelab-kelab atau perkumpulan berupa organisasi yang mempunyai organ-organ tertentu seperti undang-undang tubuh, ketua, naib ketua, setiausaha, penolong setiausaha, penyimpan wang, pemeriksa kira-kira dan jawatankuasa telah bermula sejak tahun 1915.¹ Ianya diperkenalkan oleh Muhamad Ghazali bin Muhamad Ariffin² yang bekerja di Kelantan mula-mula sebagai guru kemudian bekerja di Majlis Agama Islam Kelantan. Kelab yang didirikan oleh Muhamad Ghazali itu dinamakan 'Kota Bharu Kelab'. Kemudian timbullah pula kesedaran dalam tahun 1920³ di kalangan penuntut-penuntut Madrasah Muhamadiyah Majlis Agama Islam satu perasaan kekitaan yang sama dan mereka apabila menulis makalah dalam majalah 'Pengasuh' memakai satu pengenalan nama di bawah tajuk tulisan mereka seperti Muhamad Hassan Muhamadiyah, Habbatullah Muhamadiyah, Hassan Fikri Muhamadiyah, Abdul

- 1 Lihat 'Du Club A L'organisation Politique: Le Cas De Kelantan', oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi, Memoire, Four D.E.A. (Ph. D), di Ecole Des Hautes En Sciences Sociales, Paris 1981. Lihat 'Dari Kelab ke Organisasi Politik di Kelantan', manuskrip Abdul Rahman Al-Ahmadi; dan lihat 'Pengasuh' 24 Julai 1918, tahun 1, bil. 2 hlm. 3.
- 2 Mohamad Ghazali b. Muhamad Ariffin adalah seorang yang berasal dari Singapura keturunan Riau, Sumatera. Mendapat pendidikan di Raffles College Singapura. Bekerja dengan Inggeris di negeri Siam sebelum datang ke Kelantan. Pernah menjadi staf Pengarang Majalah 'Pengasuh' tahun 1918 bersama-sama dengan Muhamad Yusof Awang Kenali (Tuk Kenali). Lihat 'Ehsiklopedia Kelantanika' oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi (Manuskrip).
- 3 Lihat 'Du Club A L'organisation Politique. . . ' dan 'Dari Kelab ke Organisasi Politik di Kelantan' op. cit., Abdul Rahman Al-Ahmadi (Manuskrip). Lihat 'Pengasuh' 20 Februari 1920, tahun 2, bil. 41 hlm. 5.

Kadir Adabi Muhamadiyah, Ahmad Muhamadiyah, Nur Ibrahim Muhamadiyah, Muhamad bin Ishak Madrasah Muhamadiyah dan lain-lain.

Dalam tahun 1920 itu juga telah ditubuhkan pula sebuah kelab oleh pegawai-pegawai Majlis Agama Islam Kelantan dan Madrasah Muhamadiyah dengan nama "Timbalan Setia Kelab".⁴ Tujuan daripada Kelab ini ialah untuk mengembangkan pengetahuan dan menambahkan teguh setia bagi faedah khas dan am. Kelab ini tak lama hidupnya tetapi diaktifkan kembali kali yang kedua di Banggol, Kota Bharu. Sayangnya ia kemudian lenyap pula. Lebih kurang dalam tahun 1930 baharulah dihidupkan pula oleh anak-anak muda diraja yang telah bercampur dengan anak-anak bandar Kota Bharu bagi meneguhkan Timbalan Setia Kelab.

Pada tahun 1921 di Bachok telah ditubuhkan sebuah kelab bernama "Persekutuan Sejahtera Bachok",⁵ ianya ditubuhkan pada 10 November 1921 lengkap dengan undang-undangnya dan didirikan atas inisiatif Nik Muhamad bin Haji Sulong,⁶ Penolong Ketua Jajahan Bachok, seorang yang bersemangat memajukan bangsa. Sebuah buku undang-undang kelab itu telah dikirim kepada pengarang "Pengasuh".

Perhatian ramai di Kelantan betapa pentingnya peranan kelab itu makin dirasakan apabila dalam majalah "Pengasuh" bil. 87 bertarikh 30 Disember 1921 disiarkan satu tajuk "Persundalan" yang ditulis oleh Muhamad Yusuf bin Ahmad (Tuk Kenali). Persoalan itu mendapat sambutan dari seorang pembaca dari Muar, Johor yang menyatakan bahawa umbi kejatuhan orang Melayu ialah kerana ketiadaan pelajaran, dan kerana itu apakah cukup kita memajukan pelajaran kita hanya dengan berkelab atau bergelap sahaja. Beliau mengatakan di bandar Muar, Johor sudah ada 6 buah kelab iaitu Muar Kelab, Gubahan Kelab, M. DA, Y.M.D.A, Muar CC Kelab dan Tadah Utara Kelab. Tetapi apakah keenam-enam kelab itu tak dapat bermasyarakat untuk menghidupkan semula Madrasah Al-Jamiah Al-Khairiah dan menghidupkan semula "Lidah Teruna".⁷

Walaupun ada tanggapan negatif terhadap peranan kelab dalam tulisan pembaca dari Muar, Johor itu yang dimuat dalam majalah "Pengasuh", namun ia memberi kesedaran bahawa kelab dapat memainkan peranan penting jika benar-benar digunakan dengan sesungguhnya.

Dalam tahun 1922 muncul pula di Kelantan ura-ura untuk menubuhkan sebuah kelab dengan nama "Ismail Kelab".⁸ Hal ini adalah hasil dari lawatan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Ismail ke Patani pada 10 Jun 1922. Duli Yang Maha Mulia selalu menyebut-nyebut dan memuji kelab-kelab yang ada di Patani. Kerana itu untuk memuliakan Al-Sultan itu oleh pihak tertentu di Kelantan telah mencadangkan supaya ditubuhkan Ismail Kelab dan kelab ini hendaknya terbuka kepada semua peringkat di negeri Kelantan sama ada anak-anak raja, datuk-datuk, pegawai besar Kerajaan atau anak-anak orang baik dan orang kebanyakan. Sebaliknya ada pula yang mencadangkan nama kelab itu dengan nama "Jiwa Setia Kelab" tetapi cadangan itu ditentang oleh pengarang "Pengasuh", kerana katanya takut hanya akan menjadikan kelab itu untuk

4 Lihat "Pengasuh" 21 Disember 1930, tahun 13, bil. 309 hlm. 12.

5 Lihat "Pengasuh" 15 Disember 1921, tahun 4, bil. 86, hlm. 12.

6 Lihat "Pengasuh" 1 Oktober 1936, tahun 19, bil. 578, hlm. 12.

7 Lihat "Pengasuh" 29 Januari 1922, tahun 4, bil. 89, hlm. 2.

8 Lihat "Pengasuh" 25 Jun 1922, tahun 5, bil. 99, hlm. 10.

golongan tertentu sahaja. Namun demikian dalam tahun 1922 telah ditubuhkan juga kelab itu dengan nama "Setia Kelab"⁹ di mana Al-Sultan ikut serta dalam penubuhannya.

Sementara itu dalam bulan Julai tahun 1922 "Kota Bharu Kelab"¹⁰ yang didirikan pada tahun 1915 telah dikunjungi oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail untuk menyampaikan hadiah kepada ahli-ahlinya yang telah mendapat kemenangan perlawanan billiard pada hari ulangtahun keputeraan Al-Sultan pada tahun 1922. Perlu juga diterangkan bahawa "Kota Bharu Kelab" sebagai kelab tertua di Kelantan telah mengadakan beberapa kali mesyuarat agungnya. Pada 26 Februari 1932¹¹ mereka telah memilih ahli pemimpin dan ahli jawatankuasa baru seperti berikut:

i. Yang Dipertua	Yang Berhormat Tuan Pegawai Penasihat Kerajaan (Tuan British Adviser)
ii. Naib Yang Dipertua	Dato' Muhamad Daud bin Salim (Dato' Istiadat Mahkota Raja)
iii. Setiausaha Kehormat	Muhamad Adnan bin Muhd Ariffin
iv. Penjaga Wang Kehormat	Ahmad bin Ismail
v. Pemeriksa Kira-kira	Hamzah bin Mahmud
vi. Ahli Jawatankuasa:	Abdullah bin Haji Abdul Aziz
	Wan Muhamad Hanafi
	Abdul Kadir Adabi bin Ahmad
	Idris Tukang Emas
	Abdullah bin Ali

Oleh kerana pertubuhan kelab di Kelantan sangatlah baru, maka untuk memberi penjelasan peranannya dimuatlah dalam "Pengasuh" sebuah makalah bertajuk "Kelab"¹² yang ditulis oleh Hitam Johor (Jauhari?) bin Haji Abdul Hamid Selangor. Di sini diterangkan perkataan kelab dan kelab sudah diperkenalkan di Tanah Melayu sejak 20 tahun dahulu, tetapi setengah orang Melayu tidak faham apa ertinya kelab dan apa faedahnya. Penulis lalu memperkatakan bahawa kelab berasal dari perkataan bahasa Scandinavia iaitu perhimpunan orang untuk bermesyuarat. Kelab mestilah ada undang-undang dan fasal-fasal dan ada rumah tempat mengadakan mesyuarat, ada jawatankuasanya, ada patron (penaung), presiden, naib presiden setiausaha, penyimpan wang, pemeriksaan kira-kira dan ahli jawatankuasa. Sangat panjang huraianannya mengenai kelab ini seolah-olah penulis sengaja hendak memberitahu pembaca tentang perjalanan kelab dan cara berorganisasinya.

Dalam tahun 1924 dapat dilihat adanya sebuah kelab baru di Kota Bharu dengan nama 'Mohamedan Union Club'.¹³ Kelab ini telah mengadakan pertunjukan bangsawan di panggung 'The Kota Bharu Theatre' pada 21 Oktober 1924. Pertunjukan yang diadakan oleh 'Mohamedan Union Club' ini untuk

9 Lihat "Pengasuh" 25 Jun 1922, tahun 5, bil. 99, hlm. 10.

10 Lihat "Al-Hidayah" Julai 1922, tahun 1, bil. 2, hlm. kulit belakang sebelah dalam.

Lihat "Setjawan Belia" Abdul Rahman Al-Ahmadi, 1986, hlm. 12.

11 Lihat "Pengasuh" 14 Mac 1932, tahun ke 15, bil. 342, hlm. 7.

12 Lihat "Pengasuh" 25 Jun 1922, tahun 5, bil. 99, hlm. 2-4.

13 Lihat "Pengasuh" 29 Oktober 1924, tahun 7, bil. 157, hlm. 12.

menyambut keselamatan Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Ismail berangkat pulang dari lawatan Baginda ke Tanah Jawa pada 9 September 1924 yang diiringi oleh Datuk Nik Mahmud bin Ismail (Datuk Perdana Menteri Paduka Raja), Datuk Wan Daud bin Wan Ali (Datuk Perwira Raja) ADC kepada Al-Sultan dan Tuan C.C. Brown (majistret Kota Bharu).

Pada tahun 1925 ada pula sebuah kelab yang bernama "Taman Setia Kelab"¹⁴ yang telah mengadakan pertunjukan bangsawan dan keramaian bagi menyambut keberangkatan pulang Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Ismail dari lawatan ke Tanah Jawa. Keramaian itu diadakan pada 5 Februari 1925 di "Taman Setia Kelab". Selain pertunjukan bangsawan diadakan juga berzapin. Dalam keramaian itu disampaikan juga hadiah kepada pemenang-pemenang yang berjaya dalam peraduan menembak burung kekek yang telah diadakan pada bulan puasa tahun yang lalu. Medal-medal telah diberi kepada penembak-penembak yang berjaya iaitu:

- i. medal darjah pertama kepada taukeh Yap Hong Gee (Jurubahasa)
- ii. medal darjah kedua kepada Encik Omar (Penolong Ketua Jajahan)
- iii. medal darjah ketiga kepada Wan Daud bin Wan Ali (Datuk Perwira Raja)

Kemudian Datuk Muhamad Daud bin Salim (Datuk Istiadat Mahkota Raja) memberi ucapan dengan titah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan atas ketiga-tiga orang yang berjaya itu.

Dalam pertumbuhan kelab-kelab di Kelantan adanya unsur kurang sihat iaitu hanya menjadi tempat permainan billiard dan kesukaan semata-mata hingga mendapat sorotan pengarang "Pengasuh" dalam tajuk rencana "Kelabkah atau Kelat ataupun Gelap?"¹⁵ Dalam tajuk rencana itu pengarang menyatakan bahawa negeri-negeri Melayu ini semuanya tiap-tiap negeri ada kelabnya, tetapi jika dibandingkan dengan kelab-kelab orang-orang Eropah amat jauh bezanya dengan kelab-kelab orang-orang Melayu. Kelab-kelab kita walaupun pada mulanya ada asas tujuan tetapi kedudukan seperti di atas batu hampar atau di hujung tanduk tiada teguh. Pada mulanya kita membangun kelab dengan makna dan membinanya, tetapi setahun kemudian berubah menjadi kelat, kerana yuran yang wajib dibayar oleh ahlinya menjadi kelat dan akhirnya berubah menjadi gelap. Ya bahkan ada di sana gelap-gelap cerah (terang-terang tidak gelap) kerana ada didalamnya meja hijau (billiard) kadang-kadang hingga jam 4.00 pagi, ada cerah lampunya menyulahi meja itu.

Kalau kita tidak berusaha merubahkan kelab kita jadilah ia kepada kelat dan akhirnya kepada gelap, hendaklah kita ingat kerana kehidupan kelab itu sama dengan surat khabar iaitu:

- i. Ada asas tujuan tertentu yang mesti dijalankan tidak boleh dibelokkan kepada lain-lain tujuan.
- ii. Yuran mestilah dibayar oleh ahlinya.
- iii. Perbelanjaannya mesti dihematkan.
- iv. Kelab itu mesti dibangunkan dekat dengan ahlinya supaya mudah ahlinya berkumpul.

14 Lihat "Pengasuh" 8 Februari 1925, tahun 7, bil. 164, him. 12.

15 Lihat "Pengasuh" 8 September 1926, tahun 9, bil. 203, him. 3.

Dalam tahun 1927 ada bermacam-macam kelab didirikan di Kelantan baik di Kota Bharu, Pasir Mas mahupun di Pasir Putih. Di Pasir Putih pada permulaan tahun 1927 telah wujud sebuah kelab bernama 'New Club Pasir Putih'.¹⁶ Kelab ini telah mengeluarkan majalah pertama bertarikh 15 Mac 1927 bernama 'Trok' yang dipimpin oleh Tengku Ismail bin Tengku Sulaiman (Tengku Sri Perkerma Raja dan Penolong Ketua Jajahan Pasir Putih) dan Muhamad Daud bin Haji Muhd Salleh (Kerani Besar di Pejabat Jajahan Pasir Mas). Majalah ini terbit tiap-tiap pertengahan bulan Shamsiah (bulan Miladiah). 'New Club Pasir Putih' ini merupakan satu-satunya kelab di jajahan itu yang mengeluarkan majalah.

Pada 15 Ogos 1927 ditubuh pula di Pasir Mas kelab dengan nama 'Pasir Mas Kelab'.¹⁷ Yang Dipertua kelab ini ialah Datuk Abdul Hamid (Datuk Lela Negara), mertua kepada Tengku Ahmad Panglima Raja Setiausahanya ialah Tengku Muhd Hamzah bin Tengku Zainal Abidin yang menjadi hakim di Pasir Mas dan tukang wangnya pula ialah Langkamin bin Haji Tahir¹⁸ (Penolong Ketua Pemungut Cukai Pasir Mas). Salah seorang anggota cergas dalam kelab ini ialah Omar bin Amran¹⁹ merinyu polis Pasir Mas. Pasir Mas kelab cergas dalam semua permainan seperti catur dan lain-lain juga ada bilik bacaan yang menyediakan surat-surat khabar dan majalah.

Dalam tahun 1927 ada pula sebuah kelab di Kota Bharu yang didirikan oleh murid-murid tua Sekolah Ingeris Majlis Agama Islam dengan nama "Persekutuan Murid-murid Tua Majlis Agama Islam" atau dalam bahasa Ingerisnya "Old Majlisian Society".²⁰ Pada tahun 1928 "Persekutuan Murid-murid Tua Majlis Agama Islam" ini telah mengeluarkan majalah bernama "Torch". Pada 11 Mei 1928 Persekutuan ini telah mengadakan jamuan teh bagi menghormati ahlinya iaitu Nik Hassan bin Nik Zainal yang telah dipilih oleh Kerajaan untuk melanjutkan pelajarannya ke Maktab Pertanian Serdang. Sebelum dari itu Persekutuan ini telah mengadakan jamuan teh pada 15 April 1928 yang dipengerusikan oleh Tengku Muhd Hamzah bin Tengku Zainal Abidin, kerana memberi selamat kepada tiga sahabat-sahabatnya murid Sekolah Ingeris Majlis Agama Islam iaitu Sheikh Salleh bin Muhamad Bamadhaj, Tengku Abdul Majid bin Tengku Long Nik dan Haji Ibrahim bin Muhamad yang akan melanjutkan pelajaran ke Maktab Tanjung Malim kerana menuntut ilmu guru di sana.

Ahli jawatankuasa "Persekutuan Murid-murid Tua Majlis Agama Islam" ini bagi tahun 1928 adalah terdiri daripada:

i. Yang Dipertua Nik Ahmad Kamil bin Nik Mahmud

-
- 16 Lihat 'Towards A History of Malay Periodicals in Kelantan' Abdul Rahman Al-Ahmadi dalam 'Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State' editan William R. Roff, Oxford University Press 1974, hlm. 177.
- 17 Lihat "Pengasuh" 6 Februari 1928, tahun ke-10, bil. 238, hlm. 9.
- 18 Langkamin bin Haji Tahir adalah seorang yang berasal dari Minangkabau (Sumatera Barat). Beliau menjadi jiran baik keluarga penulis di zaman Jepun dan dalam tahun 1945 sampai tahun 1950. Beliau dapat bertutur berbagai bahasa selain bahasa Ingeris juga bahasa Perancis dan bahasa Belanda.
- 19 Omar bin Amran adalah seorang bekas polis, berasal dari Jawa, mungkin seorang peranakan Jawa-Belanda berdasarkan perawakan fiziknya. Sesudah bersara dari polis membuka kedai kain di Pasir Mas di zaman sebelum Perang Dunia Kedua. Keturunannya masih ada di Pasir Mas antaranya bernama Nasir menjadi keluarga pula kepada penulis.
- 20 Lihat "Pengasuh" 6 April 1928, tahun 11, bil. 242 hlm. 9. Lihat juga "Towards History of Malay Periodicals in Kelantan", Abdul Rahman Al-Ahmadi op. cit., hlm. 177.

- ii. Setiausaha Tengku Muhd Hamzah bin Tengku Zainal Abidin
- iii. Penyimpan Wang Tengku Abdul Majid bin Tengku Besar Tuan Yusuf
 Yang Kehormat
- iv. Jawatankuasa Tengku Mahmud Mahiyuddin bin Tengku Abdul
 Kadir Kamaruddin
 Muhamad bin Baba
 Ahmad bin Ismail
 Abdullah Bakti

Di samping Persekutuan Murid-murid Tua Majlis Agama Islam terdapat pula di Kota Bharu sebuah kelab yang diberi nama "Indera Teruna Kelab"²¹ yang ditubuhkan pada bulan April 1927. Setiausahanya ialah Nik Abdul Rahman bin Nik Muhamad. Rumah Kelab ini pernah dikunjungi oleh Yang Amat Mulia Tengku Indera Petra, Tengku Ibrahim iaitu pada 9 Februari dan pada 17 April 1931. Yang Amat Mulia Tengku Indera Petra telah dijemput ke kelab ini kerana mengucapkan selamat belayar kepada Yang Amat Mulia ke England. Nampaknya kelab ini dapat hidup sampai tahun 1941. Banyak aktiviti telah dilakukan oleh kelab ini antaranya telah mengeluarkan kalendar sendiri pada tahun 1934 dan pada tahun 1935 ikut serta dalam perarakan besar hari ulangtahun keputeraan Sultan Kelantan.

Dalam bulan November atau Disember 1928 berdiri pula di Kota Bharu kelab yang bernama 'Ibrahim Kelab'²² sebuah kelab yang diberi nama sempena dengan nama Yang Teramat Mulia Tengku Ibrahim bin Sultan Muhamad IV yang bergelar Raja Kelantan (bakal Sultan). Kelab ini didirikan dalam kawasan Istana Sri Cemerlang di Jalan Kebun Sultan. Selain kelab 'New Pasir Putih Club' yang menerbitkan majalah maka pada tahun 1928 berdirilah pula kelab baru bernama 'Putera Kelab'²³ di mana kelab ini pada 1 Oktober 1929 telah menerbitkan sebuah majalah bernama 'Putera' tengah bulanan. Pengarangnya ialah Abdul Kadir Adabi bin Ahmad dan penolong pengarangnya ialah Asaad Shukri bin Haji Muda. 'Putera Kelab' merupakan kelab yang bergerak cergas dalam bidang peruratan, pendidikan, agama dan sosial. Artikel-artikel dalam majalah 'Putera' sangat tajam menentang golongan ulama dengan tajuk 'Ulama Mana Mengganti Nabi' dan sebab artikel inilah menyebabkan 'Putera' dilarang penerbitan oleh pihak Inggeris.

Dalam tahun 1929 kita lihat ada kelab yang lain corak dari kelab-kelab sebelumnya iaitu kelab bersifat perniagaan. Kelab itu diberi nama 'Kelab Perniagaan Islam Kelantan'.²⁴ Inilah kelab pertama di Kelantan yang terjun dalam bidang perniagaan bumiputera. Sebelum ini memang ada juga pakatan orang-orang Melayu Kelantan dalam bidang perniagaan bersifat syarikat. Syarikat itu

21 Lihat 'Pengasuh' 23 April 1936, tahun 19, bil. 555, hlm. 12

22 Lihat "Pengasuh" 27 Disember 1928, tahun 11, bil. 260, hlm. 12.

23 Lihat "Pengasuh" 8 Julai 1929, tahun 12, bil. 273, hlm. 11. Lihat juga satu kajian dan perbandingan 'Riwayat Hidup Kadir Adabi Dengan Asaad Shukri', Abdul Rahman Al-Ahmadi, tesis sarjana, Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1978, hlm. 31.

24 Lihat 'Ensiklopedia Kelantanika' Abdul Rahman Al-Ahmadi, manuskrip dan lihat Buku Undang-undang Kelab Perniagaan Islam Kelantan 1929' dicetak di Matbaah Mustafa Press, Kota Bharu, Kelantan 1938.

diberi nama 'Jamiah Al-Ikhwan'²⁵ yang didirikan di Kota Bharu dalam tahun 1918. Jamiah ini sifatnya hanya membuka kedai minuman sahaja dan dapat hidup hanya beberapa tahun sahaja.

'Kelab Perniagaan Islam Kelantan' ini pada 11 Januari 1938 telah mengadakan Mesyuarat Agungnya dan telah memilih ahli jawatankuasanya sebagai berikut:

- | | |
|-------------------------|---|
| i. Yang Dipertua | Haji Yusuf bin Haji Sulong (Saudagar) |
| ii. Naib Yang Dipertua | Nik Hussin bin Nik Daud
(Tuan-punya Z.W. Ikhwan) |
| iii. Tukang Wang | Haji Ismail bin Haji Sulong (Saudagar) |
| iv. Pemeriksa Kira-kira | Muhamad Ali bin Ibrahim (United Cycle) |
| v. Setiausaha | Abdul Rahman bin Haji Ahmad
(Encik Man) |
| vi. Penolong Setiausaha | Haji Abdul Hamid bin Haji Yusuf |

Ahli Jawatankuasa:

Nik Yahya bin Nik Daud

(Tuan punya Tukang Emas Melayu, Kota Bharu)

Haji Daud bin Haji Abu Bakar Al-Ahmadi

(Tuan punya kedai kitab, Kota Bharu)

Sulaiman bin Haji Encik Ha'

(Saudagar membuat batik Kelantan)

Wan Mahmud & Sons

(Kedai Songkok Melayu dan Ejen Surat Khabar, Kota Bharu)

Ahmad Company (Tuan punya Kedai Emas Melayu, Kota Bharu)

Hamid bin Ismail (Kedai Songkok)

Di Pasir Mas yang menjadi ahlinya ialah Haji Muhamad bin Haji Daud Al-Ahmadi, tuan punya kedai kitab Haji Muhamad Daud Al-Ahmadi, Pasir Mas (ayahanda kepada penulis makalah ini).

Di Jajahan Hulu Kelantan tidak ketinggalan juga dalam mendirikan kelab. Dalam tahun 1929 kita dapati ada kelab yang diberi nama 'Cosmopolitan Club'.²⁶ Kelab ini dianggotai oleh pegawai-pegawai kerajaan dari berbagai bangsa - Melayu, Cina dan India. Anggota-anggotanya kita dapati seperti Muhamad (Penolong Pegawai Jajahan), A.B. Nagaratnam, Rao (Chief Clerk Railway Kuala Krai) dan Abdul Hamid (Chief Clerk Audit). Pada 18 April 1929 kelab ini pernah mengadakan jamuan nasi dan permainan ronggeng yang cukup memberi puas hati kepada yang hadir. Di antara yang hadir ialah Hamzah (Inspektor Polis Kuala Krai).

Ada lagi sebuah kelab yang muncul di Kota Bharu dalam tahun 1929 bernama 'Boys Union Club of Kelantan'.²⁷ Kelab ini dapat kita ikuti aktivitinya melalui tulisan anggota-anggotanya dalam majalah "Pengasuh" yang ditulis oleh Ahmad. Tidak dapat diketahui perjalanan Kelab ini selanjutnya.

25 Lihat "Pengasuh" 19 Ogos 1921, tahun 4 bil. 78, hlm. 12 dan lihat juga satu kajian dan perbandingan 'Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri', op. cit., hlm. 108.

26 Lihat "Pengasuh" 6 Jun 1932, tahun 15, bil. 354, hlm. 11.

27 Lihat "Pengasuh" 26 Mac 1929, tahun ke-12, bil. 266, hlm. 12.

Dari kenyataan di atas ternyatalah bahawa di Kelantan mulai tahun 1915 sampai tahun 1929 belum ada lagi persekutuan orang Melayu bercorak politik. Kelab-kelab yang ada itu berkisar pada kegiatan sosial, budaya dan perniagaan. Pada bulan Disember 1930 dalam majalah "Pengasuh" ada rencana pengarang bertajuk 'Kesatuan Melayu Semenanjung'²⁸ yang menyeru orang-orang Melayu Semenanjung supaya bersatu bersifat kebangsaan. Rencana "Kesatuan Melayu Semenanjung" mencadangkan supaya kesatuan itu:

- i. mempunyai ahli daripada anak-anak Melayu yang bukan pegawai atau orang makan gaji kerajaan
- ii. menetapkan tiap negeri Melayu dalam Semenanjung ini menjadi markas atau pusat menggerakkan persekutuan itu,
- iii. menerbitkan ditiap negeri Melayu dalam Semenanjung ini dua surat khabar satu dengan bahasa Melayu, dan satu lagi dengan bahasa Inggeris supaya menjadi 'leader' atau suara kesatuan kepada pembacanya. Surat khabar itu hendaklah dikeluarkan di markas kesatuan itu.

Adapun kesatuan yang disyorkan ini belum ada lagi dalam Semenanjung. Walaupun ada di tiap-tiap negeri Melayu itu beberapa persekutuan atau kelab tetapi tidaklah berasas kepada kesatuan yang dimaksud itu.

Seruan 'Pengasuh' ini mendapat sambutan daripada Abdul Kadir Adabi yang terus menulis dan mengajak masyarakat Melayu Kelantan khususnya supaya segera mengadakan 'Kesatuan Melayu Semenanjung' itu. Abdul Kadir Adabi lalu menyatakan bahawa 'Kesedaran umum bersifat politik mulai nampak sekarang dan di tiap jajahan di negeri Kelantan sudah ada pergerakannya, di Kota Bharu, Pasir Mas, Tumpat, Pasir Putih, Bachok, Kuala Krai dan di kampung-kampung seolah-olah mereka sudah faham bahawa hidup ini mesti bersatu dan membuat segala pekerjaan yang akan menjadi tapak kepada kemajuan. Di Kuala Krai sudah ada Syarikat Muhamad Ali Ismail & Company dan di Pasir Putih sudah ada Syarikat Peladang. Ini mungkin bahawa orang-orang Melayu sudah mulai mengorak langkah dalam bidang perniagaan'.

Suluhan Abdul Kadir Adabi tentang gerakan umum di Kelantan itu bukan sahaja bersifat ekonomi, tetapi juga sebagai satu gerakan kemajuan ke arah gerakan bersifat politik sebab ekonomi adalah tangga bagi kesedaran politik.

Keinginan kepada persatuan yang lebih luas ertinya daripada hanya berkelab seperti yang sudah-sudah yang hanya berkisar kepada kesukaan permainan semata-mata, sekarang mulai berubah dan pada tahun 1931 di Kampung Laut berdirilah persatuan bernama 'Lunas Setia Kelab'²⁹ dengan tujuan untuk bersekutu memajukan agama dan kehidupan. Kelab ini diketuai oleh Nik Mat Kaya dan setiausahanya ialah Harun b. Daud.

Sementara itu pegawai-pegawai kerajaan pula telah berura-ura hendak mendirikan 'Persekutuan Pegawai' bersifat kooperatif dan tolong menolong jimat cermat. Dalam tahun 1931 juga bermula satu gerakan yang lebih luas di mana kelab tidak lagi hanya mementingkan permainan dan bersuka ria sahaja, tetapi telah mengalihkan kepada kegiatan sosial yang bersifat pelajaran, ilmiah

28 Lihat "Pengasuh" 21 Disember 1930, tahun ke-13, bil. 309, hlm. 4-5.

29 Lihat "Pengasuh" 1 Jun 1931 tahun ke-14, bil. 320 hlm. 12.

dan sedikit sebanyak ada unsur-unsur bersifat politik. Kelab ini bernama 'Setiawan Belia'³⁰ yang didirikan pada 1 Oktober 1931. Kegiatan 'Setiawan Belia' tidak hanya terhad kepada kegiatan seni budaya, sastera, pelajaran tetapi juga ceramah bersifat ilmiah dan politik.

'Setiawan Belia' tidak hanya berhubungan dengan tokoh-tokoh tempatan seperti Abdul Kadir Adabi, Ustaz Haji Wan Mahmud bin Wan Daud, tetapi jugah berhubungan dengan tokoh-tokoh luar Kelantan dan luar negeri. Di antara tokoh-tokoh luar Kelantan ialah Syed Hussein Al-Sagaf dan Abdul Rahim Kajai dari 'Warta Malaya', Ishak bin Haji Muhamad, Ibrahim bin Haji Yaakub, Burhanuddin bin Muhd Nur (Dr. Burhanuddin), Haji Abbas Taha, Mejar Datuk Muhamad Said dari Johor, Syed Alwi Al-Hadi dari 'Sahabat Pena Malaya', sedangkan dengan tokoh-tokoh luar negeri seperti Dr. William Hunt dari Chicago University, Amerika Syarikat, dan Muhamad Zain dari 'Gerakan Islam' Jawa Timur.

Tokoh-tokoh tersebut di atas selalu memberi ceramah kepada ahli-ahli 'Setiawan Belia' dalam semua lapangan seperti agama, budaya, pelajaran, ekonomi dan politik. Melalui 'Setiawan Belia' inilah hubungan telah diadakan dengan 'Kesatuan Melayu Muda' yang ditubuhkan dalam tahun 1937. Melalui tokoh-tokoh 'Setiawan Belialah' pula ia menjadi asas kepada penubuhan 'Kesatuan Melayu Muda' cawangan Kelantan.³¹

Dipelopori oleh 'Setiawan Belia' yang tidak hanya membatasi dirinya kepada kegiatan tempatan semata-mata tetapi juga sudah mengadakan hubungan dengan belia-belia Terengganu hingga antara kedua belia dua negeri ini telah diadakan saling kerjasama dan saling kunjung mengunjungi. Pada tahun 1934 belia Terengganu telah pula berura-ura hendak menerbitkan majalah 'Teman' mencontohi kegiatan belia di Kelantan. Kegiatan kerjasama antara berbagai daerah dan negeri di seluruh Semenanjung ini telah pula dilakukan misalnya dengan 'Sahabat Pena Malaya'.

Kegiatan 'Setiawan Belia' yang penting dalam tahun 1934 ialah menyerahkan Kamus Setiawan kepada 'Dewan Bahasa Melayu' iaitu sebuah pertubuhan yang bergiat dalam bidang bahasa dan persuratan. 'Dewan Bahasa Melayu' ini telah mengesahkan undang-undang tubuhnya dalam mesyuarat agungunya yang kedua pada 29 September 1933 dan disahkan oleh Kerajaan pada 8 November 1933.

Adapun ahli 'Dewan Bahasa Melayu' ialah:

- | | |
|------------------------|--|
| i. Yang Dipertua | Tengku Mahmud Mahiyuddin bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin |
| ii. Naib Yang Dipertua | Nik Ahmad Kamil bin Nik Mahmud. |
| iii. Setiausaha | Asaad Shukri bin Haji Muda |
| iv. Penyimpan Wang | Ahmad bin Ismail |
| v. Pemeriksa Kira-kira | Muhamad bin Baba |
| Jawatankuasa: | Haji Ahmad Mahir bin Ismail |
| | Haji Nik Yusof Hilmi |
| | Haji Abdul Karim bin Abdul Malik |

30 Lihat 'Setiawan Belia', Abdul Rahman Al-Ahmadi dalam 'Warisan Kelantan' bilangan V, 1986 monogeraf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hlm. 12-22.

31 Ibid.

Muhamad Adnan bin Muhamad Ariffin
Hassan bin Haji Omar
Cikgu Daing Abdul Hamid
Cikgu Nik Muhamad bin Yaakub
Abdul Kadir Adabi bin Ahmad

Aktiviti "Dewan Bahasa Melayu" ini selain untuk menyusun sebuah "Ensai-klopedia Melayu" juga bergiat menyusun sebuah "Kamus Setiawan" yang diusahakan oleh Komiti Kamus Setiawan.

Dalam tahun 1935 telah ditubuhkan pula di Kelantan "Persatuan Sahabat Pena Malaya" cawangan Kelantan. Yang Dipertuanya waktu itu ialah Abdul Rahman bin Haji Ahmad, Salleh Marsi sebagai Setiausaha dan Haji Yusuf sebagai ahli jawatankuasa. Pada 1 Syawal 1355 = 1934 'Persatuan Sahabat Pena Malaya Cawangan Kelantan' telah mengadakan perjumpaan Hari Raya Aidilfitri dan sekali gus mengadakan Mesyuarat Agungnya di mana dalam perjumpaan itu diterima permohonan berhenti daripada Yang Dipertuanya yang lama iaitu Abdul Rahman bin Haji Ahmad dan Setiausahanya Salleh Marsi. Mesyuarat telah bersetuju melantik ahli Jawatankuasa yang baru terdiri daripada.³²

- | | |
|-------------------------|--|
| i. Yang Dipertua | Abdul Hamid
(Hakim Yang Kedua Mahkamah Besar) |
| ii. Naib Yang Dipertua | Harun (Penjaga Stor Pejabat Kerjaraya) |
| iii. Setiausaha | Abdul Rahman bin Haji Ahmad |
| iv. Pen. Setiausaha | Haji Yusof (Pejabat Pemeriksa Kira-kira) |
| v. Penyimpan Wang | Wan Jaafar (Pejabat Pos) |
| vi. Pemeriksa Kira-kira | Tengku Abdul Kadir
(Pejabat Pemeriksa Kira-kira) |
| vii. Ahli Mesyuarat | Osman (Merinyu)
Haji Wan Mahmud bin Wan Daud
Abdul Kadir (Sarjan Mejar)
Abdul Salam (Pejabat Pos) |

Pada 7 Januari 1937 "Persatuan Sahabat Pena Malaya" Cawangan Kelantan telah mengadakan jamuan ringan meraikan tetamu dari Singapura iaitu Haji Abbas Taha (Yang Dipertua Ulama-ulama Singapura dan Kadi Besar Singapura) dan Burhanuddin bin Muhd Nur (Dr. Burhanuddin Al-Hilmi).³³ Hadir dalam jamuan itu antara lain tokoh-tokoh dari Kelantan seperti Haji Nik Muhamad bin Haji Wan Musa, Ahmad bin Ismail Al-Asasih dan Asaad Shukri bin Haji Muda, Setiausaha "Setiawan Belia".

Pada 15 Februari 1937 datang pula ke Kota Bharu Setiausaha Agung 'Persatuan Sahabat Pena Malaya' dan Pengarang majalah 'Saudara' Pulau Pinang, iaitu Tuan Syed Alwi Al-Hadi yang menjadi tetamu kepada Yang Dipertua 'Persatuan Sahabat Pena Malaya Cawangan Kelantan' iaitu Abdul Hamid. Pada 16 Februari 1937 Tuan Syed Alwi Al-Hadi telah mengadakan perjumpaan dengan ahli-ahli 'Persatuan Sahabat Pena Malaya Cawangan Kelantan' di mana beliau

32 Lihat "Pengasuh" 24 Disember 1936 tahun 20, bil. 590, hlm. 8 dan 19.

33 Lihat "Pengasuh" 14 Januari 1937 tahun 20, bil. 593, hlm. 9.

telah berucap dengan panjang lebar tentang pentingnya pena dalam perjuangan bangsa.³⁴

Antara tahun 1931 dan 1936 telah tersiar dalam majalah 'Pengasuh' mengenai pergolakan Islam di Turki, Mesir, Afrika dan Indonesia. Tulisan yang penting yang mempersoalkan isu Islam ini ialah tulisan Abdul Kadir Adabi bertajuk 'Pemerintah Perancis dan Islam di Maghribi'.³⁵

Dalam tulisan itu Abdul Kadir Adabi menyatakan bahawa pemerintah Perancis telah melakukan kekerasan terhadap si-lemah yang ada dalam takluknya supaya menganut agama Kristian dan meninggalkan agama Islam. Tulisan Abdul Kadir Adabi ini berdasarkan sepucuk surat sebaran yang diterimanya dengan susah payah dari 'Komiti Pertahanan Kumpulan Pemuda Islam' di Baghdad kepada Menteri Luar Negeri Perancis dan kepada Kerajaan-kerajaan Besar Dunia dan Liga Bangsa-bangsa di Geneva. Dalam surat itu dinyatakan:

Umat Islam di Maghribi menentang pemerintah Perancis kerana hendak mengkristiankan sebanyak 7 million kaum Islam dengan paksaan dan kekuatan senjata, banyak sekolah agama dan mahkamah orang Islam ditutup, sedangkan orang Islam di sana dipaksa mengikuti undang-undang yang menyalahi agama Islam baik tentang perkahwinan, pusaka dan lain-lain yang mengingatkan kita apa yang dilakukan oleh Potas dan Isabella pada kurun pertengahan di Sepanyol.

Perbuatan semacam ini tak patut dilakukan oleh Pemerintah Perancis yang selalu mengaku bahawa dialah ibu kemerdekaan dan pengangkat darjat kemanusiaan di dunia.

Perbuatan kejam Perancis ini akan ditentang oleh orang-orang Islam yang berjumlah 400 juta di dunia yang memandang Perancis menentang agama mereka. Kita akan siarkan kekejaman itu dalam mimbar-mimbar masjid, di bangku-bangku sekolah dan di perkumpulan di seluruh akhbar. Tuhan akan menepati janjinya akan menolong agama dan orang yang mempertahankan agamanya.

Demikianlah sebahagian kecil isi surat sebaran itu dan menanggapi peristiwa itu Abdul Kadir Adabi menyuarakan agar seluruh dunia Islam menolong menyelamatkan saudara-saudara Islam itu dan menolak segala paksaan itu. Baginya apa yang terjadi di Maghribi (Moroko) itu patut mendapat perhatian umat Islam.

Sehubungan dengan peristiwa di atas, Abdul Kadir Adabi menyeru pula agar kaum ulama dan kaum Muslimin di Tanah Melayu mencontohi umat Islam Surabaya yang bangkit menentang golongan Hoakiau di Indonesia yang menghina dan mencerca Nabi Muhamad melalui akhbar-akhbar Cina di sana. Bagi Abdul Kadir Adabi, Islam, ulama dan penganjur setiap bangsa adalah merupakan barisan hadapan yang memberi kesedaran terhadap jatuh bangunnya umat Islam dan segala kejahatan yang berlaku di sekitar orang-orang Islam seperti di Tripoli, Libya, dan lain-lain adalah tanggungjawab mereka dan kepada sekalian orang Islam wajiblah sedar dan tutuplah sebarang peluang kepada musuh-musuh Islam jangan sampai terbuka.

Bagi Abdul Kadir Adabi, agama dan bangsa itu kait mengait, lemah agama, lemah bangsa dan lemah bangsa, lemahlah pula semua yang lain bahkan membawa kepada hancurnya kehidupan umat itu. Oleh kerana 'Komiti Islam Surabaya' telah menunjukkan persatuannya yang berjaya maka golongan Hoakiau

34 Lihat 'Pengasuh' 18 Februari 1937, tahun ke-20, bil. 598, hlm. 13.

35 Lihat satu kajian dan perbandingan 'Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Assad Shukri', Abdul Rahman Al-Ahmadi, op. cit., hlm. 101-103.

itu terpaksa meminta maaf. Bagi umat Islam di Tanah Melayu mesti bersatu dan bergerak tidak boleh berpeluk tubuh sahaja.

Seruan Abdul Kadir Adabi ini mendapat perhatian dari seorang penulis yang mengatakan bahawa :

Sekiranya tuan guru kita ikut bersama menyerukan bangsa kita ke arah persatuan tentulah akan segera berjaya, sebab memandang hari ini kita telah dihipit oleh kaum Cina dan India yang mana jika dibiarkan akan menjadi hama masuk ke dalam sendi-sendi iktikad dan iman Islam bahkan taun ketamakan kaum pedagang itu akan menghapuskan nama bangsa kita.

Sementara itu, Haji Taha Abbas di Singapura telah menyerukan pula supaya kaum Muslimin Malaya menubuhkan 'Persatuan Ulama Setanah Melayu' sebagai mana di Indonesia. Abdul Kadir Adabi juga menghendaki supaya umat Islam bukan saja bersatu tetapi juga berjihad pula. Mungkin kesan dari seruan Abdul Kadir Adabi, maka dalam tahun 1936 berdirilah di Kelantan 'Persatuan Ulama' dengan nama 'Al-Jabhatul Al-Diniah Al-Islamiah'³⁶ dipimpin oleh Haji Abdullah bin Tahir dan saudaranya Haji Mukhtar. 'Persatuan Ulama' ini dapat menyatukan sebahagian ulama Kelantan dan menjalankan kegiatan dakwah di seluruh Kelantan. Mungkin dapat dihubungkan dengan kegiatan dakwah mereka ialah dengan diterbitkan beberapa risalah agama seperti "Hazihi Al-Risalah Fi Fan Usul Al-Mansubah Ila Al-Syraf Al Al-Jarnani", 'Al-Ajubah Al-Jaliah', 'Nazam al-Maksud Lil-Alamah Ahmad bin Abdul Rahim'. Semua risalah itu dicetak dan diterbitkan oleh Nurul Ikhwani Press, Bunut Payung, Kelantan Darul Naim, pada tahun 1358 = 1937.³⁷

Sebagai sebuah negeri yang mempunyai tradisi budaya dan ilmu telah menarik minat pemuda pemudi Kelantan yang terdidik dalam pendidikan Inggeris dari Sekolah Sultan Ismail (Ismail English School) untuk aktif dalam bidang kesenian, sukan dan ilmu, lalu pada bulan April 1938 telah ditubuhkan Persekutuan '*Suara Muda*'. Di antara ahli-ahli yang penting ialah Ishak bin Abdul Hamid dan Abdullah bin Mahmud.³⁸

Pada zaman pendudukan Jepun (1941-1945) salah seorang ahli '*Suara Muda*' Nik Yusof bin Nik Ali telah berjaya dipilih melanjutkan pelajarannya ke Tokyo. Dalam bulan April 1947 '*Suara Muda*' telah mengadakan perayaan ulangtahun penubuhannya yang kesembilan di samping itu juga mengadakan perjumpaan Hari Raya Idulfitri dan sembahyang Hajat dan tahlil aruah kepada ahli-ahlinya yang telah meninggal iaitu Muhamad bin Haji Yaakub (Mat Belat), Nik Yusof bin Nik Ali (Tokyo, meninggal dunia akibat bom atom di Hiroshima, Jepun) dan Nik Hassan bin Nik Abdullah.³⁹

Dalam perayaan ulangtahun ke-9 '*Suara Muda*' ini turut hadir Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan (Sultan Ibrahim) yang telah berkenan pula berucap. Di antara isi titah ucapan itu ialah: 'Pada Malam ini sekali lagi Kelantan dapat melihat dan menandakan dalam sejarahnya sebuah usaha yang dijalankan

36. Lihat 'Haji Abdullah bin Tahir Dalam Kenangan' oleh Yusuf Zaki Yaakub dalam 'Pengasuh' 5 Mac 1975, bil. 404, hlm. 48.

37. Lihat Fhsaiklopedia Kelantanika' Abdul Rahman Al-Ahmadi (Manuskrip).

38. Lihat Mohamad Zain Saleh 'Sejarah UMNO Kelantan' diterbitkan oleh Jawatankuasa Penerangan UMNO, Perhubungan Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1985, hlm. 5.

39. Lihat "Pengasuh" 10 April 1947, tahun ke-22, bil. 44, hlm. 8.

oleh pemuda-pemuda negeri ini kerana mempersatukan tenaga bagi faedah pertubuhan persekutuannya dan juga kerana dapat mengadakan derma pelajaran. Anak-anak muda negeri ini sungguh mengetahui perubahan dunia sekarang, kami berharap segala cita-cita pemuda itu dapat berjaya dengan berusaha lagi bagi memajukan mutu bangsa dengan rajin bekerja dan banyak menambah ilmu pengetahuan bagi menjaga negeri sendiri'.⁴⁰

Dalam tahun 1936 makin nampak kesedaran politik dan rasa persatuan kebangsaan di kalangan orang Melayu Kelantan, perasaan untuk menghilangkan fahaman kedaerahan ini jelas pada 20 April 1939 apabila ditubuhkan 'Persatuan Melayu Kelantan'.⁴¹ 'Persatuan Melayu Kelantan' ini mengadakan mesyuarat untuk mengesahkan undang-undang tubuhnya di Sekolah Melayu Padang Garung. Mesyuarat itu dipengerusi oleh Nik Muhamad Salleh bin Omar dengan komiti undang-undangnya terdiri daripada.

- i. Jaafar bin Mampak
- ii. Abdul Kadir Adabi bin Ahmad
- iii. Asaad Shukri bin Haji Muda
- iv. Haji Nik Yusof bin Ismail
- v. Nik Mahmud bin Haji Abdul Majid

Dalam mesyuarat itu rang undang-undangnya dibaca oleh Asaad Shukri kepada orang ramai dan berlakulah perbincangan panjang khususnya mengenai takrif Melayu. Mengikut undang-undang itu takrif Melayu bermaknalah orang Melayu lelaki dan perempuan sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu bapanya Melayu serta mengekalkan kemelayuan bercakap dengan bahasa Melayu dan beradat istiadat Melayu, beragama Islam yang berumur tiada kurang daripada 16 tahun.

Sesudah berbincang hangat Abdul Kadir Adabi menerangkan pengetahuannya dan cara alasan yang lazim dipakai oleh Kerajaan Tanah Melayu dan Kelantan ini sendiri. Akhirnya terdengarlah tepuk gemuruh menyatakan persetujuan dan kemudian rang undang-undang disahkan dan dipilihlah ahli jawatankuasa seperti berikut:

- | | |
|------------------------------|---|
| i. Yang Dipertua | Nik Muhamad Salleh bin Omar |
| ii. Naib Yang Dipertua | Nik Yahya bin Nik Daud |
| iii. Naib Yang Dipertua II | Nik Abdullah bin Nik Mat |
| iv. Setiausaha | Haji Othman bin Tahir |
| v. Pen. Setiausaha | Omar bin Kassim |
| vi. Penyimpan Wang | Ahmad bin Ismail |
| vii. Pen. Penyimpan Wang | Wan Muhamad Salleh bin Haji Muhamad Yusuf |
| viii. Pemeriksa Kira-kira | Haji Nik Yusof bin Ismail |
| ix. Pen. Pemeriksa Kira-kira | Muhamad bin Busu |
| x. Penasihat | Jaafar bin Mampak |
| ix. Jawatankuasa | Abdul Kadir Adabi bin Ahmad |
| | Asaad Shukri bin Haji Muda |

40 Lihat 'Pengasuh' 23 Oktober 1947, tahun ke-22 bil. 72, hlm. 4.

41 Lihat Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri', Abdul Rahman Al-Ahmadi, op. cit., hlm. 26 dan 37. Lihat juga 'Al-Hikmah' 27 April 1929, tahun ke-6, bil. 241, hlm. 19.

Sidik bin Muhamad Ali
 Ahmad bin Ibrahim
 Cikgu Daud bin Abdul Jamil
 Nik Muhamad b. Haji Abdul Hamid

Sesudah terbentuk 'Persatuan Melayu Kelantan' ini maka pada 25 April 1939 datanglah ke Kota Bharu, Ishak bin Haji Muhamad sebagai wakil 'Utusan Melayu' yang dicadangkan akan diterbitkan di Singapura. Tidaklah diketahui sejauh manakah kaitan kedatangan Ishak ini dengan aktiviti 'Persatuan Melayu Kelantan' ini. Namun pada 27 Julai 1939 majalah 'Al-Hikmah' ada menyiarkan dalam 'Halaman peribahasanya' sebuah tajuk 'Adakah Sekarang Patut didirikan Persatuan Melayu Semalaya?'. Sementara itu 'Setiawan Belia' telah pula pada 23 Julai 1939 mengadakan majlis perbahasan berkenaan dengan tajuk di atas dengan barisan pencadang Cikgu Daud dan penyokong Abdul Kadir Adabi bin Ahmad dan pembahasnya pula ialah Abdul Rab Attamimi dan penyokongnya Hadrami Noh. Hakim perbahasan itu ialah Ahmad bin Ismail Al-Asasiah. Hasil dari perbahasan ini jumlah suaranya amnya banyak yang bersetuju patut dan telah sampai masanya didirikan 'Persatuan Melayu Malaya'. Pada 6 Ogos 1939 diadakan perjumpaan pertama di Kuala Lumpur bagi penubuhan 'Persatuan Melayu Semenanjung'.

Dengan tertubuhnya 'Persatuan Melayu' di Kelantan ini maka makin kongkritlah gerakan pertubuhan orang Melayu Kelantan bergerak dalam bidang politik.

Pada 9 Februari 1940 dan menjelang kedatangan Jepun ke Tanah Melayu telah ditubuhkan pula satu persatuan di Kelantan dengan nama 'Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan'.⁴² Persekutuan ini nampaknya selain bercorak sosial juga ada bercorak politik dan ekonomi. Adapun ahli Jawatankuasa 'Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan' ini ialah;

i. Tengku Mahmud bin Sultan Mohamad ke-IV	Yang Dipertua
ii. Tengku Mahmud Mahiyuddin bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin	Naib Yang Dipertua
iii. Nik Yahya bin Nik Daud	Naib Yang Dipertua
iv. Ahmad bin Ismail	Naib Yang Dipertua
v. Nik Mahmud bin Haji Abdul Majid	Setiausaha
vi. Ismail bin Yusof	Penyimpan Wang
vii. Tengku Sriwangsa (Tengku Zainal Abidin bin Tengku Chik)	Jawatankuasa
viii. Nik Abdullah bin Nik Hassan	Jawatankuasa
ix. Abdul Rahman bin Haji Ahmad	Jawatankuasa
x. Mahmud bin Haji Abdul Rahman	Jawatankuasa
xi. Haji Wan Muhamad bin Haji Wan Ahmad	Jawatankuasa
xii. Abdul Hamid bin Haji Taib	Jawatankuasa
xiii. Ismail bin Yusof	Jawatankuasa

⁴² Lihat 'Tentangan Orang Melayu Kelantan Terhadap Malayan Union', Nik Mohamed bin Nik Mohd. Salleh dalam 'Warisan Kelantan V', hlm. 92 dan 'Ehsaikiopedia Kelantanika', Abdul Rahman Al-Ahmadi (manuskrip) dan lihat 'Al-Hikmah' 27 Februari 1941, tahun ke-7, bil. 337, hlm. 15.

xiv. Nik Daud bin Nik Abd. Rahman	Jawatankuasa
xv. Asaad Shukri bin Haji Muda	Jawatankuasa
xvi. Abdul Kadir Adabi bin Ahmad	Jawatankuasa

Dari daftar nama tersebut di atas ada di antara mereka bergerak cergas dalam politik menjelang kemasukan dan sesudah pendudukan Jepun di Tanah Melayu seperti Asaad Shukri, Abdul Kadir Adabi dan lain-lain. Asaad Shukri walaupun beliau tidak terang-terangan menjadi ahli 'Kesatuan Melayu Muda' pada awal-awal ditubuhkan pada tahun 1937, namun melalui 'Setiawan Belia', beliau menjadi pusat aktivis 'Kesatuan Melayu Muda' di Kelantan. Dalam tahun 1940, beliau telah berjumpa dengan Ibrahim bin Haji Yaakub dan Hassan Manan di Kuala Lumpur di mana beliau terus menjadi anggota 'Kesatuan Melayu Muda'. Pada akhir tahun 1940 Asaad Shukri ke Singapura dan di dalam sebuah restoran yang bernama 'National Restaurant' di Serangoon Road,⁴³ beliau telah berikrar akan menyumbangkan tenaganya untuk negeri dan kebangsaan Melayu.

Perhatian Asaad Shukri tidak sahaja dalam bidang politik, tetapi juga dalam bidang persuratkhabaran di mana beliau pada 10 Januari 1941 telah berucap panjang dalam satu mesyuarat penubuhan 'Persatuan Wartawan Kelantan'⁴⁴ yang diadakan di rumah 'Persekutuan Islam Perniagaan, Kelab Kota Bharu', di bawah anjuran Nik Mahmud bin Nik Haji Abdul Majid, setiausaha 'Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan'. Mesyuarat itu dihadiri oleh beberapa orang tokoh.

- i Ahmad bin Ismail (Al-Hikmah)
(dikenali juga sebagai Ahmad bin Ismail Al-Asasih)
- ii. Haji Wan Mahmud bin Wan Daud
- iii. Cikgu Muhd. Abu Bakar bin Saman
- iv. Cikgu Muhd Daud bin Abdul Jamil Serendah
- v. Cikgu Muhamad b. Ahmad
- vi. Haji Nik Yusuf Hilmi
- vii. Muhamad Zain Hukmi
- viii. Muhamad Sofi Abdul Kadir
- ix. Yusof Zaki
- x. Ismail Shauqi
- xi. Wan Abdullah Silmi
- xii. Abdul Rab Attamimi
- xiii. Cik Sofiah Khuzaimah
- xiv. Maryam Saadi
- xv. Jaafar bin Haji Omar

Dalam mesyuarat ini, selain Muhamad Adnan, Ahmad Ismail Al-Hikmah, Ustaz Haji Wan Mahmud, Zain Hukmi, Abdul Rab Attamimi, Cikgu Daud Serendah juga Asaad Shukri telah berucap panjang dan masing-masing telah bersetuju menubuhkan dan akan menyerahkan perkara ini kepada persidangan khas 'Setiawan Belia' pada mengesahkan pertubuhan jamaah wartawan itu.

43 Lihat 'Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri', op. cit., hlm. 56.

44 Lihat 'Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri', op. cit., hlm. 57. Lihat juga 'Al-Hikmah', 16 Januari 1941, tahun ke-7, bil. 331, hlm. 19.

تاریخ :

عداقت ابره

سیدی

سنوسی

الیاس

کوت بهارو

کلتن

متھاری

بیلان 1 (احد 10 ذی الحجہ 1360) تاون 1

دوانم یسا تیمور، کیت منشی بریقین تاقن
برسام ۲ نیقون میناس دان مغھالوکن سنرو ۲ کیت
دري مستجوغ تانہ ملايو سنوان

سودارا ۲۱. بوکن افرکنان ۲ بغدادن این
کیت سپونکن دغن نباد دالیل، بقین تولالو توغ
بکران، فد: تیف ۲ نمفت دان نكري ملايو بقله
فماسوقکي اوله عسکر ۲ نیقون مریکیت تیلن
نبوات اف ۲ کسوسن کانس اورغ ۲ ملايو، تیلن
مروستکن هرت بندا اورغ ۲ ملايو دان مریکیت
ستاس منجاگ دیرین سکالی ۲ نیاد ماو برقرغ
دغن اورغ ۲ ملايو، مریکیت سنوان برآدیه
برقریب سوفن دغن اورغ ۲ ملايو سبجارا این
یسا تیمور بغیر تورون تیمورین.

مک جاننله ابرغ ۲ ملايو مانسکن فلواغ
یغ سهایس ۲ بایک این، سرآدیه عسکر ۲ نیقون،
بکر جسمان ۲ له دغن یسا نیقون، سرت برسورقه
کیت دغن سورق ۲ کمانن یسها سبر.

نیقون منغ، ملايو منغ دان بریش کاله دان
خانو دغن سکر، هنجور له اغایر بریش دالیم
سمنجوغ دان سوات عاتم سکاورغ بریش نیاد
ی این لاکو سسای تیمور این، تیمن میناسکن
سکالی یسا نو شایم دان اپدی این دان
برهکانه یسا ملايو برسام ۲ نیقون ادا.

اورغ ۲ ملايو مودا دان تو اقاتوه تاهو!

سودارا ۲۱.

سکاورغ توغن یسها کواس تله مبادارکن
کدالم عالم ملايو این اودارا بهارو، اودارا
یغ سبجارا فراوانن ۲ بههارو یغ بوله دفرجای دان
دعارف یسا ملايو سنوان اکن منجادی سانو
یسا یغ هیدوق دغن کهدوقن یسا تیمور
یقبلیا.

فراسان ۲ لام سکاورغ تله هنجور ابرو
دان فراسان بهارو یغترقدم دهولو سودهله
یشیت، باشون مریق مقسبکن ساقن بغیرتوادم
اورغ، کلتنن دان توغکانو سدغ مارا کهدانن
دان دوارکن لاین ۲ نمفت سنوان باشون سرت
برسام ۲.

تیمور باکی تیمور دان نیقون یسها سبر تله
نبوات فکر جان یغ سهایس ۲ بایک سکاورغ باکی
مفلسکن اورغ ۲ ملايو دان نكري ۲ ملايو دغا
ومناسن، تکانن دان نیاد یغ ابرغ تور
بایت بریش یقله سوار دان سسای
دان نكري تانہ ایر کیت جسمان سرت
یسا نیقون دان سسای نیقون ادا
سودارا ۲ کیت، برسودارا غدا دان برسام ۲۱.

كسانوان ملايو مردا املايا
جوانن گلستن

هوا دهن سنگومن

.....

عمر فکرحان

تله دصغ منجادي املی KMM (کسانوان ملايو مردا) تله

روچستر فسر

تاریخ

سزاوسها سجاوما

توجوانن

1. ممبر پشوار گند کرا جوانن دهن سداي اوبه نى دان ننگه سرحمن درفد دهور
 دوانم سکل روفه فکرحان يفتانوت دفر بوانم

2. ميانوکن سکين اوبه ملايو سداي مذاقہ کبولتن سوارا اوتوف ميوکوخ فراو يمان
 بهارو (New Order)

3. ماشکي سکل فرکارا غ مرسق اتو مذاقہکن چادرا گند يسا دان تاله اير ملايو
 فان برقا سان طاعة ستر گند يسا * فکري دان کراچان سرت ماشکانن فر کلا
 يوتوف

4. ماشکي ماشکه افراش سبجانن دان گند يوتوف ماشکانن

5. ماشکانن فکرحان بران برجهي تانم دانلانن آن

6. ماشکانن منجالي فلاح ماشکي دان برتوگر گندا يمان دان فلاح بران سداي بران
 گندا يمان دشارا املی

ديوانه املی کلا يمان گلستن

Tidak diketahui bagaimana kesudahan dan tindakan lanjutan mengenai penubuhan 'Persatuan Wartawan Kelantan' ini.

Penglibatan Asaad Shukri dalam politik lebih ketara lagi bilamana pada 1 November 1941 beliau telah mengadakan lawatan kali kedua ke seluruh Tanah Melayu untuk menghubungi tokoh-tokoh tertentu dengan menaiki keretapi dari Kota Bharu ke Kuala Lipis, Kuala Lumpur, Seremban, Melaka, Johor Bharu dan Singapura, kemudian balik kembali ke Kota Bharu pada 15 November 1941.⁴⁵ Sementara itu di Kelantan pula dalam bulan Ogos dan September 1941 Wan Ibrahim bin Wan Mustafa dan Abdullah bin Mustafa telah menulis pula dalam ruang majalah "Al-Hikmah" yang menyeru supaya "Kesatuan Melayu Muda" ditubuhkan cawangannya di Kelantan.⁴⁶

Pada 8 Disember 1941 Tentera Jepun telah mendarat di Pantai Dasal, Sabak, Pengkalan Chepa dan terus menduduki bandar Kota Bharu. Tiga minggu sesudah itu atas arahan Jepun, diterbitkan di Kota Bharu pada 10 Zulhijjah 1360 Hijrah bersamaan dengan 29 Disember 1941 majalah "Matahari" dengan sidang pengarangnya Abdullah A. Saidi, Sanusi dan Ilias.⁴⁷ Dalam tahun 1942 ditubuhlah "Kesatuan Melayu Muda" di Kelantan dengan ahli jawatankuasa terdiri daripada Abdul Kadir Adabi sebagai Yang Dipertua, Asaad Shukri sebagai Naib Yang Dipertua dan Nik Hassan Langgar sebagai Setiausaha. Pekerjaan Setiausaha sebenarnya dilakukan oleh Asaad Shukri sendiri dengan dibantu oleh Wan Ibrahim bin Wan Mustafa.⁴⁸

"Kesatuan Melayu Muda" ini tidak lama hidupnya kerana ia dicurigai oleh Jepun, lalu diperintah dibubarkan pada bulan Jun tahun 1943. Namun begitu pihak Jepun membenarkan pula berdirinya Barisan Pemuda Sukarela Kelantan (BPSK) yang ahlinya terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah Majlis Agama Islam dan Sekolah Arab Jame' Merbau.⁴⁹ Antara ahli "Barisan Pemuda Sukarela Kelantan" ialah Cikgu Wan Ali, Ahmad bin Mahmud (Ahmad Aktas), Abdullah bin Muhamad (Nakula), Nik Mat dan lain-lain.

Para pemuda BPSK ini dianjurkan oleh Jepun untuk membuka ladang menanam tebu, kacang dan sayuran serta menyanyi lagu Barisan Sukarela, lagu Sriwijaya, Indonesia Raya dan lagu-lagu Jepun di samping itu mengadakan pertunjukan sandiwara dengan cerita kepahlawanan Melayu seperti Hang Tuah. Orang yang aktif di belakang pertunjukan sandiwara ini ialah Ustaz Abdul Rab Attamimi.

Sesudah Jepun kalah dalam bulan Ogos 1945, ramai tokoh-tokoh 'Kesatuan Melayu Muda' Kelantan ditangkap oleh Inggeris pada 14 September tahun itu atas tuduhan bekerjasama dengan Jepun. Antara yang ditangkap ialah Asaad Shukri Haji Muda, Nik Muhamad Nik Abdul Rahman, Nik Jaafar Nik Hassan,

45 Lihat "Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri", Abdul Rahman Al-Ahmadi, *op. cit.*, hlm. 57.

46 Lihat "Al-Hikmah" 1 Ogos 1941, tahun 8, bil. 349, hlm. 19 15 Ogos 1941 tahun 8, bil. 350, hlm. 19; dan 1 September 1941, tahun 8, bil. 351, hlm. 14.

47 Lihat Lampiran 1 iaitu halaman 1 majalah "Matahari" bil. 1, tahun 1, keluaran Ahad 10 Zulhijjah 1360.

48 Lihat "Satu Kajian Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri", Abdul Rahman Al-Ahmadi, *op. cit.*, hlm. 58. Lihat borang menjadi ahli KMM Cawangan Kelantan di Lampiran 2.

49 Lihat "Sejarah UMNO Kelantan", Mohd Zain Saleh, *op. cit.*, hlm. 7 dan 8 serta keterangan dari Abdullah Nakula, dan wawancara dengan Abdullah Nakula pada 4 September 1987 di Kota Bharu, Kelantan.



bil.
4

PENYEDAR

"Berani kerana Benar"

1st. August 1946
Dua Kali Sabulan

50
SE

Wan Ibrahim Wan Mustafa, Muhd. Hussin Khalie Haji Awang, Muhamad Haji Abdul Salam dan Ustaz Haji Wan Mahmud Wan Daud.⁵⁰

Pergolakan politik di Kelantan agak hangat dalam tahun 1945 dengan munculnya Pasukan Gurila Komunis Cina Bintang Tiga di bandar-bandar seluruh Kelantan untuk memegang kuasa dan mentadbir negeri dengan melakukan keganasan dan membunuh orang-orang yang disyaki bekerjasama dengan Jepun. Di samping itu pada 10 Oktober 1945 pihak Ingeris pula menyodorkan konsep 'Malayan Union', sementara itu bahang peristiharan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945 oleh Sukarno-Hatta menghidupkan kembali persatuan-persatuan Melayu yang telahpun wujud sebelum Perang Dunia II. Antara persatuan-persatuan Melayu itu ialah 'Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan'⁵¹ yang dibangun kembali pada tahun 1945 dengan ahli jawatankuasanya terdiri daripada-

- | | |
|--|----------------------------|
| i. Haji Wan Muhamad bin Haji Wan Ahmad | Yang Dipertua |
| ii. Haji Ishak Lutfi bin Omar | Setiausaha Agung |
| iii. Muhamad Daud bin Abdul Jamil | Pengerusi Penerangan |
| iv. Haji Idris | Pengerusi Iktisad |
| v. Wan Ahmad Sofian | Penolong Pengerusi Iktisad |
| vi. Abdullah bin Mat | Jawatankuasa Agung |

Kegiatan 'Persekutuan Melayu Kelantan' ini di samping aktif dalam bidang politik seperti menentang 'Malayan Union', juga giat pula dalam bidang pendidikan. Dalam masa dua tahun sahaja 'Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan' telah dapat membuka sebanyak 85 buah sekolah Rakyat di seluruh negeri Kelantan,⁵² sementara Biro Penerangannya mengeluarkan pula majalahnya sendiri bernama 'Penyedar'. 'Penyedar' bilangan pertama diterbitkan pada 15 Jun 1946. Semboyan majalah 'Penyedar' ialah Berani Kerana Benar.⁵³

Pada 11 Mac 1949 'Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan' telah mengadakan mesyuarat agung yang dipengerusikan oleh Muhamad Daud bin Abdul Jamil. Segala penyata dan kerja Persetiaan selama 3 tahun yang lalu telah dibahas. Hasil dari persidangan agung ini telah dipilih ahli jawatankuasa baru yang terdiri daripada mereka yang berikut:⁵⁴

- | | |
|--|---|
| i. Haji Wan Muhamad bin Haji Wan Ahmad | — Yang Dipertua |
| ii. Asaad Shukri bin Haji Muda | — Naib Yang Dipertua |
| iii. Haji Ishak Lutfi bin Omar | — Setiausaha Agung |
| | — Penolong Setiausaha |
| | (terpulang kepada budi bicara Setiausaha Agung) |
| iv. Daud bin Haji Muhamad Salleh | — Pengerusi Sosial |
| v. Haji Mahmud bin Abdul Rahman | — Pengerusi Iktisad |
| vi. Al-Fadhil Haji Abbas | — Pengerusi Ulama |

50 Lihat 'Satu Kajian Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri', Abdul Rahman Al-Ahmadi, op. cit., hlm. 59.

51 Lihat 'Pengasuh' 6 Mac 1947, tahun ke-22, bil. 36, hlm. 8.

52 Lihat 'Pengasuh' 10 Julai 1947, tahun ke-22, bil. 57, hlm. 7.

53 Lihat Gambar Kulit Majalah 'Penyedar' di Lampiran 3.

54 Lihat 'Pengasuh' 17 Mac 1949, tahun ke-23, bil. 145.

- | | |
|----------------------------|------------------------|
| vii. Haji Daud Al-Ahmadi | – Bendahari |
| viii. Daud bin Abdul Jamil | – Pengerusi Penerangan |
| ix. Abdullah bin Mat | – Pemeriksa Kira-kira |

Pada 6 Januari 1946 dihidupkan pula 'Persatuan Melayu Kelantan' atas daya usaha Mejar Tengku Mahmud Mahiyuddin bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin yang menjadi Yang Dipertua. Ahli Jawatankuasa yang lain ialah –

- | | |
|--|---------------------------|
| Nik Mustafa Fadhil bin Haji Nik Mahmud | – Naib Yang Dipertua |
| Haji Abdullah Bakti | – Setiausaha |
| Haji Ishak Lutfi bin Omar | – Penolong Setiausaha I |
| Nik Abdul Rahman bin Haji Nik Mahmud | – Penolong Setiausaha II |
| Nik Hassan bin Haji Wan Ahmad | – Penolong Setiausaha III |
| Nik Hussin bin Zainal | – Bendahari |

'Persatuan Melayu Kelantan' ini pada 7 Februari 1947 telah mengadakan Persidangan Agung bagi membincang masalah Rang Undang-undang Persekutuan Tanah Melayu (Federation of Malaya) yang dihadiri oleh 1000 orang.⁵⁵ Persidangan Agung ini telah melantik Muhamad Adnan bin Muhamad Arifin menjadi pengerusi persidangan.

Dalam Persidangan Agung ini telah dibincangkan beberapa masalah antaranya ialah:

- i. Keputusan PEKEMBAR berkenaan dengan Federation of Malaya dibincangkan oleh Yang Dipertua Ismail bin Ibrahim
- ii. Penerangan hal keadaan sebelum perang oleh Dato' Hassan bin Sulaiman (Dato' Bijisura)
- iii. Penerangan tentang pemerintahan Jepun dan Thai oleh Haji Nik Muhd Adib bin Nik Muhamad
- iv. Malayan Union oleh Cikgu Ahmad Jalaluddin
- v. Kemerdekaan oleh Jaafar bin Mampak
- vi. Majlis terbuka soal jawab atas perkara Federation of Malaya oleh Dato' Nik Ahmad Kamil bin Nik Mahmud (Dato' Sri Setia Raja).

Pada bulan Mei 1947 "Persatuan Melayu Kelantan"⁵⁶ telah menjadi tuan rumah kepada "Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu" atau PEKEMBAR (United Malays National Organisation/UMNO) yang mengadakan Persidangan Agungnya di Kota Bharu, Kelantan pada 11 hingga 13 Mei 1947 bertempat di Istana Balai Besar. Turut hadir dalam pembukaan persidangan itu Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan (Sultan Ibrahim) di mana Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan memberi titah ucapan (lihat Lampiran 4). Kemudian disusuli ucapan oleh Yang Dipertua PEKEMBAR Dato' Onn bin Jaafar (lihat Lampiran 5) dan Yang Dipertua Persatuan Melayu Kelantan Tengku Ahmad bin Tengku Abdul Ghafar (Tengku Panglima Raja) – (lihat Lampiran 6 dan Lampiran 7).

55 Lihat 'Pengasuh' 12 Februari 1947, tahun ke-22, bil. 36, hlm. 8.

56 Lihat "Pengasuh" 15 Mei 1947 tahun ke-22, bil. 49, hlm. 3 dan "Pengasuh" 22 Mei 1947 tahun ke-22, bil. 50, hlm. 2-3.

1947 م

کادان فقاوسو

اہلہ ورت مجلس اوکام اسلام
دین استنادہ ملايو کشتن
دظامرک لہ نيف ۳ هاري عيس.

کندوغلتن

سروان اوکام اسلام
الاجران ديدين دان استناد.



هرگ لنگان

برسه بلغا فوسه

ستامون (۱۲ بوزن) \$ 8 00

6 بوزن 4 00

3 " 2 00

1 نسخه 20 سين

(بهلاش 50) کوت بهارو کشتن - خميس ۲ رجب ۱۳۵۵ هـ - 22 مي 1947 م (نامن بنگدووا فوله فوا)

اوچافن دولي يعمها مليا السلطان

فد هاري فبروگان مجلس اكونغ فكمبر دنالي بسر كراچال

كوت بهارو فد هاري آحد 11 هاري بوزن مي 1947 .

فبه فرلاندوغلتن باكي اومه ملايو سكلين
هاروس اكن مفادي - رواه لنگولن
بغواجب داهس نيف ۲ - شورغ بلهر بقسا
ملايو مندوفيلكن دري سربكيتة نطن
فرتوچن كفسان سره سمري سوكلين
بغ نندوه باكي مستبكن نيف ۲ لنگان
فكمبر بغ اكن مائش نناك دان هرت
بندا بغ بايق باكي مفاتي فوجوانن دان
بوله جادي فركارا بغ بسراين تا دانت
دچايفكن باكي نيفوا بغ فنديق ملهنك
مجبيل ماس بغ سديكيت فهورت كران
ملايو بكن نيف ۲ - رواه بلفلكاراي سكل
ريستاغن ۲ بغ هاروس تربيه درفد بوزن
فهم دانس لونس اسپاسه بغ نيفق سام
كاي دغن ايلانن كاسه سرا دان
سويي هالي مورچف نيشه دان دعا
نيجان باكي فكمبر مفاتي اوجوانن بغ
ملايو بغ ايله مفادي حق دان نلگولن
فكه بر ايله جوا حق دان كواچيلن اومه
ملايو .

مقامون دان منشورن كسلانن بقسا
دان نكري ۲ ملايو فد ماس بفاكن دانغ
دان درند سنبيله جوا اكن نوبه دان
برفهر سكل كلانن دان كنيهكون بفاكن
مناريف فنداغن دنيا سركبان جوك
لاين ۲ نكري بفتله منادانه فرهائين دان
نيباغن بغ ساسام .
بارغكالي مفادي بسر چلك كامي
بركات بهوا سديكيت بوزن دمورلو كچماسن
كدودقتن سياسته ددالم سلايا اين نله
مفادي كنيغ بيلارم فرنه برلاكو ددالم
سجارمن دغن سبب ايت نله ملگوفكن
اومه ملايو برچنتوم دان برسائو فادو
كران معاوال دان ميلانكن سكل حق ۲
مريك بغ همزور نهماس ايت - سره ميبينا
فرتوچين كفسان بغ فوه بغ مفادي سواه

دانو - بلفرتورا فكمبر اول ۲ فرماني ۲
دان سكلين بغ حاضر
تربيه دمورلو كامي اوچنغن سلاست
دانغ كندا سبوا وا كيا ۲ دان فرماني ۲
بغدانغ نكري اين دغن فراسان فبوه
وكرجسام دان لونس اخلاص
نابي شمبل فلواغ نظامركن
نگاران دان سره ماني كاي كران دانت
ميروك مجلس اكونغ فكمبر كاي بفتيك
نامن 1947 دكشتن بفرتكشا فد هاري
اولغناغن فكمبر بقرنام .
سدهگوم فد هاري ايله نله
مغولنكن انه ملايو سلايا دمورلو فنداغن
دان سناروه ماروشن دانس كركري دان
لفكه آهن بفاكن تربيه درفد فرهونين
بغور فراسندوا اين دان دغن پاله دانت

اوجاڻن پڦرحرمه دائره عدوت قه صاري هسڪاڻ
پڄاڻن آڪيخ ماڳهه رکست پلا رڪنڪنت فڊ 1947ء.

دروڙي اوله فڪير ۰ ساڻو فرٽوڇين
پڦه ليه کس دان قوه ماڻه ۲ ڏکهنڊڪي
"ادائون سروان آبت ابن" ڪن
"مفروغ سريو نوجوان دان فرڪارا ۲ هيلڪه"
اوجاڻن دان مورين پڦرحرمه
دائره عدوت ايت دسيوه دنن اوجاڻن
نرخا ڪاسه ڌرڻڊ تپهق پفرامي، املهه
کران ايه ترغ لائي حواسڪن ماتي دان
سڪاڻن پڦه حاضر ايه سوکچينا منظر
هيو فرهون دنن داننارو اورغ ۲ ملايو
کيت دنن ملايو انڊونسيا اد بريقه ۲
بايلڪ.

کين ڌرڻڊ ايت ٺاهيل فرڪارا ۲
ڌرونڊيلڪن.

('فطاسوه' پيلاڪن 50
22 مئي 1947)

لوك جهنا دملڪ دان جون ايرنغا
پوريشن دسپانورا دنن ڊچنوري
ٽول اوله سڌيڪه اورغ ۲ ملايو پڦروهه،
نله مفادي سوت لونه برلاوان دنن
مقصود ايه ملايو عام سلوروه ملايو،
نتائي اي فرچاي هوانيه مرڪنيت
پڦه نيش بايلڪ ايت ان سائڻه نيش اڪن
برحاصل دڙالم لڏ اينڊون جهنا ايت
ماسه هيدون دان اڪن دهنڊولڪن
لاڪي اوله اورغ ۲ ڏاڪڻ دان اورغ ۲
ملايو پڦروهه ايت، فڪير پڦهله ڊڊريڪن
اوله ايه ملايو کيت، نله ڊچرچ اوله
اورغ ۲ ڏاڪڻ پڦه خيانه ايت.

جوگ پڦرحرمه دائره عدوت
پهتاڻن هيو فرهون پڦهبايلڪ اد
فرچادي داننارو فڪير دنن انڊونسيا
دان اورغ ۲ مودا انڊونسيا پڦاد دسيبي
اد له بايلڪ علقن ڌرڻڊ اورغ ۲ مودا
کيت ملايو، سنڌري سر انڊونسيا
پڦهله مفاڪو فرهون دنن ڊچوهر ايت
ايه سر دان فرهون دنن کيت دنن
انڊونسيا اڪن بريقه ۲ بايلڪ، ادائون
تودهن پڦه مفاڪن فڪير برلاوان
دنن انڊونسيا ايت ساله !

دندڪن سرائوس فرانسوس
کرڊهڪاڻ کيت ايت اد پيڄان دان
ڊنڊيري ٻوه سغه ڌرڻڊ اورغ ۲ کيت
اڪن نٺائي مرڪنيت تپهق هنڊق
برچاڻنڪه ڏکهنڊڪله دعابه ايف فائوه
ڊگنٺن ماتي قوه برمانو سڪاڻن ايت
ملايو گنٺن، پورهه، سائو بڪيان پڦهله

اوجاڻن پڦرحرمه دائره عدوت

اوجاڻن پڦهفرانوا فرمائون ملايو
کين ايت دائره اي اوله اوجاڻن پڦه
پڦرحرمه دائره عدوت پڦهفرانوا فرٽوڇين
کيڙان ملايو برمانو دنن مورين پڦه
فطهق پڦهله متايق فرمائون مرڪن پڦه
سپاهه ۲ هنڊق سيلامنڊوهه حق ۲ ملايو
دان مڦهيوٽڪن پڦهسا دان نڪري ملايو
دنن برڪاڻان ڪراس دان کيڙان ملايو
پڦه پيڄانن.

سغه ڌرڻڊ ڪنڊون اوجاڻن ايت
برعادف ڪنڊ قوم ۲ مودا لاکي دان
فرمونن کران سڪارغ نله بايق مفاڪن
قوم مودا ايتوله مارڻن پڦهسا ساوله ۲ن
نڊاله برٽون قوم نوا ملايو کيت ابن
لاڪي اوجاڻن پڦرحرمه دائره ايت برصفا
اجاران پڦه هنڊقه دائرهائي بار ۲ اوله قوم
مودا ايت کران هواسن قوم نوا ايت
پڦاد اوله ڊيٽيڪلڪن کران پڦه نوا ايتوله
پڦه اوله سيري پوهه فڪران پڦهمرڪ
کران مرڪنيت له بايق فٽالمن دان
ساعر دڙالم برائي ۲ فرڪارا پڦهله برٽو
سپاس قوم مودا ايت سڌهن بلوم ڏ
دڙالم ڪنڊون ايون ماسيغ ۲ .

دڙالم اوجاڻن پڦرحرمه دائره
هون بن جعفر پڦهفرانوا اورغ فڪير
ادله سبونن هيو قوم جهنا، انڊيا،
فان پوريشن (سرائي) پڦه، سڌهق
ڊسٽروف اڪن دنن ڊڪٽوري اوله بن پڦه

فرتو بهن کبڻسان ملايو برساتو

فڃاسون بيلائون 49 فرتو ڪريم
(15 مئي 1947)

استعدادت بنايڪن بنديرا دان ميهوت واڪيل آڪوڱ فڪير

دڪوت بهارو ڪلنن

فد هاري جمعه سبت احد ائڊن دان ثلاث 9, 10, 11, 12 دان 14
مي 1947 برهان دشن 18, 19, 20, 21 دان 22 جماد لآخر 1366 اوله

فرسانون ملايو ڪلنن

بسم الله الرحمن الرحيم

توبق فرسانون ملايو ڪلنن دشن
ڪلهه 2 بقا وچي مفاڪنڪن اوچانن نهڻه
دان ڪههڪيان ڪانس ڪيان سڪل لڪهه 2
فڪير مئشائي رڱو دشن 2 بقورلاون دشن
ڪاهوان 2 اڻهه ملايو سجائي ڪران ملهه ازان
حق 2 ڪلنن دان داهري دشن دعاه
لڳو ٽڪن اسيا فوهين 2 بقا ڪيت دان
ڪڪل فرار فندرين فڪير فد مئشائي
بقا دان نرسا دشن رهه 2 ماجو دان
ڪيان دشن مئشوه 2 ڪرديڪل ٽيڊم
نهب 2 حال بقا ڪيت ملايو امين !

« هيلو ف ملايو »

فڪر احمد بن فڪر عبدالغفار
(فڪر فغاليا راج)
فغروي حوانه ڪراس ميهون

رمول فوجي باكي الله بقمها فڪراس
صلوات دان سلام ڪانس فدرهين بق
برماس برسوت ڪلوارڪ دان اصحابن
بق ساس باكي مفرقادون اڻهه ملايو
فقد اوچوان بقاس

سان باكي مئنيڪن شتون بقا
دان اڻهه اڏاله فرسانون ملايو ڪلنن
دشن بقان بقولس احلاص مانا ڪن
ڪرامان استعداد مئشائيڪر بنديرا فراردين
ڪبڻسان ملايو رسالو دان ميهوت ڪيان
فمئون فرقادون بقا ملايو ڪوت بق
دڪاسي (بقدرنوا آڪوڱ فڪير دان
وڪيل 3) ڪنڪري ڪلنن اين ڪران
فرسڊائن آڪوڱ ملڪ برنوا مئه ڪلنن
اوله ڪيلن فرسڊائن آڪوڱ ڪالي بق
ڪيڪ ددالم نامن 1947 اين ٽرڪها فد
ماري اولهه مئشائي بقفرتام

اوجافن بھدقوتوا فرساتوان ملايو کلنتن

فد هاري استعادة مئايفکن بنديرا فکٽور 10 مئي 1947 دکوت بهارو:

دولي بھما، ملها السلطان، بھمرجرت دانو، عون بھدقوتوا، اگوڻ فکٽور، بھمرجرت نوان رسيدن کوميشنر، واکول، دان قذبا، اسڪولن بھ حاضرا، سان کامي توبق فرساتوان ملايو کلنتن پراس مگه، روت برتوا، بئر ذافه کامي مغان، کن استعادة مئايفکن بنديرا فرتوبھن کيف، ان ملايو رسا، فد هاري ايس، ملڪ نڪورله کامي فکٽور تومن رسب العاينون دان کامي اوچنکن بربر، ارفا کاسبه کاند دولي بھما، ملها السلطان بھ تلھ مئايفکن دان کاند بھمرجرت، دانو، عون بھنله بھيو، دان بھلمکن، روت کامي اوچنکن برنابي، تر بئامبه کاند سڪلين واکول، دان فرماني، فکٽور، دري سلوروه، نانه ملايو، دان سڪلين سو دارا، کامي امة ملايو، بھنله بھرمون، حورنکن دان مراعيکن استعادة، اين، دان بھنوه جوکف کاند بھمرجرت نوان رسيدن کوميشنر بھنله برنام، مراعيکن استعادة اين، اسٽوريا، تر بئامبه کامي کاند سو ارا موفا، فرينڪتون فودا، ملايو کلنتن دان ايکنکن سو ارا فودا بھنله برنارس دان مھري کاوالر، گرمان، بھرا سھلگرون هاري اين سسر، دان سٽلها، هاري بھما، کن دسرت ددالم نارنج کلنتن کران فد هاري اينله جولغ کالي دنابھکن بنديرا فرتوبھن کيفسان

ملايو رسا، فد هاري دھن رحيمون دھن بھدقوتوا، اگوڻ، سھري مھيل بها کن دان بھرمون فوکل ددالم سڪلين واکول، فرماني، فکٽور، دري سلوروه سھنويغ نانه ملايو، بھنله دکا، بھي دان دچينائي، اوله ايت برتوا، بئرله کيت سڪلين امة ملايو کلنتن دانت صندغ وچھ بھدقوتوا، اگوڻ فکٽور، بھمرجرت، دانو، عون بھنله برنام، کران فرتوبھن ندري فرتوبھن کيفسان، ملايو رسا، فد بھنله بربر، ستامون جوکف فد هاري اين بھ کيت اوچنکن، سلامه دان مارل، کلل ملھان دھن لڈف، دان رجاي، ملڪ کيت مارل، دھن فريبن بھدقوتوا، اگوڻ دان سڪلين فھنور، کيت، اکن فھدوقله بھسا، ملايو دھن ملها، دان فو، فد سکل نارسن سيا، اقتصاد، مشارڪه دان لان، ان دھن براوه، کاجوان دان کيان لندوه، اوله بھدسڪون مھدوقله کيت رابا، کن دان حرمون دھن جوکف، اکن بنديرا فرتوبھن کيفسان، ملايو رسا، فو، اينله بنديرا جوکن فرساتوان دان فرنداوان است ملايو، ملڪ دھن رسا، فو، اکن مھناسکن سکل مھسود، دان نوجوان کيت دان اکن مھادي سالو، کوب، بھ سلامت فو، بوله مھرامنکن سکل حق، ا کيت، اوله ايت ماريله، رسا، فو، فادو سڪلين است ملايو، دباوه کيران بنديرا

بھنله کيت حرمون دان رابا، کن اين، ايس بنديرا فرتوبھن کيفسان، ملايو رسا، فو، سڪالي لاکي کامي اوچنکن، تر بھنله والسلام عليکم ورحمة الله - بھنوه ملايو، بردهک!

(‘فھاسوه’ بھلاسن 50
22 مئي 1947)

Pada bulan April tahun 1947 tertubuh pula "Parti Kebangsaan Melayu Malaya" (PKMM) di Pasir Mas yang dipimpin oleh Ustaz Wan Ismail. Kemudian barulah dipindahkan ke Kota Bharu.⁵⁷ Dalam persidangan agung di Jalan Zainal Abidin, Kota Bharu, Asaad Shukri bin Haji Muda telah dipilih menjadi Yang Dipertua "Pertubuhan Kebangsaan Melayu Malaya Cawangan Kelantan". Pergolakan politik di Kelantan bertambah hangat dengan kedatangan Dr. Burhanuddin Al-Hilmi dan Abdul Rashid Maidin pada 18 Julai 1947. Mereka disambut oleh ahli-ahli PKMM dan para penyokong di stesen keretapi Palekbang lalu terus dibawa ke rumah Asaad Shukri bin Haji Muda, Yang Dipertua PKMM di Jalan Zainal Abidin, Kota Bharu.

Bagi mengembang pengaruh PKMM di Kelantan dan Pantai Timur, Dr. Burhanuddin mempunyai acara lawatan yang penuh seperti berikut.⁵⁸

19 Julai 1947 jamuan oleh Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan

21 Julai 1947 lawatan ke Pasir Mas dan sebelah malam menghadiri jamuan makan malam di Kelab Cina, Kota Bharu

22 Julai 1947 rapat umum di Padang Bank Kota Bharu

23 Julai 1947 ke Pasir Putih dan dari situ ke Jerteh

24 Julai 1947 ke Kuala Terengganu dan dari situ ke Kemaman, Kuantan dan lain-lain tempat sebelum balik ke Kuala Lumpur.

Di samping persatuan bercorak politik maka dalam tahun 1945 terdapat pula di Kelantan persatuan-persatuan bercorak Pemuda dan Pelajar, Wanita dan Agama yang menjadi wadah kepada perkembangan politik di Kelantan.

Dalam tahun 1945 berdirilah pula 'Pertubuhan Remaja Pemimpinan' (Perupa) yang diasaskan oleh Cikgu Muhamad Daud bin Abdul Jamil Serendah, markasnya di Sekolah Melayu Majlis Agama Islam. Tujuan Perupa ini ialah untuk melatih ahlinya, pelajar dan bekas pelajar-pelajar Sekolah Melayu Majlis Agama Islam dalam bidang bahasa, pelajaran dan pertahanan diri. Ketuanya ialah Nik Abu Bakar dan Setiausahanya ialah Hamzah Abdul Ghani.⁵⁹

Pada 19 Oktober 1947 'Perupa' telah mengadakan perayaan ulangtahun ke-50 usia Tuanku Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan di mana setiausahanya Hamzah Abdul Ghani melafazkan ucapan.

Pada 15 April 1948 'Perupa' telah mengadakan persidangan agungnya yang dihadiri oleh lebih kurang 50 orang ahlinya. Persidangan itu dibuka oleh Yang Dipertuanya Wan Muhamad Hashim bin Salleh dan dihadiri juga oleh Muhamad Adnan bin Muhamad Arifin sebagai ahli yang kehormat. Hasil dari persidangan agung itu telah dipilih ahli jawatankuasa baru terdiri daripada:⁶⁰

i. Wan Muhamad Hashim bin Salleh — Yang Dipertua

ii. Muhamad Salleh bin Haji Yaakub — Naib Yang Dipertua

57 Lihat "Satu Kajian Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri", Abdul Rahman Al-Ahmadi, op. cit., hlm. 60.

58 Lihat "Pengasuh" 24 Julai 1947, tahun ke-22, bil. 59, hlm. 8 dan "Pengasuh" 31 Julai 1947, tahun ke-22, bil. 60, hlm. 8.

59 Lihat "Sejarah UMNO Kelantan", Mohd. Zain Saleh, op. cit., hlm. 10 dan 11 dan wawancara dengan Abdullah Nakula 4 September 1987.

60 Lihat "Pengasuh" 22 April 1948, tahun ke-23, bil. 98, hlm. 16.

- iii. Nik Hassan bin Nik Ali – Setiausaha
- iv. Nik Abu Bakar bin Muhammad Nor – Pemimpin Bahagian Penerangan
- v. Nik Abdullah bin Husain – Pemimpin Bahagian Ekonomi
- vi. Abdullah bin Mahmud – Pemimpin Bahagian Pustaka
- vii. Wan Masyhor bin Haji Wan Mahmud – Pemimpin Bahagian Permainan
- viii. Abdullah bin Abdul Wahid – Pemimpin Bahagian Kebajikan Am
- ix. Nik Muhammad Salleh bin Ismail – Bendahari

Dalam persidangan ini telah dirumuskan 8 penyata atau penerangan. Penerangan yang menarik perhatian dalam persidangan itu ialah yang diketengahkan oleh ketua tiap-tiap Bahagian itu iaitu:

- i. 'perjuangan Perupa' oleh Yang Dipertua
- ii. 'perjalanan Perupa' oleh Setiausaha
- iii. 'penyata jabatan penerangan' oleh pemimpinnya
- iv. 'penyata jabatan ekonomi' oleh pemimpinnya
- v. 'penyata jabatan pustaka' oleh pemimpinnya
- vi. 'penyata jabatan permainan' oleh pemimpinnya
- vii. 'penyata jabatan kebajikan am' oleh Yang Dipertua
- viii. 'penyata jabatan perkara wang' oleh pemimpinnya

Perbincangan hebat dan hangat bagi setiap agenda persidangan.

Dalam tahun 1947 berdirikan pula 'Pertubuhan Pemuda Asuhan Bekerjasama' atau P.A.B⁶¹ yang diasaskan oleh guru-guru dan murid-murid agama Muhamadiyah dan Sekolah Arab Jame' yang diketuai oleh Ahmad bin Mahmud (Ahmad Aktas) dan setiausahanya Ustaz Ibrahim bin Muhammad dan kemudian diganti oleh Abu Bakar Al-Ahmadi dan penasihatnya Yusof Zaki Yaakub. Antara ahlinya yang aktif ialah Salleh Zaki, Ibrahim bin Muhammad dan Nik Hasan bin Nik Yahya. Semboyan P.A.B ialah 'Merdeka dengan aliran Pengetahuan'.⁶²

Pemuda Asuhan Bekerjasama atau P.A.B mempunyai pula Biro Persuratan dan Pidato yang bertujuan untuk menyedarkan masyarakat dalam bidang politik dan agama. Di antara ahlinya yang aktif dalam pidato ialah Yusof Zaki Yaakub, Ismail Shauqi, Abu Bakar Al-Ahmadi, Abu Bakar Yusuf, Muhammad Rafie Haji Taib, Abdul Rauf (Mat Kedah), Muhammad Zain Daud (Zain Mazda) dan Muhammad Nor Abbas.⁶³

Dari Biro Persuratan P.A.B banyak menulis artikel-artikel dalam majalah 'Pengasuh' dengan berbagai tajuk antaranya ialah: Kekayaan Penganjur-penganjur Dunia tetapi Stalin, Teriakan Kanak-kanak; Teladan Perpindahan Rasul; Ringkasan Sejarah Dunia; Penyakit Atom Bermaharajalela; Jangan dipengaruhi takut; Nafsu Menjahaj Manusia; Kiamat Hampir Meletup; Sudut ilmu Falak; Falsafah dan cawangan-cawangannya; Siapakah yang berhak mene-

61 Lihat 'Sejarah UMNO Kelantan', op. cit., hlm. 11 dan 'Ehsaiklopedia Kelantanika', Abdul Rahman Al-Ahmadi, op. cit.

62 Lihat 'Pengasuh' 19 Jun 1947 tahun ke-22 bil. 54, hlm. 2 dan 3.

63 Lihat 'Sejarah UMNO Kelantan' op. cit., hlm. 12.

nima kemuliaan; Masyarakat dan Pergerakan, Peperangan dan Kemerbahayaan-nya kepada manusia Dasar ilmu politik dan lain-lain.⁶⁴

Sementara kaum belia dan pelajar bergerak cergas, kaum wanita Kelantan telah pula menubuhkan perkumpulannya sendiri iaitu pada tahun 1947 dengan nama "Persekutuan Kemajuan Kaum Ibu Kelantan" yang diketuai oleh Yang Mulia Tengku Raihatu Al-Nufus. Perkumpulan ini mempunyai cawangannya seluruh jajahan negeri Kelantan dan bergerak dalam bidang sosial dan kerajinan wanita dan cergas pula mengadakan ceramah-ceramah agama dan politik. Pada bulan Oktober 1947 dalam perjumpaan Perkumpulan ini oleh Yang Dipertuanya Yang Mulia Tengku Raihatu Al-Nufus, telah menghuraikan dengan panjang lebar berkenaan gerak kemajuan kaum ibu Johor dalam Parti Pekembar (UMNO), begitu juga Setiausaha Cawangan Pasir Mas, Nik Halimah menghuraikan agar kaum ibu Kelantan maju kerana kemajuan dan kemunduran sesuatu bangsa itu bergantung kepada kebolehan kaum ibunya.⁶⁵

Sebagai sebuah negeri yang kuat dari keagamaan bahkan pernah digelar sebagai Serambi Mekah, maka dalam tahun 1948 muncul pula satu pertubuhan agama yang bernama "Asas Muslim Melayu Raya". Pertubuhan ini tidak bersifat politik tetapi semata-mata agama dan beraliran pemikiran Syeikh Waliullah Al-Dahlawi. Nampaknya pertubuhan ini muncul di Pasir Mas dan sebagai penggerak utama dibelakangnya ialah Haji Nik Muhamad Salleh bin Haji Wan Musa. Kerana ada orang menuduh pertubuhan ini bersifat politik, maka bagi menghapuskan tuduhan ini lalu terbitlah tajuk rencana dalam majalah "Pengaruh" bertajuk "Menghilangkan Kekeliruan" Siaran Asas Muslim Melayu Raya.⁶⁶

Dalam tahun 1950-an ditubuh pula di Pasir Mas "Parti Islam Se Tanah Melayu" (PAS) dipelopori oleh Amaluddin Darus. PAS dalam waktu yang singkat telah mengembangkan sayapnya ke seluruh negeri Kelantan (dan juga Terengganu) hingga dapat menang 28 daripada 30 kerusi Dewan Negeri dan 9 daripada 10 kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Kelantan dalam pilihanraya pertama sesudah merdeka iaitu dalam tahun 1959.⁶⁷

64 Lihat "Pengasuh" 17 April 1947, tahun 22, bil. 45, hlm. 1; 24 April 1947 bil. 46, hlm. 3; 1 Mei 1947, bil. 47, hlm. 1; 29 Mei 1947, bil. 51, hlm. 3; 5 Jun 1947, bil. 52, hlm. 1; 19 Jun 1947, bil. 54, hlm. 2; 3 Julai 1947, bil. 56, hlm. 3; 17 Julai 1947, bil. 58, hlm. 1; 24 Julai 1947, bil. 59, hlm. 1 dan 31 Julai 1947, bil. 60, hlm. 1.

65 Lihat "Pengasuh" 9 Oktober 1947, tahun ke-23, bil. 70, hlm. 5.

66 Lihat "Pengasuh" 25 November 1948, tahun ke-23, bil. 129, hlm. 3.

67 Federation of Malaya, Election Commission, "Report on the Parliamentary and State Elections 1959", Kuala Lumpur, 1960, hlm. 52 dan 86.

Bibliografi

1. Abdul Rahman Al-Ahmadi, "Kelantan Sebagai Pusat Kesusasteraan Melayu Yang Ulung" dalam "Dewan Bahasa", Jld. XVI, 12 Disember 1972.
2. _____, "Notes Toward a History of Malay Periodicals in Kelantan" dalam "Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State" editan William R. Roff, Oxford University Press Kuala Lumpur, 1974.
3. _____, "Un Nationaliste Du Kelantan, Abdul Kadir Adabi 1901-1944", dalam "Archipel" bil. 17, 1979, Paris.
4. _____, "Satu Kajian dan Perbandingan Riwayat Hidup Kadir Adabi dengan Asaad Shukri" tesis Sarjana Jabatan Sastera, Universiti Malaya, tahun 1978.
5. _____, "Du Club L'organisation Politique Le Cas De Kelantan", memoir, Pour D.E.A (= Ph. D), Ecole De Hautes Etides En Sciences Sociales, Paris, 1981.
6. _____, "Ensiklopedia Kelantanika" (manuskrip).
7. Asaad Shukri Haji Muda, "Sejarah Kelantan", Pustaka Aman Press Kota Bharu, Kelantan, Oktober, 1962.
8. _____, "Detik-detik Sejarah Kelantan", Pustaka Aman Press, Kota Bharu, Kelantan, 1971.
9. _____, "Setiawan Belia", dalam "Warisan Kelantan V", monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1986.
10. Mohamad Zain Saleh, "Sejarah UMNO Kelantan" diterbitkan oleh Jawatan-kuasa Penerangan UMNO Perhubungan Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1985.
11. Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, "Tentang Orang-orang Melayu Kelantan Terhadap Malayan Union" dalam "Warisan Kelantan V", monograf Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, 1986.
12. William R. Roff (ed) "Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State", Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1974.
13. "Pengasuh" penerbitan "Majlis Agama Islam Kelantan":
 - Bil. 2, Tahun 1, 24 Julai 1918
 - Bil. 41, Tahun 2, 20 Februari 1920
 - Bil. 78, Tahun 4, 19 Ogos 1921
 - Bil. 86, Tahun 4, 15 Disember 1921
 - Bil. 99, Tahun 4, 29 Januari 1922
 - Bil. 99, Tahun 5, 25 Jun 1922
 - Bil. 157, Tahun 7, 29 Oktober 1924
 - Bil. 164, Tahun 7, 8 Februari 1925
 - Bil. 203, Tahun 9, 8 September 1926
 - Bil. 238, Tahun 10, 6 Februari 1928
 - Bil. 242, Tahun 11, 6 April 1928
 - Bil. 260, Tahun 11, 27 Disember 1928
 - Bil. 266, Tahun 12, 28 Mac 1929
 - Bil. 273, Tahun 12, 8 Julai 1929
 - Bil. 309, Tahun 13, 21 Disember 1930
 - Bil. 320, Tahun 14, 1 Jun 1931
 - Bil. 590, Tahun 19, 24 Disember 1936

- Bil. 593, Tahun 20, 14 Januari 1937
Bil. 598, Tahun 20, 18 Februari 1937
Bil. 59, Tahun 22, 12 Februari 1947
Bil. 36, Tahun 22, 6 Mac 1947
Bil. 44, Tahun 22, 10 April 1947
Bil. 57, Tahun 22, 10 Julai 1947
Bil. 70, Tahun 22, 9 Oktober 1947
Bil. 72, Tahun 22, 23 Oktober 1947
Bil. 98, Tahun 23, 22 April 1948
Bil. 60, Tahun 24, 31 Julai 1949
14. "Al-Hikmah" penerbitan Al-Hikmah Press, Kota Bharu, Kelantan:
Bil. 241, Tahun 6, 27 April 1929
Bil. 349, Tahun 8, 1 Ogos 1941
Bil. 350, Tahun 8, 15 Ogos 1941
Bil. 351, Tahun 8, 1 September 1941
15. Federation of Malaya, Election Commission, "Report on the Parliamentary and State Elections 1959", Kuala Lumpur, 1960.

Pendudukan dan Pentadbiran Tentera Jepun dan Tentera Thai di Negeri Kelantan 1941-1945

NIK MOHAMED BIN NIK MOHD SALLEH

Mendung Perang Menyelubungi Angkasa Tanah Melayu

APABILA tentera Jepun menduduki bahagian utara Indochina Perancis (utara Vietnam) pada bulan September 1940 dan Jepun menandatangani Perjanjian Pakatan Tiga Negara (Tripartite Pact) dengan Jerman dan Itali yang menjalinkan ketiga negara itu dalam Kuasa Axis (Axis Power) jelas kepada Pihak Berikat (yakni Amerika Syarikat, Britain dan lain-lain) bahawa perang akan merebak ke Timur Jauh.¹ Matlamat atau tujuan politik dari Kuasa Axis itu ialah untuk menghalang Amerika Syarikat daripada membantu Britain dalam peperangannya dengan Jerman dan Itali di Eropah dan pihak Jepun mengharapkan, setelah Britain kalah (dalam peperangan itu), ia dapat mengambil alih semua jajahan takluk Inggeris dan Belanda di Timur Jauh. Dari segi ketenteraan pula, pakatan Jerman-Itali-Jepun itu telah memberi peluang kepada Jepun memperolehi bantuan, sokongan dan kepakaran di bidang ketenteraan dari Jerman. Setelah ditandatangani Perjanjian Pakatan Tiga Negara itu misi-misi pegawai tentera laut dan tentera darat Jepun telah segera dihantar ke Berlin, manakala Kerajaan Jerman pula menghantar pakar-pakar tentera ke Jepun bagi mengkaji serangan ke atas Singapura serta membantu Jepun memperkembangkan/memajukan industri pesawat terbang.

Dengan menduduki kawasan Indochina Perancis itu memberikan pihak Jepun satu 'base' atau pengkalan yang lebih dekat jaraknya dengan Tanah Melayu.²

Dalam bulan Oktober 1940 pihak Inggeris, yang menyedari bahawa lambat laun perang akan datang ke Tanah Melayu, mula membuat kajian dan persiapan

1 Lt-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Calcutta, India, 1944, hlm. 36-37.

2 Lt-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Calcutta, India, 1949, hlm. 37-38.

bagi menghadapi ancaman atau bahaya perang itu.³ Hasil daripada kajian itu maka pihak Inggeris mula memperkuatkan pertahanannya dengan mengirimi dan menempatkan pasukan-pasukan tenteranya di Tanah Melayu dengan Singapura sebagai pengkalan utamanya.⁴ Dari bulan September 1940 hingga bulan Februari 1941 telah didatangkan ke Tanah Melayu dua batalion askar Inggeris dari Shanghai dan diikuti pula oleh pasukan-pasukan 6th dan 8th Indian Infantry Brigades, unit 'Headquarters' atau Markas kepada 11th Indian Division dan Kontinjen pertama Australian Imperial Force yang mengandungi unit-unit 'Headquarters' dan Pentadbiran kepada 8th Australian Division dan 22nd Australian Infantry Brigade Group. Dalam bulan Mac 1941 15th Indian Infantry Brigade dan 1st Echelon of Headquarters 9th Indian Division tiba pula dari India serta satu 'field regiment' dari United Kingdom yang diikuti oleh 22nd Indian Infantry Brigade dalam bulan April 1941.⁵ Menjelang bulan Mei 1941 pasukan-pasukan pihak Inggeris itu telah ditempatkan di pelbagai kawasan strategik di seluruh Tanah Melayu (termasuk Singapura dan Pulau Pinang) (Lihat Peta 1). Panglima Agung Tentera Inggeris di Tanah Melayu yang baru dilantik iaitu Letnan-Jeneral A.E. Percival tiba di Tanah Melayu dalam bulan Mei 1941.⁶

Pertahanan Inggeris Di Negeri Kelantan

Dipandang dari sudut geografi negeri Kelantan terbahagi kepada dua bahagian oleh Sungai Kelantan yang mengalir dari sebelah selatan ke utara sampai ke Laut China Selatan kira-kira tujuh batu ke utara bandar Kota Bharu, ibu negeri Kelantan. Sungai Kelantan itu lebar juga dan tiada jambatan menyeberanginya dan ini menjadikan perhubungan melalui jalanraya di antara kedua tebing atau bahagian itu susah serta lambat. Jalan keretapi merintang sungai itu di kawasan Tanah Merah yang terletak di sebelah barat Machang dan seterusnya menjalar ke barat menyeberangi sempadan (Sungai Golok) masuk ke Thailand beberapa batu dari pantai. Tidak ada jalanraya melintasi sempadan itu yang hanya dihubungi oleh jalan-jalan hutan dan di kawasan-kawasan pergunungan oleh beberapa buah sungai yang boleh digunakan oleh rakit-rakit kecil.

Di negeri Kelantan ada tiga buah lapangan terbang yang agak moden juga - satu dekat bandar Kota Bharu iaitu Pengkalan Chepa yang telah siap dan boleh digunakan, satu lagi di Gong Kedak dekat bandar Pasir Putih kira-kira 30 batu ke selatan bandar Kota Bharu, boleh dipakai dan hampir siap, dan yang ketiga ialah dekat bandar Machang tidak jauh dari jalanraya Kota Bharu-Kuala Krai dan lapangan terbang ini yang dinamakan lapangan terbang Lalang Luas masih dalam pembinaan. Ketiga-tiga lapangan terbang ini terletak di sebelah timur Sungai Kelantan.⁷

Bagi pertahanan wilayah Kelantan dan utara Terengganu (kawasan Besut dan Setiu), pihak Inggeris telah menempatkan pada bulan Disember 1940 pasukan 8th Indian Brigade yang diketuai oleh Brigadier B.W. Key (kemudian

1 Lt-Gen A.E. Percival, 'The War in Malaya', Calcutta, India, 1949, hlm. 37-38.

2 Lt-Gen A.E. Percival, 'The War in Malaya', Calcutta, India, 1949, hlm. 38.

3 Lt-Gen A.E. Percival, 'The War in Malaya', Calcutta, India, 1949, hlm. 38.

4 Lt-Gen A.E. Percival, 'The War in Malaya', Calcutta, India, 1949, hlm. 38.

5 Lt-Gen A.E. Percival, 'The War in Malaya', Natraj Publishers, Dehra Dun, India, 25/4/46, hlm. 35.



Peta 1. Kedudukan Pasukan-pasukan Pertahanan Inggeris di Tanah Melayu pada 8 Disember 1941

dinaikkan pangkat kepada Mejar-Jeneral).⁸ Pasukan 8th Indian Brigade ini adalah dari pasukan 9th Indian Division di bawah Mej-Jen Barstow yang bermarkas di Raub, Pahang. Komponen-komponen pasukan 8th Indian Brigade ialah 3/17 Dogras Regiment, 2/10 Baluch Regiment, 1/13 Frontier Force Rifles (1st F.F. Regiment), dan 2/12 Frontier Force Rifles (2nd F.F. Regiment).⁹ Di samping itu ditempatkan juga di negeri Kelantan beberapa pasukan yang lain iaitu 73 Field Battery, Hongkong Royal Artillery, dan Singapore Royal Artillery yang ditempatkan di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa dan pasukan-pasukan Pahang Volunteers dan Malay Regiment.¹⁰ Bagi memperkuat lagi pertahanan di negeri Kelantan pada bulan September 1941 ditempatkan pula pasukan 4/19 Hyderabad Regiment yang didatangkan dari kawasan Negeri Sembilan.¹¹

Untuk mempertahankan ruang angkasa Kelantan dan sekitarnya dan juga lapangan-lapangan terbang di Kelantan, ditempatkan sejumlah pesawat terbang perang jenis Hudson dan jenis Vickers-Vildebeeste dari pasukan No. 1 Squadron Royal Australian Air Force di Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Gong Kedak dan Lalang Luas.¹²

Pasukan Inggeris di negeri Kelantan itu adalah ditugaskan menghalang musuh mendarat dan bagi tujuan ini disepanjang pantai Kelantan telah dipasang pagar kawat duri dan juga kubu-kubu terutama sekali di tempat-tempat yang dianggap strategik dan mungkin menjadi sasaran musuh.¹³ Dan lagi tugas penting mereka ialah juga menjaga lapangan-lapangan terbang bagi kegunaan angkatan udara dan menghalang musuh dari mengancam, menawan dan menggunakannya.¹⁴ Pasukan itu juga diarahkan mengawasi sempadan Kelantan-Thailand. Langkah-langkah juga diambil untuk membinasakan jambatan-jambatan keretapi dekat sempadan itu jika ditakdirkan musuh dapat mara ke Kelantan dan mereka terpaksa undur ke barisan belakang. Sebahagian besar dari pasukan Inggeris di Kelantan itu ditempatkan di sekitar Lapangan Terbang Pengkalan Chepa, Gong Kedak dan Lalang Luas manakala yang lainnya mengambil kedudukannya di tempat-tempat strategik di kawasan pantai. Unit-unit simpanan dari pasukan itu ditempatkan di kawasan Pulau Chondong dan Peringat.¹⁵

Perang Asia Tenggara Bermula Di Tanah Melayu

Perang Asia Tenggara meletus pada 7 Disember 1941. Pada pagi hari itu tentera Jepun mendarat di Patani dan Singgora (Songkhla) di Selatan Thailand. Berikutnya iaitu pada pagi 8 Disember 1941 tentera Jepun mendarat pula di Pantai Dasal, Sabak dekat Kota Bharu, Kelantan. Pada 8 Disember 1941 itu juga angkatan perang Jepun telah melancarkan serangan mengejut ke atas pengkalan angkatan laut Amerika Syarikat di Pasifik iaitu Pengkalan Mutiara atau Pearl

8 Lt-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Calcutta, India, 1949, hlm. 61 & 93.

9 Lt-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Calcutta, India, 1949, hlm. 108.

10 Lt-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Calcutta, India, 1949, hlm. 85.

11 Lt-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Calcutta, India, 1949, hlm. 115.

12 Lt-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Calcutta, India, 1949, hlm. 107.

13 Lt-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Dehra Dun, India, 1949, hlm. 35-36.

14 Lt-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Dehra Dun, India, 1949, hlm. 36.

15 Lt-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Dehra Dun, India, 1949, hlm. 36.

Harbour di Kepulauan Hawaii. Pada masa yang sama Jepun mengisytiharkan perang terhadap Amerika Syarikat, Britain dan sekutu mereka.¹⁶

Dalam serangannya ke atas Tanah Melayu, Jepun telah menggugurkan kira-kira enam puluh ribu askar, enam ratus pesawat terbang, empat ratus pucuk meriam, seratus dua puluh buah kereta kebal dan kereta perisai dan enam belas buah kapal perang termasuk lima buah kapal selam.¹⁷ Pada masa itu pihak Inggeris di Tanah Melayu mempunyai kira-kira seratus dua puluh ribu askar yang terdiri dari askar-askar bangsa Inggeris, Australia, India dan satu batalion askar Melayu, seribu pucuk meriam dari berbagai jenis, dua ratus lima puluh buah kereta perisai, dua ratus lapan puluh buah kapal terbang, lebih kurang lima belas buah kapal termasuk kapal perang 'Prince of Wales' dan kapal perang penjelajah (battle-cruiser) 'Repulse' dan empat atau lima buah kapal selam.¹⁸

Jepun Melanggar Negeri Kelantan

Di negeri Kelantan suasana perang mula dirasai sejak tahun 1940 lagi apabila persiapan-persiapan perang mula dibuat di seluruh negeri itu umpamanya dengan bertambahnya bilangan askar-askar Inggeris (dari bangsa India) dan lain-lain yang ditempatkan di negeri Kelantan. Juga didirikan kubu-kubu pertahanan dan dipasang pagar-pagar kawat berduri di tempat-tempat penting atau strategik khususnya pantai negeri Kelantan.

Pada 7 Disember 1941 kira-kira pada pukul dua pagi dengan tiba-tiba penduduk bandar Kota Bharu dan di kawasan-kawasan pantai negeri Kelantan telah terkejut dari tidur mereka oleh bunyi dentuman atau tembakan meriam yang berterusan hingga ke pagi hari. Tiada pengumuman rasmi dibuat. Ramai orang pada waktu itu menyangka bahawa dentuman atau tembakan meriam itu mungkin latihan menembak yang dilakukan oleh pihak tentera British.

Ketika menjelang waktu subuh baharulah mereka dapat tahu hakikat sebenar dentuman tembakan meriam tersebut. Khabar angin tersebar luas mengatakan tembakan meriam pada malam itu bukan latihan bahkan tembakan-tembakan yang ditujukan kepada beberapa buah kapal perang musuh yang kelihatan bergerak di laut menghampiri pantai negeri Kelantan di kawasan berhadapan Pantai Semut Api dan Pantai Dasal, Sabak. Kapal-kapal perang musuh itu ialah kapal-kapal perang Jepun. Bila siang tiba jelaslah bahawa beberapa buah kapal perang musuh itu telah dapat dimusnahkan atau ditenggelamkan, dan beberapa orang askar Jepun yang cuba hendak mendarat di pantai telah dapat ditawan dan telahpun dibawa ke Kota Bharu untuk ditahan dan disoal. Orang ramai pun mula merasa bimbang dan takut, masing-masing pun berkemas untuk mencari tempat perlindungan. Kebanyakan dari mereka mula lari ke

16 Belanda yang menjajah Indonesia yang pada masa itu lebih dikenali sebagai Hindia Timur Belanda (Netherland East Indies) dan Perancis yang menjajah Indochina (Vietnam, Laos dan Kemboja)

17 'Singapore: The Japanese Version' oleh Masanobu Tsuji. A Mayflower-Dell Paperback, London, 1966, hlm. 46-47.

18 Mengikuti anggaran yang disebut dalam 'Singapore: The Japanese Version' oleh Masanobu Tsuji, hlm. 47. Pada hlm. 278 Masanobu Tsuji menyebut sumber British (The War Against Japan Vol. 1, H.M.S.O. 1957) yang menganggarkan kekuatan tentera British dan Commonwealth di Malaya pada akhir tahun 1941 ialah 138,708 orang. Lihat juga Lt-Gen A.E. Percival, 'The War in Malaya', Calcutta, India, hlm. 91.

kawasan luar bandar Kota Bharu ke kampung-kampung di sekitarnya. Ada juga yang mencari perlindungan di masjid-masjid dan di surau-surau.

Pada hari 7 Disember suasana bandar Kota Bharu sungguh mengharu-birukan. Askar-askar pihak Inggeris mula nampak berkejar ke sana kemari lengkap dengan senjata dan menaiki lori. Kereta-kereta perisai bergerak di dalam bandar menuju ke Pantai Semut Api dan ke Pantai Sabak. Rakyat jelata yang hendak lari keluar bandar berduyun-duyun di jalan-jalan raya. Ada yang berjalan kaki, ada yang berbasikal dan ada yang berkenderaan seperti menaiki motokar sewa dan bas. Keadaan di dalam bandar Kota Bharu tiada lagi terkawal oleh petugas-petugas kerajaan kerana masing-masing membawa diri mencari perlindungan oleh kerana tiada tahu hendak berbuat apa-apa lagi. Walau bagaimanapun anggota-anggota Pasukan Sukarela, Pasukan Pemadam Api masih bertugas dalam bandar Kota Bharu.

Pada kira-kira pukul 7.00 pagi hari 7 Disember itu, sejumlah kira-kira lima belas buah pesawat terbang Jepun jenis Zero berterbangan di atas angkasa bandar Kota Bharu datangnya dari arah barat. Pesawat-pesawat terbang itu rupa-rupanya menuju ke kawasan Pengkalan Chepa di mana mereka menyerang, membedil serta mengebom lapangan terbang. Pesawat-pesawat terbang Jepun itu juga mengebom lapangan terbang di Gong Kedak yang berhampiran dengan bandar Pasir Putih dan lapangan terbang Lalang Luas, dekat Labok, Machang. Sairen amaran serangan udarapun dibunyikan di bandar Kota Bharu. Sebaik sahaja pesawat-pesawat terbang Jepun itu menjunam ke atas lapangan terbang Pengkalan Chepa maka berbunyiilah dentuman tembakan meriam dari bawah. Itulah pertama kali rakyat Kelantan dapat menyaksikan secara jelas serangan udara. Sejurus kemudian, dua tiga buah pesawat terbang Jepun itu telah terkena tembak lalu menjunam jatuh, asap hitam berkepul-kepul keluar dari sayap dan belakangnya. Pada masa itu juga sebahagian besar lapangan terbang Pengkalan Chepa itu telah terkena bom dan terbakar. Hampir semua pesawat terbang Inggeris dan bangunan atau kubu di situ telah binasa. Kebakaran berlaku dan asap hitam kelihatan menjulang ke udara. Pada masa serangan udara itu berlaku tiada sebuahpun pesawat terbang Inggeris kelihatan terbang di angkasa negeri Kelantan untuk menentang pesawat-pesawat terbang Jepun yang datang menyerang itu. Setelah kira-kira setengah jam baharulah pesawat-pesawat terbang Jepun itu berundur menuju ke arah barat lalu menghilang.

Menjelang tengahari 8 Disember 1941 itu hampir seluruh penduduk bandar Kota Bharu telahpun berundur melarikan diri ke kawasan luar bandar mencari perlindungan, kebanyakannya berlindung di tempat perlindungan yang dibina oleh Kerajaan di kawasan tepi sungai di Kampung Kota, kira-kira 5 batu di selatan bandar Kota Bharu. Pejabat-pejabat kerajaan tiada dibuka dan kedai-kedai serta pasar-pasar kebanyakannya tertutup. Pada pagi itu juga semua pegawai kerajaan dan keluarga mereka dari bangsa Inggeris mula diundurkan ke Singapura dengan keretapi khas. Pada tengahari hari itu khabar telah tersebar mengatakan askar-askar Jepun telahpun mendarat di pantai kawasan Pengkalan Chepa dan Pantai Sabak, dan sedang mara ke arah bandar Kota Bharu dari beberapa jurusan. Perjuangan di antara askar-askar pihak Inggeris dengan askar-askar Jepun berlaku di sana sini sepanjang jalanraya Pengkalan Chepa-Kota Bharu dan di sekitar bandar Kota Bharu. Tetapi perlawanan yang diberikan

oleh askar-askar pihak Inggeris itu hanya sekadar mempertahankan diri dan hendak melambatkan kemaraan askar Jepun sahaja, bukannya untuk mengundurkan askar-askar Jepun itu. Askar-askar pihak Inggeris itu tiada lagi berdaya melawan bahkan terpaksa undur adakalanya terpaksa lari dan meninggalkan pos mereka. Sambil lari atau undur askar-askar pihak Inggeris itu telah diperintahkan oleh ketua-ketua mereka supaya meletupkan tempat-tempat simpanan senjata dan peluru. Tempat simpan minyak di jalan Minyak Gas di kawasan Kampung Kota Lama telah terbakar kerana terkena bedil. Pengkalan stesen keretapi Kota Bharu juga terbakar kerana feri atau lebih dikenali di Kelantan sebagai "kapal belangkas" yang ada di situ telah diletupkan oleh askar-askar pihak Inggeris sebelum mereka berundur. Suasana di dalam bandar Kota Bharu pada ketika itu lengang hanya askar-askar sahaja yang kelihatan.

Dalam pada itu askar-askar pihak Inggeris yang masih bertahan dalam bandar Kota Bharu cuba memperkuatkan kedudukan mereka di tempat-tempat penting atau strategik dalam bandar itu bagi mengawal jalanraya yang menghubungkan bandar-bandar Machang, Pasir Putih dan Kuala Krai. Dalam bandar Kota Bharu mereka berkubu di Jalan Pengkalan Chepa, Jalan Padang Garong, Jalan Temenggung, Jalan Kuala Krai dan Jalan Pasir Putih. Kereta-kereta perisai lori-lori tentera, dan meriam besar bergerak mengawal jalan-jalan tersebut.

Pada petang hari 8 Disember 1941 telah terdengar khabar bahawa askar-askar Jepun yang mendarat di Pantai Dasal, Sabak pada pagi-pagi 7 Disember 1941 telah berjaya menawan Lapangan Terbang Pengkalan Chepa dan sedang mara dari beberapa jurusan menuju ke bandar Kota Bharu. Khabarnya pihak Jepun telah menawan lapangan terbang itu kira-kira waktu tengahari pada 8 Disember 1941 itu.

Sementara itu pada hari 8 Disember 1941 itu langkah-langkah bagi memindahkan ke Kuala Krai semua kaum perempuan dan kanak-kanak kulit putih (Eropah) dari bandar Kota Bharu telah dijalankan di bawah arahan Pegawai Penasihat Inggeris di negeri Kelantan (Tuan Kidd). Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Kelantan dan keluarga dirajanya telah meninggalkan Istana Jahar mencari perlindungan di kediaman diraja dekat bandar Kuala Krai. Sejumlah pegawai awam bangsa Asia yang ingin meninggalkan bandar Kota Bharu juga telah dibenarkan berundur ke Kuala Krai.

Pada pagi hari 9 Disember 1941 askar-askar Jepun telah pun sampai di pinggir bandar Kota Bharu di mana berlaku pertempuran-pertempuran dengan askar-askar pihak Inggeris yang cuba mematahkan serangan dan kemaraan askar-askar Jepun itu. Tetapi ternyata askar-askar pihak Inggeris tidak lagi berupaya mengundurkan kemaraan askar-askar Jepun itu, cuma memberi perlawanan seberapa yang boleh bagi melambatkan kemaraan askar-askar Jepun itu untuk membolehkan askar-askar pihak Inggeris yang lain-lain mengundurkan diri dengan teratur ke tempat-tempat pertahanan mereka yang baru di luar bandar Kota Bharu yang dianggap penting atau strategik serta selamat dari serangan askar-askar Jepun.

Pada pagi 9 Disember 1941 itu pesawat-pesawat terbang Jepun sekali lagi datang menyerang kedudukan askar-askar pihak Inggeris dalam bandar Kota Bharu. Di Jalan Padang Garong satu kejadian telah berlaku di mana beberapa

buah pesawat terbang Jepun membedil kereta-kereta perisai, lori-lori askar dan pos-pos pertahanan pihak Inggeris yang sedang bertahan serta juga cuba berundur ke jurusan Jalan Pasir Putih ke Kubang Krian. Pesawat-pesawat terbang Jepun yang datang menyerang telah dibedil-balas oleh askar-askar pihak Inggeris.

Oleh kerana tekanan serangan askar-askar Jepun itu begitu kuat dan mereka mara dengan cepat dari beberapa jurusan dari arah Jalan Pengkalan Chepa menuju masuk ke dalam bandar Kota Bharu maka askar-askar pihak Inggeris terpaksa mengundurkan diri, mula-mula cuba bertahan di Kubang Krian, tetapi kemudiannya terus undur ke Peringat, Ketereh, Pulau Chondong, Machang dan akhirnya berhimpun di bandar Kuala Krai, satu-satunya pintu keluar dari negeri Kelantan yang tinggal ketika itu ke Kuala Lipis, Pahang.

Akhirnya pada kira-kira jam 2.00 petang 9 Disember 1941, askar-askar Jepun telah berjaya menawan seluruh bandar Kota Bharu dan kawasan sekitarnya serta terus mara sepanjang jalanraya yang menuju ke Machang, Pasir Putih dan Kuala Krai. Semasa askar-askar pihak Inggeris mengundurkan diri meninggalkan bandar Kota Bharu, telah berlaku kejadian di mana ada di antara orang ramai yang masih tinggal dalam bandar Kota Bharu telah memecahkan kedai-kedai, rumah-rumah kerajaan, dan gudang-gudang, mengambil barang-barang makanan, pakaian, alat-alat perabut dan lain-lain setakat yang terdaya oleh mereka kerana pada masa itu tiada lagi pihak berkuasa di dalam bandar itu.

Kebanyakan rumah-rumah kepunyaan orang-orang Melayu di kampung-kampung dan di bandar Kota Bharu telah ditulis dengan kapur putih atau cat putih dengan huruf rumi seperti "rumah orang Melayu" ataupun "rumah orang Islam". Sebab ditulis begitu kerana tersebar khabar mengatakan askar-askar Jepun tidak akan mengganggu atau mengusik rumah-rumah atau bangunan-bangunan yang ada tertulis dengan perkataan-perkataan itu di pintu-pintu atau di dinding-dindingnya. Berita itu memang benar juga. Boleh dikatakan askar-askar Jepun yang mara masuk ke dalam kampung-kampung dan bandar Kota Bharu menghormati rumah-rumah orang-orang Melayu/Islam. Terdapat cerita-cerita yang menyebut orang-orang Melayu di kampung-kampung dan dalam bandar Kota Bharu mengalu-alukan kedatangan askar-askar Jepun dan askar-askar Jepun itu melambai-lambai kepada mereka. Sungguhpun begitu ada juga berlaku beberapa kejadian di sana sini di mana askar-askar Jepun itu mengganggu atau mengusik rumah-rumah atau kampung-kampung orang-orang Melayu. Askar-askar Jepun itu khabarnya telah memecahkan beberapa buah rumah orang-orang Melayu dan merampas barang-barang di dalamnya seperti radio dan lain-lain termasuk basikal, motokar, ayam itik dan sebagainya. Ada juga kejadian-kejadian di mana askar-askar Jepun itu melakukan sesuatu dengan cara kasar terhadap orang yang mereka jumpai, yang lelaki ditempeleng atau ditampar manakala yang perempuan diusik dengan tiada senonoh.

Seperti yang telah disebutkan terdahulu dari ini, pada 8 Disember 1941 ketika pihak berkuasa Inggeris di Kota Bharu mengundurkan pegawai-pegawai awam, perempuan-perempuan dan kanak-kanak kulit putih atau bangsa Eropah, ada juga sejumlah pegawai awam bangsa Melayu dan Asia lainnya yang dengan sukarela ingin undur bersama dengan pegawai-pegawai awam Inggeris/Eropah itu. Patut disebut di sini di antara mereka itu ialah Tengku Mahmud Mahiyuddin

bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin, Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Kelantan. Tengku Mahmud Mahiyuddin telah berundur ke Singapura dan akhirnya ke India apabila pulau itu hampir jatuh ketangan Jepun. Sewaktu di India beliau telah berkhidmat dalam pasukan Inggeris di bawah 'Southeast Asia Command' atau SEAC yang diketuai oleh Laksamana Louis Mountbatten. Tengku Mahmud diberi pangkat Mejar dan bertugas di Bahagian Perisekan dalam organisasi SEAC yang juga mengendalikan pasukan gurila di Tanah Melayu. Pasukan tersebut terkenal dengan nama 'Force 136'. Selain daripada beliau ada juga beberapa orang penuntut-penuntut Melayu Kelantan di India dan Saudi Arabia yang telah diambil berkhidmat dengan pasukan Inggeris di India itu, dan ada di antara mereka yang telah digugurkan oleh pihak Inggeris di hutan-hutan negeri Kelantan untuk bergabung diri dengan pasukan gurila yang telah sedia ada di negeri Kelantan. Pengguguran itu dilakukan dalam tahun 1944 dan awal tahun 1945. Sewaktu berada di India, Mejar Tengku Mahmud Mahiyuddin selalu juga membuat ucapan di radio 'All India Radio' yang ditujukan khusus kepada orang-orang Melayu di negeri Kelantan, menyeru mereka supaya bersabar di bawah pemerintahan Jepun serta yakin bahawa pihak Inggeris akan kembali ke negeri Kelantan dalam masa yang tidak lama lagi.

Sementara itu pada 10 Disember 1941 terdengar berita bahawa askar-askar Jepun telah mendarat pula di Kuala Besut, dalam daerah Besut, Terengganu dan dari situ terus mara ke Pasir Putih dan Kuala Terengganu.

Pada 12 Disember 1941 askar-askar Jepun telah sampai di Machang setelah menawan Lapangan Terbang Lalang Luas dekat Labok berhampiran dengan Machang. Dari situ mereka terus mara pula ke Pasir Putih dan Lapangan Terbang Gong Kedak yang berdekatan dengannya. Askar-askar Jepun yang lain-lainnya mara sepanjang jalanraya menuju ke Kuala Krai.

Pada 19 Disember 1941 askar-askar pihak Inggeris meninggalkan bandar Kuala Krai dengan keretapi berundur ke Kuala Lipis, Pahang. Pada keesokan harinya (20 Disember 1941) askar-askar Jepun menawan bandar Kuala Krai. Seminggu kemudian boleh dikatakan seluruh negeri Kelantan telah jatuh ketangan pihak Jepun.

Penduduk negeri Kelantan khususnya di bandar Kota Bharu, mula mendengar cakap bahasa Jepun atau Nippon-go serta kata-kata Jepun seperti 'Ohayo' (selamat pagi), 'Sayonara' (selamat jalan), 'Arigato' (terima kasih), 'Watakushi' (saya), dan lagu-lagu kebangsaan Jepun 'Kimigayo' dan lagu perang Jepun 'Miyoto kaino' dan lain-lain lagi.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut bagaimanakah peperangan di negeri Kelantan itu berlaku, marilah kita kaji sumber-sumber Jepun dan juga Inggeris supaya dapat kita tahu dengan sebenarnya.

Peperangan Di Negeri Kelantan: 7–20 Disember 1941

a) *Kisah Perang Di Kelantan Dari Sumber Jepun*

Mengikut sumber sejarah Jepun,¹⁹ serangan ke atas negeri Kelantan telah dirancangan berbulan-bulan lamanya. Rancangan itu mula-mula dibuat di

¹⁹ Kisah perang di Kelantan dari sumber Jepun ini diasaskan kepada buku "Singapore: The Japanese Version" oleh Kolonel Masanobu Tsuji, hlm. 37–38, 46–47, 54–71, 77 dan 228.

Tokyo oleh panglima-panglima perang dan pegawai-pegawai tinggi tentera Jepun seperti Lt. Jeneral Tomoyuki Yamashita, Jeneral Sosaku Suzuki, Kol. Ikegaya, Maj. Konitake, Maj. Asaeda dan Lt. Kol. Sugita.²⁰ Pasukan askar Jepun yang diperintah menyerang Semenanjung Tanah Melayu ialah Ketumbukan Ke-25 atau 25th Army. Lt. Jen. Tomoyuki Yamashita telah dilantik oleh Jen. Hedeki Tojo, Perdana Menteri Jepun pada masa itu, menjadi panglima agung Ketumbukan Ke-25 itu khusus untuk menyerang dan menawan Semenanjung Tanah Melayu. Pada bulan September 1941 persediaan untuk menyerang Semenanjung Tanah Melayu telah dibuat. Ketumbukan Ke-25 Tentera Jepun itu berasal dari medan perang Manchuria di negeri China yang bersempadan dengan Russia dan mempunyai pengalaman yang banyak kerana sudah bertahun-tahun berperang melawan askar-askar China di bawah pimpinan Chiang Kai Shek. Ketumbukan itu kemudian dipindahkan ke Pulau Formosa atau Taiwan dan setelah itu dipindahkan pula ke Indochina. Setelah itu ketumbukan itu dihimpunkan pula di pulau Hainan di mana askar-askarnya diberi latihan perang yang secukupnya yang difikirkan sesuai dengan keadaan di Semenanjung Tanah Melayu.

Dalam pada itu selama enam bulan menjelang bulan Disember 1941 pihak Jepun telah membuat penyelidikan tentang keadaan dan kedudukan pertahanan pihak Inggeris di Semenanjung Tanah Melayu. Di samping itu pihak Jepun telah juga menjalankan pengintipan udara di atas angkasa Tanah Melayu sebanyak dua kali. Pada 19 Oktober 1941 sebuah kapal terbang pengintip Jepun jenis Hyaku Shiki Shitei (atau Reconnaissance 100 Type) berjentera dua yang dinaiki oleh Kol. Masanobu Tsuji dan Kapten Ikeda telah berlepas dari pengkalan udara Saigon membuat penerbangan di atas ruang angkasa Tanah Melayu untuk mengintip kedudukan pertahanan Inggeris di negeri Kedah dan Kelantan serta juga Selatan Thailand di kawasan Singgora dan Patani. Pada 22 Oktober tahun itu mereka berdua sekali lagi terbang di ruang angkasa utara Tanah Melayu. Kedua-dua penerbangan mengintip itu tiada diketahui oleh pihak Inggeris. Dalam penerbangan yang kedua itu iaitu di ruang angkasa Kelantan, Kol. Masanobu Tsuji membuat kesimpulan yang berikut:

"Nampaknya pengkalan udara di Kota Bharu (iaitu lapangan terbang di Pengkalan Chepa) itulah pihak British tiada shak lagi dapat mengancam kawasan Singgora, dan kapal-kapal terbang Inggeris adalah berjaga-jaga serta bersedia dengan serta merta menyerang sebarang pasukan yang mencuba hendak mendarat di Singgora dan di Patani. Saya berpendapat jika sekiranya Inggeris menggunakan pengkalan udaranya di Kota Bharu dengan sebaik-baiknya, pendaratan (oleh askar-askar Jepun) di Singgora tidak dapat dilakukan. Oleh sebab itu kita (Jepun) mesti menawan Kota Bharu serentak dengan pendaratan kita di Singgora dan di Patani".²¹

20 Masanobu Tsuji, hlm. 37-38 Selain dari Lt. Jen. Tomoyuki Yamashita yang menjadi Panglima Agung Ketumbukan Ke-25, pegawai tentera yang lain-lain itu dilantik memegang jawatan berikut: Jen. Sosaku Suzuki (Ketua Jabatan Ke-3, Markas Staf Am/Chief of the Third Department, General Staff Headquarters) sebagai pegawai Staf Kanan kepada Panglima Agung, Kol. Ikegaya (Kepala Seksi Perkapalan, Markas Staf Am/Head of the Shipping Section, General Staff Headquarters) sebagai anggota staf Ketumbukan Ke-25; Maj. Kunitake sebagai Pegawai Penjaga Operasi ke arah Selatan di Markas Am Diraja (Officer-in-Charge of Southward Operations at Imperial General Headquarters); Asaeda sebagai Pegawai Tambahan Operasi Tentera (Auxiliary Assistant of Military Operations) dan Lt. Kol. Sugita sebagai Pegawai Perisikan (Intelligence Officer) dan juga sebagai anggota staf yang mengurus perkapalan dan pengangkutan, semboyan (signals) keretapi, perhubungan (lines of communications) dan sebagainya.

21 Masanobu Tsuji, hlm. 55.

Sekembalinya dari penerbangan pengintipan kedua dan yang terakhir itu Kol. Masanobu Tsuji terus mengemukakan cadangannya kepada panglima-panglimanya seperti berikut:

1. Mendaratkan pasukan induk Ketumbukan Ke-25 serentak tanpa amaran di Singgora dan di Patani, dan pada ketika itu juga mendaratkan satu pasukan gempur dari Ketumbukan Ke-18 untuk menyerang Kota Bharu.
2. Askar-askar yang mendarat di Singgora dan di Patani hendaklah terus mara dengan serta merta menyerang pertahanan musuh di sepanjang Sungai Perak serta menawan jambatan dan pengkalan udara di Alor Setar, Kedah.
3. Askar-askar yang mendarat di Kota Bharu hendaklah terus mara sepanjang pantai timur sampai ke Kuantan".²²

Cadangan Kol. Masanobu Tsuji itu telah diterima seluruhnya oleh Markas Besar Tentera Jepun di Tokyo.

Pada 15 November 1941 satu persidangan penting telah diadakan di Saigon oleh panglima-panglima tentera darat, laut dan udara Jepun yang diberi tugas menyerang Semenanjung Tanah Melayu iaitu Lt. Jen. Tomoyuki Yamashita, Naib Laksamana Ozawa, dan Lt. Sugawara. Persidangan itu dihadiri juga oleh Pegawai Staf Am iaitu Lt. Jen. Prince Takeda yang mewakili Field Marshal Count Terauchi, Panglima Agung Pasukan Tentera Jepun di kawasan selatan. Persidangan tersebut bertujuan menentukan tanggungjawab dan kerjasama antara panglima-panglima Jepun yang ditugaskan menyerang Semenanjung Tanah Melayu.²³


Pasukan Jepun yang ditugaskan menyerang dan menawan Kota Bharu serta seluruh negeri Kelantan iaitu Pasukan Takumi (Takumi Detachment) berhimpun di pelabuhan Samah yang terletak di selatan pulau Hainan dan berlepas pada jam enam pagi 4 Disember 1941 menuju ke selatan. Pasukan ini secara diam-diam bergerak menyusuri pantai Indochina (Vietnam). Pada pagi 6 Disember pasukan itu sampai dekat Tanjung Kemboja (di hujung selatan Semenanjung Indochina) lalu bergerak ke arah barat laut masuk ke Teluk Siam dan pada jam dua belas tepat 6 Disember sampai di satu kawasan berhampiran dengan Pulau Phu Quoq lalu berhenti di situ. Pada waktu tengah malam 7 Disember pasukan itu berpecah dua, satu menuju pantai negeri Kelantan (ke Kota Bharu) dan yang satu lagi ke arah Singgora dan Patani, Selatan Thailand (Lihat Peta 2).

Pasukan Jepun yang bergerak menuju ke Kota Bharu dibawa oleh lima buah kapal perang Jepun termasuk dua buah kapal pengangkut tentera yang bernama Ryujo Maru, Kashii Maru dan Kapal Laksamana (Flagship) bernama Chokai masing-masing beratnya 10,000 tan.²⁴ Pasukan Takumi itu mengandungi regimen askar berjalan kaki kelima puluh enam atau 56th Infantry Regiment, satu kumpulan meriam hutan (one battery of mountain guns), dua kumpulan meriam tembak cepat (two batteries of quick-firing guns), satu kumpulan meriam penangkis kapal terbang (one battery of anti-aircraft guns), satu kompeni jurutera (one company of engineers), sebahagian juru semboyan (one section of signallers), sebahagian pegawai-pegawai perubatan dan kesihatan (one section of

22 Masanobu Tsuji, hlm. 58.

23 Masanobu Tsuji, hlm. 63.

24 Masanobu Tsuji, hlm. 72-77.



Peta 2. Jalan yang diambil oleh Pasukan Penyerang Jepun.

medical and sanitation personnel) dan sebuah hospital bergerak (one field hospital). Pasukan Takumi ini mengandungi sejumlah 5,300 orang. Pasukan ini dipimpin oleh Lt. Jen. Mataguchi.²⁵


Mengikut sumber Jepun itu lagi serangan ke atas Kota Bharu atau negeri Kelantan telah dilakukan seperti berikut :

"Pada waktu tengah malam 7/8 Disember 1941 tiga buah kapal pengangkut berlabuh di tepi pantai (iaitu pantai negeri Kelantan). Walaupun ombak di laut bergelora namun askar-askar Jepun telah berjaya diturunkan ke dalam perahu-perahu kecil. Kemudian pasukan pengawal angkatan laut memulakan bedilan mereka terhadap kawasan pantai sebagai menandakan pendaratan akan bermula. Kubu-kubu pertahanan pihak Inggeris yang tersedia dengan rapi membalas tembak dengan sengitnya sehingga askar-askar Jepun yang cuba hendak mendarat itu terpaksa menunggu di pinggir air dan tidak dapat angkat kepala mereka kerana takut kena peluru.

Sejurus selepas itu pesawat-pesawat terbang Inggeris datang menyerang kapal-kapal pengangkut Jepun itu yang teruk juga kena bom serta kena bedil dari pantai. Kapal pengangkut yang bernama Awagisu Maru terbakar setelah kena bedil sepuluh kali. Kemudian kapal yang bernama Ayatosan Maru juga ikut terbakar selepas kena bedil enam kali. Pegawai-pegawai dan anggota-anggota pasukan meriam penangkis pesawat terbang, walaupun telah teruk juga kena serang, telah dapat menembak jatuh tujuh buah pesawat terbang Inggeris yang menyerang itu. Semasa kapal-kapal pengangkut itu sedang terbakar, askar-askar Jepun yang masih berada di atas dek kapal itu sambil memegang senapang-senapang mereka, terjun ke dalam laut. Mereka hanyut terapung-apung bersama-sama dengan pelampung-pelampung yang telah memang dibekalkan kepada mereka dan setengahnya dengan bersusah payah telah dapat menaiki perahu-perahu lain manakala yang lain-lain itu berenang menuju ke arah pantai. Bagi askar-askar Jepun itu peristiwa tersebut merupakan detik permulaan perang yang mengerikan. (Lihat Peta 3)

Pesawat-pesawat terbang pejuang Inggeris menyerang perahu-perahu askar-askar Jepun itu sambil menembak ke atas askar-askar Jepun yang sedang berenang dan terapung-apung dalam laut itu. Sungguhpun begitu askar-askar Jepun itu sedikit demi sedikit dapat juga akhirnya naik ke tepi pantai serta membentuk satu barisan di atas pantai. Setelah hari mulai cerah askar-askar Jepun itu tidak dapat bergerak ke depan disebabkan oleh bedilan-bedilan dari dekat yang bertalu-talu dari kubu-kubu pertahanan Inggeris di pantai itu. Oleh itu pegawai dan askar-askar Jepun itu terpaksa menggali lubang di pantai dengan tangan mereka serta melindungi kepala mereka dengan tangan mereka sambil berada dalam lubang-lubang itu. Mereka terus menggali lubang itu sehingga keparas bahu dan seluruh badan mereka terlindung dari peluru-peluru yang bertalu-talu datang dari kubu-kubu Inggeris itu. Kedudukan askar-askar Jepun itu begitu dekat dengan kubu-kubu pertahanan Inggeris sehingga mereka boleh melontarkan bom-bom tangan ke dalam kubu-kubu itu dengan senang sahaja. Sepanjang masa tersebut askar-askar Jepun itu menggunakan topi-topi besi mereka dan mara ke hadapan. Sejurus kemudian mereka sampai ke pagar kawat

25 Masanobu Tsuji, hlm. 228.



Peta 3. Gerakan Mendarat Pasukan Takumi di Pantai Dasar, Sabak, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan pada tengah malam 8 Disember 1941.

berduri yang sedia terpasang di sepanjang pantai itu. Mereka yang membawa alat pemotong kawat berduri pun mula memotong kawat-kawat berduri itu. Tetapi sebelum mereka dapat berbuat apa-apa lagi, tiba-tiba kedengaran letupan yang dahsyat yang menyebabkan pasir di pantai berterbangan di sekitar mereka seolah-olah hujan pasir dan asap. Rupa-rupanya mereka sampai di kawasan di mana pihak Inggeris telah menanam periok-periok api. Sambil bergerak-gerak di atas mayat-mayat rakan-rakan mereka yang telah mati terbunuh oleh letupan itu, mereka memotong kawat berduri itu. Di belakang mereka beberapa orang askar mengekori mereka sambil membuat timbuan-timbuan pasir dengan menggunakan topi-topi besi mereka terus merangkak mara ke hadapan. Askar-askar pihak Inggeris yang menjaga kubu-kubu itu berjuang dengan tergopoh-gapah. Tiba-tiba seorang askar Jepun merebahkan dirinya di atas sebuah lubang atau kubu pihak Inggeris sambil sekumpulan askar-askar Jepun yang lain merempuh seketika itu juga menyerang kubu-kubu pihak Inggeris itu. Setelah itu berlontaranlah bom-bom tangan dan bergeserlah benet-benet di tengah-tengah pekikan-pekikan perang serta bunyi-bunyi suara kecemasan. Dalam awan asap yang hitam, kubu-kubu pertahanan depan pihak Inggeris pun dapat ditawan oleh askar-askar Jepun yang menyerang itu.

Di seberang sungai itu terletak kubu-kubu pertahanan barisan kedua pihak Inggeris. Askar-askar Jepun itu tiada tahu berapa dalam sungai tersebut tetapi dengan memakai pelampung-pelampung mereka terus mara menyeberangi sungai itu sambil menembak-nembak ke depan dan sejurus kemudian kubu-kubu pertahanan barisan kedua pihak Inggeris itupun dapat juga ditawan setelah berjuang dengan menggunakan benet-benet.

Perjuangan di tepi pantai Pengkalan Chepa itu berlangsung sepanjang hari. Setelah menyeberang sungai itu dan menawan kubu-kubu pertahanan barisan kedua pihak Inggeris maka ketua pemerintah pasukan Jepun itupun mengumpulkan orang-orangnya pada waktu senja untuk melancarkan serangan malam ke atas lapangan terbang di Pengkalan Chepa itu. Pada malam itu hujan turun berderai-derai tetapi pada pukul 8 malam itu (malam 8 Disember) satu penjuru lapangan terbang tersebut telah diserang. Seluruh lapangan terbang telah jatuh ke tangan askar-askar Jepun pada waktu tengah malam. Bandar Kota Bharu telah dapat ditawan pada pukul 2.00 petang, 9 Disember. Kemenangan askar-askar Jepun itu telah diikuti pula dengan tertawannya sebuah lapangan terbang di Tanah Merah (iaitu lapangan terbang di Lalang Luas) pada 13 Disember, dan lapangan terbang Kuala Krai pada 19 Disember. Dengan itu askar-askar Jepun itu telah dapat menyempurnakan misi mereka memusnahkan angkatan tentera Inggeris dan pertahanan mereka di pintu masuk ke Semenanjung Tanah Melayu di sebelah utara. Dalam serangan-serangan tersebut (iaitu menawan negeri Kelantan) askar-askar Jepun itu telah dapat menawan 27 pucuk meriam, 73 pucuk machine-gun berat dan ringan, 7 buah pesawat terbang, 157 buah motokar dan truck, dan 33 gerabak barang keretapi.

Dalam serangan-serangan itu pihak Jepun telah kehilangan dua buah kapal pengangkut iaitu Awagisan Maru dan Ayatosan Maru, 320 orang askar terbunuh dalam perjuangan dan 538 orang askar yang luka. Serangan menawan negeri

Kelantan merupakan satu-satunya perjuangan yang sengit dan dahsyat dalam sejarah kempen Jepun di Semenanjung Tanah Melayu".²⁶

Pada 10 Disember 1941 pesawat-pesawat terbang Jepun menyerang dua buah kapal perang Inggeris bernama 'Prince of Wales' dan 'Repulse' yang sedang bergerak di pantai timur Tanah Melayu. Waktu serangan Jepun itu berlaku kedua buah kapal perang Inggeris itu sedang bergerak berhampiran dengan bandar Kuantan di negeri Pahang, dengan diiringi oleh tiga buah kapal perang pembina yang bernama 'Electra', 'Express' dan 'Vampire'. Kapal perang 'Prince of Wales' dan 'Repulse' tersebut telah kena bom dan akhirnya tenggelam menyebabkan 830 orang pegawai dan tentera laut Inggeris terkorban. Kapal perang 'Prince of Wales' beratnya 35,000 tan, panjangnya 739 kaki dan had lajunya 30 knots, dilengkapi dengan sepuluh pucuk meriam besar ukuran 14 inci.²⁷ Kapal perang 'Repulse' pula beratnya 32,000 tan, panjangnya 794 kaki, had lajunya 29 knots, dilengkapi dengan enam pucuk meriam besar ukuran 15 inci, lapan pucuk meriam penangkis pesawat terbang berukuran 4 inci, dan lapan buah pelancar torpedo berukuran 21 inci.²⁸ Kapal itu juga membawa 4 buah pesawat terbang.

Pasukan Takumi yang telah berjaya menawan negeri Kelantan itu terus mara ke arah Kuantan di Pahang di mana perjuangan berlaku pada 29 Disember 1941. Bandar itu jatuh ke tangan Jepun pada 31 Disember 1941. Dari Kuantan pasukan Jepun itu meneruskan kemaraannya ke Kuala Lumpur dan Singapura.²⁹

b) *Kisah Perang Di Kelantan Dari Sumber Inggeris*

Sekarang marilah pula kita kaji sumber Inggeris tentang serangan Jepun ke atas negeri Kelantan agar dapat kita membuat perbandingan dengan sumber Jepun bagi membolehkan kita mengetahui dengan lengkap dan jelas mengenai peperangan di negeri Kelantan.

Menjelang tahun 1940 kedudukan pertahanan Inggeris di Tanah Melayu telah diperkuatkan.³⁰ Di kawasan timur Tanah Melayu ditempatkan ketumbukan askar India ke 9 (9th Indian Division) yang terdiri dari dua kumpulan Brigade askar berjalan kaki. Salah satu daripada Brigade itu ialah Brigade ke-8 di bawah pimpinan Brigadier Key ditempatkan di kawasan negeri Kelantan dan yang satu lagi iaitu Brigade ke-22 ditempatkan di kawasan Kuantan di negeri Pahang. Kedua pasukan di Kelantan dan Pahang ini adalah di bawah perintah Panglima Kor India ke-3 (3rd Indian Corps) yang bermarkas di Kuala Lumpur dipimpin oleh Lt. Jen. Sir Lewis Heath. (Lihat Peta 1). Beliau bertanggungjawab bagi seluruh Tanah Melayu ke sebelah utara dari negeri-negeri Johor dan Melaka serta juga Pulau Pinang.³¹ Adapun tugas utama Brigade di Kelantan ialah menjaga tiga buah lapangan terbang di negeri itu iaitu Pengkalan Chepa, Gong Kedak dan Lalang Luas supaya dapat digunakan oleh angkatan udara Inggeris dan juga

26 Masanobu Tsuji, hlm. 88-90.

27 Masanobu Tsuji, hlm. 94-95.

28 Masanobu Tsuji, hlm. 94-95.

29 Masanobu Tsuji, hlm. 141-142.

30 *The War in Malaya*, oleh Lt. Jen. A.E. Percival, Orient Longmans Pte. Ltd. Culcutta, 1957, hlm. 38.

31 Lt. Jen. A. E. Percival, hlm. 38.

supaya lapangan-lapangan terbang itu tidak jatuh ke tangan musuh.³² Tugas-tugas yang lain ialah menjaga pantai Kelantan serta jalanraya besar yang menghubungkan Kota Bharu dengan Kuala Krai di mana disimpan segala bekalan dan alat kelengkapan perang.³³

Sementara itu dalam bulan Julai 1941 diterima berita mengatakan askar-askar Jepun telah bergerak masuk menduduki kawasan selatan Indochina.³⁴ Dalam hubungan ini askar-askar Jepun telah masuk menduduki kawasan utara Indochina dalam bulan September 1940. Dengan menguasai kawasan selatan Indochina maka angkatan laut Jepun memperolehi pengkalan laut yang baik sekali dengan jarak 750 batu jauhnya dari Pulau Singapura serta juga memperolehi beberapa buah lapangan terbang dengan jarak 300 batu jauhnya dari Kota Bharu yang merupakan tempat yang terdekat sekali di Tanah Melayu dari Indochina, dan berada hanya 600 batu dari Pulau Singapura. Kedudukan Jepun di selatan Indochina itu memberi mereka satu pengkalan dari mana dapat dilancarkan serangan dari laut terhadap Semenanjung Tanah Melayu dalam masa yang singkat sahaja. Pihak Inggeris semakin bertambah bimbang atas langkah-langkah Jepun di selatan Indochina itu lalu menambahkan lagi bala bantuan tentera di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Untuk memperkuatkan lagi pertahanan Inggeris di Kelantan maka dihantar lagi ke sana Brigade berjalan kaki India ke-28 (28th Indian Infantry Brigade) serta juga satu lagi batalion askar-askar India yang didatangkan dari kawasan selatan Semenanjung Tanah Melayu, untuk diberi tugas mengawal dan mempertahankan lapangan-lapangan terbang di kawasan Kelantan.³⁵ Di samping itu pasukan-pasukan pertahanan awam di negeri Kelantan juga diperkuatkan.

Pada petang 6 Disember 1941, Markas Besar Inggeris di Kuala Lumpur telah menerima suatu perutusan yang mengatakan pada pagi itu pesawat terbang pengintip Inggeris yang membuat penerbangan pengintipan di sekitar kawasan Teluk Siam, telah temampak dua Convoy kapal Jepun yang mengandungi kapal-kapal perang dan kapal-kapal pengangkut di suatu kawasan kira-kira 80 batu di sebelah timur Tanjung Camo (Tanjung Kemboja) di hujung Semenanjung Indochina.³⁶ Convoy Jepun itu bergerak menuju arah sebelah barat. Jika dilihat peta nescaya didapati iaitu sekiranya convoy kapal Jepun itu terus bergerak arah ke sebelah barat mereka akan sampai di suatu kawasan tiada berapa jauh letaknya daripada bandar Singgora di selatan Thailand. Bila didengar sahaja berita itu pihak tentera Inggeris pun terus bersiap sedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Menjelang malam 6 Disember itu sampai lagi berita lanjut mengenai dua convoy kapal-kapal Jepun itu yang menjelaskan lagi bahawa satu daripada convoy tersebut mengandungi 22 buah kapal dagang tiap-tiap sebuah beratnya 10,000 tan diiringi oleh sebuah kapal perang, 5 buah kapal penjelajah dan 7 buah kapal pembinasas. Manakala convoy yang kedua pula mengandungi 21 buah kapal dagang yang diiringi oleh dua buah kapal penjelajah dan tujuh buah kapal pembinasas. Nyatalah bahawa convoy-convoy kapal Jepun

32 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 48.

33 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 49.

34 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 56.

35 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 61.

36 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 101.

itu adalah suatu pasukan yang besar. Selain daripada itu sampai pula berita mengatakan ada lagi satu convoy kecil kapal-kapal Jepun yang mengandungi sebuah kapal penjelajah dan tiga buah kapal dagang telah kelihatan di sebelah barat sedang dalam perjalanannya menuju arah ke sebelah utara barat laut.

Pihak Inggeris di Singapura dan di Kuala Lumpur berpendapat convoy-convoy kapal Jepun itu tidak mungkin akan menuju ke arah selatan Thailand bahkan besar kemungkinan bahawa kapal-kapal tersebut sedang dalam perjalanan masuk ke Teluk Siam untuk berhimpun di pengkalan Koh Rhong yang terletak di pantai barat Indochina. Tujuan kapal-kapal Jepun berhimpun di situ ialah untuk mengancam negeri Siam.³⁷ Pada masa itu pihak Inggeris masih lagi mencuba bersungguh-sungguh supaya peperangan dengan Jepun dapat dielakkan. Walaupun begitu askar-askar Inggeris telah diberi perintah bersiap sedia.

Pada pagi 7 Disember 1941 tiada apa-apa peristiwa penting berlaku. Tetapi pada kira-kira pukul 7.30 malam itu telah diterima suatu berita yang mengatakan pesawat-pesawat terbang pengintip dari angkatan udara Australia yang sedang membuat penerbangan pengintipan di kawasan Teluk Siam telah melihat 4 buah kapal kecil Jepun nampaknya seakan-akan kapal pembinasa berada kira-kira 70 batu dari pantai Singgora di selatan Thailand, dan sedang dalam perjalanan menuju arah selatan.³⁸

Pada 8 Disember kira-kira pukul 1.00 pagi, Markas tentera Inggeris di Singapura telah terima perutusan yang mengatakan beberapa buah kapal musuh yang tidak dikenali telah kelihatan sedang menyusuri pantai negeri Kelantan, di suatu kawasan berhadapan dengan Kota Bharu, pada jam kira-kira 11.30 malam itu. Sejurus kemudian sampai pula perutusan yang memberitahu Markas tentera Inggeris itu iaitu kapal-kapal musuh sedang membedil kawasan pantai dan telah mulai melakukan pendaratan di negeri Kelantan.³⁹ Pendaratan pertama telah berlaku di suatu tempat yang terletak di antara kampung Badang dengan kampung Sabak. Tempat yang didarati oleh musuh itu betul-betul berhadapan dengan lapangan terbang di Pengkalan Chepa. (Lihat Peta 3) Pihak Inggeris berpendapat bahawa kapal-kapal perang Jepun yang bergerak berhampiran dengan pantai negeri Kelantan itu telah dipandu oleh api tanda yang dipasang oleh ejen Jepun di suatu tempat yang tinggi berhampiran dengan kawasan pantai itu. Meriam-meriam pantai Inggeris pun membalas bedilan-bedilan dari kapal-kapal perang Jepun itu serta juga membedil kapal-kapal kecil yang sedang menuju ke tepi pantai. Askar-askar Jepun yang cuba hendak mendarat telah dibedil dengan tidak putus-putus. Tetapi pertahanan Inggeris di pantai negeri Kelantan lemah sekali. Dalam sekejap masa sahaja askar-askar Jepun itu telah dapat mendarat dan berjaya menawan kawasan pantai itu. (Lihat Peta 3)

Serangan dan pendaratan askar-askar Jepun di negeri Kelantan telah menggerakkan pihak Inggeris. Pulau Singapura sendiri telah dibom oleh pesawat-pesawat terbang Jepun buat pertama kali pada pukul 4.00 pagi 8 Disember itu.⁴⁰

Pada pagi itu juga pesawat-pesawat terbang dari angkatan udara Australia yang ditempatkan di Pengkalan Chepa, Kelantan (iaitu pesawat-pesawat terbang

37 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 103.

38 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 105.

39 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 106.

40 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 107.

jenis Hudson dari Squadron Satu) telah naik ke angkasa dan menyerang kapal-kapal perang Jepun di pantai Kelantan itu.⁴¹ Pesawat-pesawat terbang pengebom pihak Inggeris jenis Vickers-Vildebeeste torpedo-bombers yang ditempatkan di lain-lain lapangan terbang di pantai timur juga ikut menyerang kapal-kapal perang Jepun itu. Sebuah daripada kapal-kapal perang Jepun itu yang dipercayai berisi kereta-kereta kebal telah terbakar lalu tenggelam. Pada pagi itu juga pesawat-pesawat terbang Jepun menyerang lapangan-lapangan terbang di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, khususnya di kawasan-kawasan timur dan utara, megebom serta membinasakan lapangan-lapangan terbang itu serta juga merosakkan sejumlah besar pesawat-pesawat terbang. Menjelang waktu malam 8 Disember, angkatan udara Inggeris di Semenanjung Tanah Melayu sudahpun lumpuh dihentam oleh Jepun.

Adapun kawasan-kawasan pantai Badang dan Sabak di Kelantan di mana askar-askar Jepun telah mendarat, adalah dijaga oleh askar-askar India dari pasukan Dogras 3/17.⁴² Pantai itu terletak kira-kira 1½ batu di sebelah utara lapangan terbang Pengkalan Chepa. Di belakang pantai tersebut ialah kawasan-kawasan paya dan baroh di mana susah askar-askar tambahan hendak bergerak. Sementara pantai itu pula sempit sahaja. Nampaknya askar-askar Jepun yang mendarat di situ sedia mengetahui akan keadaan di kawasan tersebut dan sebab itulah mereka dilengkapi khas dengan pakaian dan alat perkakas yang sesuai untuk berperang di kawasan-kawasan paya.

Setelah mendarat di pantai Kelantan, askar-askar Jepun tersebut terus mara ke hadapan sambil meluaskan kedudukan mereka.⁴³ Sejumlah askar-askar Jepun telah mendarat di atas beberapa pulau yang berdekatan dan membuat perkubuan mereka di situ. Panglima Inggeris di Kelantan iaitu Brigadier Key mengambil keputusan menyerang balas untuk menawan balik kawasan pantai yang telah jatuh ke tangan askar-askar Jepun itu. Tetapi pasukan Dogras 3/17 tersebut tidak dapat berbuat demikian sebab mereka telahpun membuat persiapan mempertahankan lapangan terbang Pengkalan Chepa. Oleh itu Brigadier Key memerintahkan Regimen ke-2 pasukan sempadan atau 2nd Frontier Force Regiment serta satu pasukan askar meriam daripada pasukan cadangannya supaya bergerak menyerang balas terhadap askar-askar Jepun di tepi pantai itu. Dalam pada itu Brigadier Key memerintahkan pasukan pertama sempadan atau 1st Frontier Force Rifles supaya berjaga-jaga terhadap kemungkinan askar-askar Jepun cuba hendak mendarat di pantai sebelah selatan Pengkalan Chepa, selepas waktu subuh kelak. Kawasan pantai yang telah jatuh ke tangan Jepun itu dijangka akan diserang balas mulai daripada sebelah utara membawa ke sebelah selatan, tetapi sebelum serangan balas itu dapat dilancarkan oleh pihak Inggeris, waktu pagi menjelang tiba. Pada masa itu kelihatan sembilan buah kapal perang Jepun sedang bergerak ke laut meninggalkan perahu-perahu pendarat yang kecil-kecil di belakangnya. Pihak Inggeris berasa sedih hati sedikit kerana kapal-kapal perang Jepun itu telah pergi. Tetapi sekejap kemudian harapan itu hancur lebur kerana sampai berita dari pesawat terbang pengintip Inggeris yang mengatakan sebanyak dua puluh buah kapal musuh (Jepun) sedang menurunkan askar-

41 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 107.

42 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 113.

43 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 113.

askar ke dalam perahu-perahu pendarat di sebelah pulau-pulau kecil yang terletak tidak jauh dari pantai Kelantan.

Pertempuran yang sengit terjadi di atas pantai itu, dengan menimpa kemalangan yang teruk di kedua belah pihak. Pada mulanya serangan-serangan balas pihak Inggeris itu yang dilancarkan dari sebelah utara dan selatan memberi harapan yang baik, tetapi pasukan-pasukan Inggeris itu tidak berjaya merampas balik kubu-kubu yang mula-mula ditawan oleh askar-askar Jepun itu. Jadi pihak Jepun masih dapat bertahan di sebelah pantai itu. Pihak Inggeris masih menyerang balas lagi dan mencuba dengan bersungguh-sungguh hendak merampas balik kubu-kubu yang mula-mula ditawan oleh Jepun itu. Pada pukul 10.30 pagi 8 Disember itu Brigadier Key memerintahkan pasukan cadangannya iaitu 1st Frontier Force Rifles yang pada waktu itu sedang menjaga kawasan daratan serta lapangan terbang Pengkalan Chepa, supaya melancarkan serangan balas terhadap saki baki kedudukan Jepun di tepi pantai itu dari sebelah utara, manakala Regimen 2nd Frontier Force melancarkannya dari sebelah selatan. Serangan-serangan balas itu dilancarkan sepanjang waktu petang itu tetapi tiada juga berjaya, kerana banyak halangan yang dialami oleh mereka.⁴⁴ Hujan lebat yang turun mencurah sepagian itu telah menyebabkan jalan-jalan yang berhampiran dengan kawasan-kawasan pantai tidak boleh dilalui oleh kenderaan-kenderaan pengangkutan oleh kerana berlubang-lubang dan lecah. Beberapa orang askar pihak Inggeris telah hanyut dalam sungai kecil yang deras lalu mati lemas. Menjelang waktu senja kedua-dua serangan balas itu terpaksa dihentikan. Sungguhpun begitu pihak Jepun mengalami kerugian yang teruk juga dalam sepanjang perjuangan merebut pantai Kelantan itu.

Sementara itu kedudukan di angkasapun semakin mengecewakan pihak Inggeris. Pesawat-pesawat terbang pejuang Jepun telah dapat mengawasi angkasa serta mengawal angkasa lapangan terbang Pengkalan Chepa, menyebabkan susah benar lagi sangat merbahaya bagi pesawat-pesawat terbang pengebom Inggeris hendak meninggalkan lapangan terbang itu untuk bertindak terhadap pasukan-pasukan Jepun itu, tanpa dibantu dan diiringi oleh pasukan pesawat-pesawat terbang pejuang.⁴⁵ Pasukan meriam penangkis pesawat terbang dari Hongkong dan Singapore Royal Artillery yang mempertahankan lapangan terbang itu bertugas sepanjang hari menembak pesawat-pesawat terbang Jepun dan askar-askar Jepun yang datang menyerang tetapi sungguhpun begitu pertahanan lapangan terbang itu pada keseluruhannya tersangatlah lemah untuk menangkis serangan-serangan Jepun itu. Setengah-setengah daripada pesawat terbang Inggeris telah binasa manakala yang lain-lainnya tidak dapat naik ke angkasa. Pada pukul 4 petang pegawai pemerintah udara mengeluarkan perintah supaya pasukan-pasukan Inggeris meninggalkan lapangan terbang di Pengkalan Chepa itu. Maka bermulalah pasukan-pasukan Inggeris meninggalkan lapangan terbang di Pengkalan Chepa dan juga lain-lain lapangan terbang di Kelantan. Akibatnya Jepun dapat menawan lapangan-lapangan terbang penting itu dan ini merosakkan lagi moral askar-askar Inggeris yang berundur itu. Panglima Inggeris di Kelantan, Brigadier Key tidaklah lagi dapat berbuat apa-apa untuk menahan

44 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 114.

45 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 114.

kemaraan askar-askar Jepun yang menyerang Kelantan itu. Lapangan terbang Pengkalan Chepa telah jatuh ke tangan Jepun. Dan sekiranya beliau terus berjuang di sekitar bandar Kota Bharu besar kemungkinan Jepun akan mendaratkan satu pasukan yang lain pula di pantai jauh ke sebelah Selatan lagi untuk memencilkan atau mengepung pasukan British itu. Brigadier Key pun berhubung dengan markas pasukannya di Raub (Pahang) di mana Lt. Jen. Sir L.M. Heath, panglima tentera Inggeris bagi kawasan utara Semenanjung Tanah Melayu, serta Maj. Jen. Barstow, panglima tentera Inggeris di kawasan timur Semenanjung Tanah Melayu sedang berunding.

Brigadier Key telah diberi kebenaran mengundurkan pasukannya dari pantai Kelantan ke garisan belakang di pendalaman sekiranya langkah itu perlu. Oleh sebab kedudukan di kawasan-kawasan Pengkalan Chepa, Sabak dan Badang menjadi kelam-kabut serta juga membimbangkan dan tersebar berita-berita mengatakan askar-askar Jepun sudah pun menyeludup masuk ke garisan belakang pihak Inggeris, dan lagi di sebelah selatan datang khabar bahawa asap telah kelihatan di sekitar kepulauan Perhentian yang menandakan kemungkinan Jepun sedang bersiap hendak mendaratkan lagi askar-askarnya di kawasan Besut dan jika berita-berita dan khabar-khabar itu benar berertilah bahaya yang amat besar kepada pasukan-pasukan Inggeris di seluruh Kelantan. Dengan sebab yang demikian maka Brigadier Key pun memerintahkan askarnya undur meninggalkan kawasan-kawasan pantai Sabak Badang dan juga lapangan terbang Pengkalan Chepa serta mengambil kedudukan baharu di sekitar bandar Kota Bharu sampai ke Sungai Kelantan. Oleh kerana pada petang itu hujan turun dan menjelang senja dan keadaan begitu kelam-kabut maka pengunduran pasukan Inggeris tersebut telah berjalan dalam keadaan yang kucar-kacir. Menjelang pagi 9 Disember pasukan Inggeris yang undur dari kawasan-kawasan pantai itupun baharulah bersiap sedia di tempat-tempat pertahanan yang baharu di sekitar bandar Kota Bharu.

Sementara itu untuk memperkuatkan kedudukan pertahanan Inggeris di negeri Kelantan bantuan telah dikejarkan. Pada waktu tengahari 8 Disember pasukan Hyderabad 4/19 yang bertugas di Negeri Sembilan sebelumnya telah tiba di Kota Bharu dengan keretapi.⁴⁶

Pasukan Inggeris yang berkumpul di sekitar bandar Kota Bharu itu berjumlah kira-kira 700 orang.⁴⁷ Daripada tiga orang panglima yang mengetuai tiga batalion askar berjalan kaki, seorang telah luka, manakala dua orang lagi itu telah hilang bersama-sama dengan sebahagian daripada orang-orang di bawah perintah mereka.

Pada pagi 9 Disember itu pasukan Jepun, yang telah dapat menawan lapangan terbang Pengkalan Chepa, pun terus bergerak mara ke arah bandar Kota Bharu mengikuti jalanraya besar Pengkalan Chepa-Kota Bharu. Khabar-khabar tersebar mengatakan askar-askar Jepun telahpun menyeludup di belakang pertahanan Inggeris di sebelah menyebelah jalanraya itu. Kebanyakan askar-askar Jepun yang telah mendarat di negeri Kelantan itu berpakaian serta dilengkapi secara ringan sahaja. Jadi mudah sekali mereka bergerak. Askar-askar pihak Inggeris pula mengalami kesulitan dan kerumitan besar untuk mengenali atau mengancam lawan dan kawan atau askar-askar Jepun daripada orang Melayu atau Cina,

46 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 115.

47 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 134-135.

kerana mereka nampaknya serupa atau seakan-akan sahaja rupa paras dan perwatakannya. Keadaan pun menjadi kelamkabut, pengunduran orang-orang awam dari bandar Kota Bharu pun dimulai, dan diselenggarakan oleh Tuan Kidd dari Perkhidmatan Tadbir Malaya atau Malayan Civil Service. Sementara itu pada 8 Disember 1941 semua kaum perempuan dan kanak-kanak kulit putih diundurkan ke Kuala Krai di mana keretapi tentera telah siap sedia.⁴⁸ Orang-orang awam bangsa Asia yang ingin berundur telah dibenarkan berundur dengan secara teratur dan terkawal. Brigadier Key berpendapat tiada lagi berguna pasukannya mengawal bandar Kota Bharu, lalu memerintahkan pasukannya itu berundur ke tempat kedudukan yang baharu yang terletak kira-kira 4 batu di selatan bandar Kota Bharu, pasukan 2/12 Frontier Force Regiment di sebelah kanan, pasukan 1/13 Frontier Force Rifles di sebelah kiri, dan pasukan Dogras sebagai cadangan. DYMM Sultan Kelantan dan keluarga dirajanya meninggalkan Istana Jahar di Kota Bharu berpindah ke Kuala Krai.

Pengunduran askar-askar Inggeris di garisan depan tidak berjalan mengikut rancangan dengan sebab pasukan Jepun pada masa itu sudahpun sampai di jalanraya di antara Kota Bharu dengan Kubang Kerian.⁴⁹ Tetapi pasukan 2/12 Frontier Force Regiment berjuang mati-matian sambil berundur dari bandar Kota Bharu hingga sampai di Kampung Kubang Kerian di mana mereka digabungkan oleh pegawai pemerintah pasukan berserta dengan askar-askar dari batalion tersebut, yang telah terputus pada malam sebelumnya. Askar-askar Jepun mara dengan pantas mengikuti mereka. Maka terjadilah pertempuran berdadu yang hebat lagi mengharu-birukan. Pada pukul 11.00 malam itu (9/12/41) Jepun dapat menawan Kampung Kubang Kerian dan askar-askar Inggeris terus undur arah ke Kampung Peringat, empat batu ke sebelah selatan. Di Peringat pasukan Inggeris itu digabungkan oleh dua kampeni dari pasukan 2/10 Baluch Regiment yang berundur dari arah pantai di sebelah selatan. Askar-askar Inggeris pun mendirikan barisan pertahanan mereka di Peringat. Sementara itu berita sampai dari Kuala Krai mengatakan bala bantuan iaitu pasukan 4/19 Hyderabad telah pun sampai di sana. Pasukan tersebut telah diperintah mengambil kedudukannya di sekitar Kampung Ketereh, dua belas batu di sebelah selatan bandar Kota Bharu. Pada pukul 5.00 petang pasukan itu mengambil tempat mereka di bendang-bendang padi di sekitar Kampung Peringat. Pada malam itu ramai lagi askar-askar Inggeris yang telah terputus serta hilang di kawasan Kota Bharu dan Kubang Kerian, sampai di Peringat lalu bergabung kembali dengan pasukan asal mereka. Pada malam itu juga askar-askar Inggeris di sekitar Kampung Peringat itu membuat persiapan-persiapan baharu untuk menentang askar-askar Jepun yang sedang mara itu. Pasukan Inggeris berjumlah kira-kira 2000 orang.

Pada 10 Disember sampai berita mengatakan askar-askar Jepun telahpun mendarat di Kampung Kuala Besut. Pendaratan ini secara langsung mengancam lapangan terbang di Gong Kedak yang terletak berhampiran dengan Kampung Semerak kira-kira 3 batu dari Besut. Oleh kerana tidak ada kapal-kapal terbang Inggeris yang mengintip di udara maka tidaklah dapat diketahui kekuatan

48 Lt. Jen. A.E Percival, hlm. 134.

49 Lt. Jen. A.E Percival, hlm. 135.

pasukan Jepun yang telah mendarat di Kuala Besut itu. Kedudukan sekarang amat berbahaya kerana pendaratan baharu Jepun di Kuala Besut itu mengancam bukan sahaja lapangan-lapangan terbang di Gong Kedak dan Machang (yang terletak di jalanraya Kota Bharu – Kuala Krai) bahkan juga kepada perhubungan bagi semua pasukan Inggeris itu. Dengan sebab itulah maka Brigadier Key pun mengambil keputusan pada pagi 11 Disember meninggalkan lapangan-lapangan di Gong Kedak dan Machang serta mengundurkan semua pasukan Inggeris ke selatan Kampung Machang di mana perhubungan masih terkawal.⁵⁰ Lagipun lapangan-lapangan terbang tersebut tidak lagi dikehendaki oleh angkatan udara Inggeris, tetapi malangnya lapangan-lapangan terbang di Gong Kedak dan di Machang telah terpaksa ditinggalkan dalam keadaan yang baik iaitu tidak diletupkan atau dimusnahkan kerana rancangan pemusnahannya tidak dapat dibuat oleh pengunduran itu telah dilakukan dengan tergesa-gesa.

Kedudukan baharu pertahanan Inggeris di kawasan selatan Kampung Machang dipertahankan oleh pasukan 2/12 Frontier Force Regiment di sebelah kanan dan pasukan 2/10 Baluch di sebelah kiri, manakala dua lagi batalion dari Brigade kedelapan atau 8th Brigade ditugaskan mengawal sepanjang jalanraya tersebut. Pada masa itu juga perintah untuk meletupkan atau membinasakan jambatan keretapi yang bernama Guillemard yang terbentang merintang Sungai Kelantan dekat Tanah Merah itupun dikeluarkan. Maka terbinasalah dan terputuslah jambatan keretapi yang terpanjang sekali di seluruh Semenanjung Tanah Melayu.⁵¹

Sementara itu askar-askar Jepun yang mendarat di Singgora dan Patani di selatan Thailand telah mara masuk ke negeri Kedah dan Perak lalu mengancam kedudukan seluruh pantai barat Semenanjung Tanah Melayu. Pihak Inggeris telah menjadi kelamkabut, sama ada hendak membiarkan pasukannya di negeri Kelantan terus mempertahankan negeri itu ataupun hendak mengundurkan semua sekali pasukan itu keluar dari negeri Kelantan, untuk digunakan di tempat lain di barat dan di selatan Tanah Melayu.

Pada 12 Disember pasukan Jepun melancarkan serangan hebat ke atas pertahanan Inggeris di Kampung Machang tetapi diserang balas oleh pasukan 2/10 Baluch Regiment. Pada masa itu askar-askar Jepun telahpun sampai di Kampung Machang setelah mara 26 batu dari Kota Bharu.⁵² Pasukan-pasukan Inggeris terus undur ke Kuala Krai. Pada 19 Disember bandar Kuala Krai juga terpaksa ditinggalkan oleh pasukan-pasukan Inggeris tersebut.⁵³ Semua askar-askar, alat senjata, kenderaan dipindahkan dengan keretapi ke Kuala Lipis. Sebanyak 80 buah kenderaan tentera terpaksa ditinggalkan di Kuala Krai kerana tiada cukup gerabak untuk membawanya ke Kuala Lipis. Perkakas-perkakas tentera yang lain-lain di Kuala Krai dibinasakan. Sambil keretapi yang membawa askar dan sebagainya bergerak menuju ke selatan, jambatan-jambatan di sepanjang jalan keretapi itupun dibinasakan supaya tidak boleh digunakan oleh askar-askar Jepun. Satu pasukan Inggeris di bawah Lt. Kol. MacKeller ditinggalkan di belakang dengan tugas-tugas mengawasi jalan keretapi Krai–Lipis itu

50 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 135.

51 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 136.

52 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 137.

53 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 137.

supaya jambatan-jambatan yang dibinasakan itu tidak dibaiki. Pasukan Inggeris itu mengandungi askar-askar dari pasukan sukarelawan Pahang atau Pahang Volunteers dan Malay Regiment. Pada 22 Disember pasukan Lt. Kol. MacKeller itu sampai di Kuala Lipis.⁵⁴ Dengan itu maka berakhirilah perjuangan di antara askar-askar Inggeris dengan askar-askar Jepun di negeri Kelantan dan negeri itu diduduki oleh askar-askar Jepun seluruhnya. (Lihat Peta 4)

Tentera Jepun Menawan Negeri Kelantan

Setelah askar-askar Jepun dapat menawan negeri Kelantan maka bermulalah zaman baharu bagi negeri Kelantan iaitu zaman pendudukan dan pentadbiran tentera Jepun. Bagi negeri Kelantan zaman itu bermula dari 13 Disember 1941. Sungguhpun begitu bendera Jepun telah mula berkibar di angkasa negeri Kelantan sejak dari 8 Disember lagi. Dalam masa minggu pertama sejak Kelantan ditakluki oleh Jepun boleh dikatakan tidak ada kerajaan di negeri itu kerana pejabat-pejabat kerajaan masih tertutup dan pegawai-pegawai serta kakitangan-kakitangan kerajaan Kelantan semuanya telah berundur melindungi diri masing-masing di merata pelusuk negeri itu. Bangunan-bangunan penting di dalam bandar Kota Bharu telah diduduki seluruhnya oleh askar-askar Jepun. Bangunan Resideni iaitu rumah kediaman bekas Penasihat Inggeris dijadikan tempat kediaman serta pejabat pentadbir tentera Jepun di negeri Kelantan. Bangunan Mercantile Bank di hadapan Padang Bank (sekarang Padang Merdeka) dijadikan markas polis tentera Jepun yang lebih terkenal dengan nama Kempetai yang amat ditakuti itu. Lapangan terbang di Pengkalan Chepa dijadikan markas tentera udara Jepun di Kelantan. Bangunan-bangunan kastam dan sesen keretapi Kota Bharu dijadikan markas tentera laut Jepun dan di situ ditempatkan beberapa buah kapal perang kecil atau kapal ronda serta juga beberapa buah pesawat terbang angkatan laut Jepun. Beberapa buah bangunan kerajaan yang lain-lain telah diduduki oleh panglima-panglima dan unit-unit askar Jepun.

Semasa askar-askar Jepun memburu askar-askar Inggeris di negeri Kelantan, mereka telah masuk merata-rata kampung dan ada kejadian-kejadian yang telah berlaku di mana mereka melakukan perkara-perkara yang tiada sopan terhadap orang-orang yang mereka jumpai, yang lelaki ditempeleng atau ditampar manakala yang perempuan dikacau dan diusik. Dari sebab kekasaran semacam itulah maka orang-orang di Kelantan berasa takut kepada askar-askar Jepun itu, kerana mereka tiada dapat berbuat apa-apa untuk menghalangnya. Sebarang perbuatan kasar askar-askar Jepun itu tiada siapa yang berani membantah atau melawan. Sekiranya seseorang itu cuba melawan atau engkar maka sudah tentu akan menerima hukuman atau balasan yang berat lagi kejam. Pada masa itu sekiranya seseorang lalu dihadapan pos penjaga askar Jepun jika tidak memberi hormat dengan menundukkan kepala atau mengikut panggilan Jepun 'Kerei', maka orang itu akan menerima tampar atau tempeleng di situ juga begitu juga jika askar-askar Jepun itu berkehendakkan sesuatu barang yang ada pada orang itu terpaksa orang itu memberi terus kalau tidak akan dirampas juga dan orang itu ditampar.

54 Lt. Jen. A.E. Percival, hlm. 137.



Peta 4. Penaklukan Negeri Kelantan oleh Tentera Jepun dari 8-20 Disember 1941.

Dua minggu setelah askar-askar Jepun menduduki negeri Kelantan maka penduduk-penduduk Kota Bharu yang telah melarikan diri itu berduyun-duyun pulang ke rumah masing-masing di Kota Bharu. Ada yang berperahu, ada yang berbasikal, ada yang berkereta bahkan ada yang terpaksa berjalan kaki. Kedai-kedai perniagaan dan pasar-pasar dibuka semula dan menjadi ramai kembali. Pada masa itu juga wang kertas Jepun mula digunakan menggantikan mata wang Inggeris. Wang kertas Jepun itu terkenal dengan nama gelaran "pitis pohon pisang" kerana gambar pohon pisang tertera di atas wang kertas Jepun itu. Mata wang Inggeris di tegah penggunaan dan pengedarannya oleh pentadbiran Jepun, bahkan dipaksa orang-orang menyerahkan mata wang Inggeris itu kepada pihak berkuasa Jepun. Tetapi banyak orang menyimpan mata wang Inggeris itu secara diam-diam untuk disimpan buat ingatan atau kenangan. Pada mula-mulanya nilai mata wang Jepun itu adalah bersamaan dengan nilai mata wang Inggeris dahulu, umpamanya kalau zaman sebelum perang dahulu sebungkus nasi berharga satu sen maka dalam zaman mula-mula pemerintahan Jepun berharga satu sen wang Jepun juga.

A: Kelantan Di bawah Pentadbiran Tentera Jepun

Setelah Singapura ditawan oleh tentera Jepun pada 15 Februari 1942, maka pihak berkuasa Jepun telah menubuhkan Pentadbiran Tentera Jepun di Tanah Melayu yang diletak di bawah tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Asia Timur Raya tetapi tertakluk kepada arahan Panglima Agung Tentera Jepun di Tanah Melayu. Tanah Melayu telah ditakluki oleh Ketumbukan 25 Tentera Jepun (25th Army) di bawah pimpinan Lt. Jen. Tomoyuki Yamashita. Hal ehwal pentadbiran tentera telah dikendalikan oleh Mej. Jen. Manaki Keishin, Timbalan Ketua Staf dan Kepala Pentadbiran Tentera (Kerajaan Tentera). Walau bagaimanapun kepala pemerintah sebenar Pentadbiran Tentera Jepun di Tanah Melayu ialah Kol. Watanabe Wataru, Timbalan Ketua (Deputy Chief) yang telah diberi kuasa oleh Jen. Yamashita untuk menggubal dan menentukan dasar-dasar pentadbiran.⁵⁵

Pentadbiran Negeri Kelantan, seperti negeri-negeri yang lain di Tanah Melayu telah diletak di bawah tanggungjawab seorang Gabenor Jepun (Suchiji) yang diberi kuasa mentadbir negeri Kelantan di dalam semua aspek kecuali yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu. Dalam hubungan ini Gabenor Jepun itu boleh dikatakan sama kuasanya dengan Pegawai Penasihat Inggeris yang bertanggungjawab menasihati Sultan dan Kerajaan Negeri Kelantan dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan. Gabenor Jepun yang pertama bagi negeri Kelantan ialah Yasushi Sunakawa, seorang pegawai tentera. Jawatan itu disandang oleh beliau dari awal bulan Mac 1942 hingga 22 April 1943 apabila beliau ditukar ke negeri Johor untuk memegang jawatan yang sama. Tempat beliau telah diganti pula oleh Kikuro Fujisawa seorang pegawai awam Jepun. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan

55 Yoki Akashi, "Japanese Military Administration in Malaya - its Formation and Evolution in Reference to Sultans, the Islamic Religion, and the Moslem-Malays, 1941-1945" dalam *Asian Studies*, VII: No. 1, April 1969, hlm. 83.

Hal Ehwal Am (Somubu Tyo) semasa Kelantan di bawah pentadbiran Gabenor Yasushi Sunakawa.

Di dalam mentadbirkan negeri Kelantan pihak berkuasa Jepun telah menggunakan struktur dan jentera pentadbiran yang sedia ada yang ditaja dan dipakai oleh pihak Ingeris di zaman sebelum 7 Disember 1941. Walau bagaimanapun pihak berkuasa Jepun telah membuat beberapa perubahan untuk disesuaikan dengan keadaan pada masa itu. Di antara perubahan-perubahan penting ialah seperti yang dihuraikan berikut ini.

Majlis Mesyuarat Negeri yang merupakan badan eksekutif dan legislatif yang tertinggi sekali di negeri Kelantan di zaman pemerintahan Ingeris telah ditiadakan ataupun dimansuhkan dan kuasanya diambil oleh Gabenor Jepun yang memerintah negeri Kelantan secara langsung.

Institusi Sultan dikekalkan tetapi kuasa Baginda dihadkan kepada hal ehwal agama Islam dan adat istiadat Melayu sahaja. Adalah dipercayai tujuan pihak berkuasa Jepun mengekalkan institusi Sultan itu ialah antara lain untuk mendapatkan kepercayaan dan kerjasama orang-orang Melayu terhadap pentadbiran Jepun. Mengikut dasar Jepun pada masa itu Sultan-sultan hendaklah diajar supaya menerima hakikat bahawa Tanah Melayu terletak di bawah keadilatan Jepun dan di bawah Maharaja (Emperor) Jepun. Mereka juga hendaklah diberitahu bahawa mereka hendaklah bekerjasama dengan Jepun dan jika tidak akan menerima padahnya. Kerjasama yang dimaksudkan oleh Jepun itu termasuklah mengangkat sumpah taat-setia sebagai rakyat Jepun dan menawarkan gelaran/pangkat, tanah dan rakyat mereka masing-masing kepada Maharaja Jepun menerusi panglima-panglima Tentera Jepun. Dengan berbuat demikian Sultan-sultan akan diberi status atau kedudukan sebagai pemimpin agama serta gaji tetap bagi memelihara kedudukan mereka.⁵⁶

Jawatan-jawatan Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar dikekalkan. Pada ketika itu jawatan Menteri Besar disandang oleh Dato' Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail (bergelar Dato' Perdana Menteri Paduka Raja) dan Dato' Nik Ahmad Kamil bin Haji Nik Mahmud (bergelar Dato' Seri Setia Raja) anak sulung kepada Dato' Haji Nik Mahmud memegang jawatan Timbalan Menteri Besar. Walau bagaimanapun mereka tidak lagi mempunyai apa-apa kuasa di dalam pentadbiran negeri Kelantan dan mereka hanyalah orang-orang yang menjalankan dasar sahaja dan bukan membuat dasar. Kuasa membuat dasar ialah pihak berkuasa Jepun yang diwakili oleh Gabernornya di negeri Kelantan.

Pejabat Setiausaha Kerajaan juga mengalami perubahan. Di zaman sebelum perang atau di zaman pentadbiran Ingeris Pejabat Setiausaha Kerajaan bertanggungjawab menjalankan segala pekerjaan bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan. Tetapi mulai daripada bulan Julai 1942 hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran awam telah diambilalih oleh Pejabat Pentadbiran Awam atau Somubu yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa Jepun di negeri Kelantan. Ketua pejabat itu dipanggil Somubu Tyo.

Ada juga pejabat-pejabat kerajaan yang disusun semula. Di antaranya ialah Pejabat Penasihat Tanah, Pejabat Tanaman, Pejabat Hutan, Pejabat Cukai,

56 Yoki Akashi, hlm. 91.

Pejabat Ukur dan Pejabat Buruh. Kesemua pejabat-pejabat tersebut disusun semula dan diletak di bawah tanggungjawab Pejabat Perusahaan (Sangyo-Byo). Untuk memudah serta melicinkan lagi pentadbiran, Pejabat Sangyo-Byo ini telah dibahagikan kepada empat cawangan yang tertentu iaitu Cawangan Perusahaan, Perniagaan dan Hasil Barang-barang Laut, Cawangan Tanaman dan Hutan; Cawangan Tanah (termasuk Pejabat Ukur) dan Cawangan Perjalanan.

Dengan tujuan untuk mengawal sistem perhubungan dan pengangkutan serta bahan-bahan termasuk makanan di negeri Kelantan pihak berkuasa Jepun telah menubuhkan tiga jabatan baru iaitu Pejabat Kawalan Pengangkutan (Keimudu), Pejabat Propaganda dan Pejabat Kawalan Makanan. Tugas Pejabat Kawalan Pengangkutan ialah mengawal sistem perhubungan manakala Pejabat Propaganda ialah menyebarkan propaganda (dakyah) dan pengaruh Jepun di kalangan penduduk tempatan atau rakyat jelata. Pejabat Kawalan Makanan pula ditugaskan mengawal bahan-bahan penting dalam negeri bagi menambah bahan-bahan keperluan orang ramai. Ketiga-tiga pejabat ini diketuai oleh pegawai-pegawai Jepun.

Selain dari jabatan-jabatan yang telah disebutkan itu, jabatan-jabatan lain yang dikekalkan itu adalah diketuai oleh pegawai-pegawai Melayu iaitu Pejabat Pelajaran, Pejabat Cukai, Pejabat Polis dan Pejabat Khazanah. Walau bagaimanapun di kebanyakan pejabat atau jabatan banyak terdapat pegawai-pegawai Jepun bertugas sebagai Penasihat.

Jawatan-jawatan Ketua Jajahan juga dikekalkan tetapi Ketua-ketua Jajahan itu diletakkan di bawah tanggungjawab Ketua Jajahan Besar atau Tiho Ka Tyo yang beribu pejabat di Kota Bharu. Ketua Jajahan Besar itu pula bertanggungjawab kepada Somubu Tyo.

Ketua-ketua Jajahan di Kelantan dalam zaman Pentadbiran Tentera Jepun ialah seperti berikut:

<i>Jajahan</i>	<i>Ketua Jajahan</i>
i. Kota Bharu	— Mahmud bin Haji Mohamed (Dato' Adika Raja)
ii. Pasir Mas	— YM Tengku Ahmad bin Tengku Abdul Ghafar (Tengku Panglima Raja)
iii. Pasir Putih	— Nik Ahmad bin Haji Nik Mahmud (Dato' Sri Nara Diraja)
iv. Hulu Kelantan	— Syed Abdul Rahman bin Syed Abu Bakar Al-Khared
v. Bachok	— Wan Daud bin Wan Ali (Dato' Perwira Raja)

Selain daripada Menteri Besar, Timbalan Menteri Besar dan Ketua-ketua Jajahan seperti yang telah disebutkan itu ada ramai lagi pegawai-pegawai Melayu yang terus berkhidmat dengan Pentadbiran Tentera Jepun di Kelantan, di antaranya adalah seperti berikut:

i YM Tengku Mohd Hamzah bin Tengku Zainal Abidin	— Setiausaha Kerajaan (hingga Julai 1942)
---	--

(Tengku Sri Maharaja)	Ketua Pejabat Kerjaraya, Pos dan Talikom (dari Julai 1942 hingga September 1945).
ii. Mahmud bin Haji Mohamed (Dato' Adika Raja)	- Ketua Jajahan Kota Bharu, Ketua Pejabat Taliair dan Pejabat Tanaman, Penjaga Harta Musuh dan Pemangku Penasihat Perkara Tanah dan Galian.
iii. Nik Mustapha bin Nik Mohamed	- Hakim Mahkamah Besar
iv. Nik Hussin bin Zainal	- Pemangku Ketua Khazanah
v. YM Tengku Mahmud bin Sultan Muhammad IV	- Pemangku Ketua Cukai
vi. Ismail bin Mahmud	- Pemangku Pendaftar Mahkamah Tinggi
vii. Mahmud bin Hashim	- Pemangku Pendakwa Raya
viii. Tengku Mohd Yusof bin Sultan Mohamed IV (Tengku Sri Laksamana)	- Penolong Ketua Besar Polis

Lawatan Raja Kelantan Ke Singapura

Pada pagi hari Sabtu 18 Rabiulawal 1361 bersamaan dengan 4.4.2602 atau bersamaan dengan 4 April 1942 YTM Tengku Ibrahim (Raja Kelantan) dengan diiringi oleh Nik Ahmad Kamil (Dato' Sri Setia Raja) Timbalan Menteri Besar Kelantan, telah berangkat ke Singapura atau Syonan-to mengikut panggilan Jepun kerana melakukan lawatan rasmi di sana. Beberapa orang pegawai tentera Jepun di Kelantan juga mengiringi rombongan YTM Tengku Ibrahim itu. Itulah pertama kali Raja Kelantan berangkat keluar negeri Kelantan dan juga pertama kali melawat Singapura sejak pulau itu ditawan oleh Jepun kira-kira dua bulan sebelumnya. Rombongan itu pergi ke Singapura dengan motokar melalui Terengganu, Pahang dan Johor. Setelah kira-kira dua minggu di Singapura maka rombongan diraja Kelantan itu kembali dan sampai di Kota Bharu pada jam 8.30 malam pada 5 Rabiulakhir 1361 bersamaan dengan 22.4.2602 atau bersamaan dengan 22 April 1942.

Keberangkatan YTM Raja Kelantan (Tengku Ibrahim) kali yang kedua ke Singapura ialah pada hari Jumaat 29 Jamadilakhir 1362 bersamaan dengan 2.7.2603 atau bersamaan dengan 2 Julai 1943. Rombongan diraja itu berangkat dengan keretapi dari Palekbang melalui Selatan Thailand pada waktu pagi. Dato' Timbalan Menteri Besar (Nik Ahmad Kamil) dan juga seorang pegawai Jepun di Kelantan bernama Ishi serta beberapa pegawai yang lain turut mengiringi YTM Raja Kelantan itu. Rombongan diraja itu tiba balik di Kota Bharu pada malam Selasa 11 Rejab 1362 bersamaan dengan 13.7.2603 atau 13 Julai 1943 juga dengan keretapi melalui Selatan Thailand.

Lawatan Timbalan Menteri Besar ke Jepun

Di dalam tahun 1943 Nik Ahmad Kamil (Dato' Sri Setia Raja) Timbalan Menteri Besar Kelantan telah melakukan lawatan selama kira-kira 4 bulan ke

negeri Jepun. Pada pagi hari Jumaat 28 Jamadilakhir 1362 bersamaan dengan 2.7.2603 atau 2 Julai 1943 beliau berlepas dari Palekbang dengan keretapi melalui Selatan Thailand pergi ke Singapura. Dari Singapura beliau naik kapal terbang tentera Jepun pergi ke Tokyo. Timbalan Menteri Besar Kelantan itu sampai balik di Kota Bharu pada jam 2.30 pagi Selasa 12 Zulkaedah 1362 bersamaan dengan 10.11.2486 (tahun Thai) atau 10 November 1943 setelah singgah sehari dua di Singapura. Inilah kali pertama Timbalan Menteri Besar Kelantan itu melakukan lawatan ke negeri Jepun.

Proses Pengjepunan

Sementara itu pihak berkuasa Jepun secara sistematik telah cuba memburuk-burukkan Kuasa-kuasa Berikat terutama sekali Amerika Syarikat dan Britain serta menghancurkan pengaruh mereka di kalangan penduduk-penduduk Asia Tenggara. Percubaan ini boleh dianggap sebagai proses pengjepunan. Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh pihak berkuasa Jepun di Tanah Melayu pada waktu itu ialah:⁵⁷

- i. penggunaan Nippon-go (bahasa Jepun) sebagai bahasa perantaraan (lingua franca) dan bahasa rasmi;
- ii. menjadikan bahasa Jepun bahasa pengantar di sekolah-sekolah menggantikan bahasa Inggeris;
- iii. lagu kebangsaan Jepun iaitu 'Kimigayo' diajar kepada murid-murid sekolah. Di samping itu setiap pagi murid-murid sekolah dikehendaki berdiri tegap serta menundukkan kepala ke arah matahari naik (terbit) sebagai tanda taat setia kepada Maharaja Jepun atau Teno Heika;
- iv. menggalakkan senaman beramai-ramai ala Jepun (physical drill) yang dipanggil 'radio taisyo';
- v. pengharaman penggunaan radio-radio gelombang pendek. Tujuannya adalah supaya rakyat Tanah Melayu tidak dapat mendengar siaran radio Kuasa-kuasa Berikat. (Langkah ini dikuatkuasakan pada bulan Ogos 1942);
- vi. pengharaman tayangan filem-filem kepunyaan musuh (yakni filem-filem Inggeris dan Amerika) yang termasuk juga filem-filem Cina dan India. (Langkah ini dikuatkuasakan pada bulan September 1943);
- vii. pengharaman muzik-muzik (lagu-lagu) pihak musuh atau Barat (Langkah ini telah dikuatkuasakan pada bulan Ogos 1944);
- viii. pengharaman tempat-tempat berdansa. (Langkah ini telah dikuatkuasakan pada bulan Oktober 1944).

Sekolah-sekolah Melayu dan sekolah-sekolah agama atau Arab dibenarkan dibuka kembali dan murid-murid belajar seperti dahulu tetapi mana-mana mata pelajaran yang mendewa-dewakan Inggeris seperti ilmu Tawarikh dimansuhkan serta diganti dengan ilmu Tawarikh Jepun yang mendewa-dewakan kebesaran Emperor atau Maharaja Jepun dan kejayaan Jepun sebagai bangsa Asia mengalahkan bangsa-bangsa kulit putih atau bangsa-bangsa Barat. Tiap-tiap sekolah mesti mengajar bahasa Jepun sebagai salah satu mata pelajaran. Sekolah-sekolah Inggeris semuanya ditutup. Satu-satunya sekolah Inggeris di negeri Kelantan

57 Zainal Abidin bin Abdul Wahid, "Sejarah Malaysia Sepintas Lalu", hlm. 113.

yang bernama Ismail English School di Kota Bharu telah dibuka kembali tetapi dijadikan sebagai sekolah Jepun seratus peratus. Sekolah itu dinamakan Nippon-go Gakko. Guru besarnya dan juga guru yang mengajar bahasa Jepun (Nippon-go) di sekolah itu ialah Encik Bachik bin Wan Chik dan anak perempuannya bernama Sharifah. Encik Bachik berasal dari Tanah Melayu tetapi tinggal di negeri Jepun serta beristerikan orang Jepun. Encik Bachik berkhidmat hingga bulan Ogos 1943.

Di samping Nippon-go Gakko ada sebuah sekolah lagi yang dibuka di mana bahasa pengantar utamanya bahasa Jepun iaitu Dai Hi Syogakko yang dibuka pada bulan April 1943. Sekolah ini adalah khusus bagi murid-murid dari bangsa Cina di negeri Kelantan. Perbelanjaan bagi sekolah ini ditanggung oleh masyarakat Cina di negeri Kelantan. Di antara mata pelajarannya termasuklah bahasa Jepun (mata pelajaran utama), bahasa Melayu (Rumi), Ilmu Hisab dan nyanyian.

Sekolah Jepun Nippon-go Gakko itu dibuka kira-kira pada pertengahan tahun 1942. Di antara murid-murid kumpulan pertama yang belajar bahasa Jepun di sekolah itu ialah Nik Yusof bin Nik Ali, Abdul Aziz bin Idris, Nik Mohamed bin Nik Man, Said bin Othman, Hassan bin Haji Che Su dan Nik Jaafar bin Nik Salleh. Pada masa itu dibuka 5 darjah semuanya. Pada akhir tahun 1942 itu anak lelaki Encik Bachik bernama Encik Manap telah juga menjadi guru bahasa Jepun di sekolah itu. Di samping itu ada beberapa orang tenaga pengajar yang terdiri daripada pegawai-pegawai Jepun di Kelantan. Di antara murid-murid baru yang belajar di sekolah itu kemudiannya ialah Abdul Malek bin Haji Mohamed, Ibrahim bin Mohamed, Ibrahim bin Salleh, Mansur bin Zainal, Ishak bin Abdul Hamid, Mohamed bin Yaakub, Ezanee bin Ali Merican, Abdul Rahim bin Abdul Kadir dan Nik Mohamed bin Nik Abdullah.

Satu cara baru di sekolah-sekolah dalam zaman Pentadbiran Tentera Jepun ialah setiap pagi sebelum pelajaran dimulakan guru-guru dan murid-murid dimestikan berhimpun di hadapan bangunan sekolah masing-masing untuk menyanyi lagu kebangsaan Jepun 'Kimigayo' semasa dikibarkan bendera Jepun. Di samping itu guru-guru dan murid-murid sekolah diajar menyanyi lagu-lagu Jepun dan juga lagu-lagu Melayu (ada di antaranya terjemahan daripada lagu-lagu Jepun) yang bersemangat di antaranya yang popular pada zaman itu ialah lagu perbarisan yang bernama 'Miyoto-kaino' yang bermakna "Semangat Asia Raya". Selain dari itu murid-murid sekolah juga dimestikan bersenam beramai-ramai tiap-tiap pagi sebelum belajar, dalam bahasa Jepun dipanggil 'radio taisyo'.

Sistem tulisan bahasa Jepun terbahagi kepada tiga peringkat. Peringkat permulaan menggunakan tulisan yang dinamakan Katakana, peringkat kedua dipanggil Hiragana dan peringkat ketiga Kanji.

Pemerintah Jepun mengajar rakyat supaya menghormati Maharaja Jepun atau 'Teno-heika', bendera Jepun dan lagu kebangsaan Jepun 'Kimigayo'. Oleh itu diadakan upacara rasmi pada tiap-tiap 7 hari bulanan tiap-tiap bulan di waktu mana semua pegawai-pegawai berhimpun di suatu tempat lapang untuk upacara mengibar bendera Jepun serta menyanyi beramai-ramai lagu kebangsaan Jepun dan kemudian memberi hormat dengan cara menundukkan kepala ke arah bendera yang pada biasanya dinaikkan di sebelah matahari naik. Setelah itu mereka dikehendaki mengangkat tangan kanan serta bersorak 'Banzai' sebanyak tiga kali. Di bandar Kota Bharu upacara tersebut diadakan di padang yang

berhampiran dengan hospital besar Kota Bharu (di tapak kawasan Stadium Sultan Muhammad IV sekarang). Selain daripada itu pada tiap-tiap hari besar Jepun seperti harijadi Maharaja Jepun dan juga pada hari ulangtahun Jepun melangar Tanah Melayu pada 7 Disember diadakan upacara perbarisan oleh askar-askar Jepun diikuti oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan serta murid-murid sekolah yang berbaris sambil menyanyi lagu-lagu yang bersemangat. Pada tiap-tiap hari yang bersejarah disisi pandangan Jepun dan juga pada tiap-tiap hari besar orang-orang Melayu seperti hari keputeraan sultan dan seumpamanya tiap-tiap buah rumah dan kedai-kedai perniagaan dimestikan mengibarkan bendera Jepun. Dalam zaman pentadbiran Tentera Jepun boleh dikatakan tiap-tiap buah rumah dan kedai dalam bandar-bandar di negeri Kelantan ada mempunyai bendera Jepun.

Pada amnya di dalam zaman pendudukan dan pentadbiran Tentera Jepun di Kelantan, rakyat Kelantan seperti juga di negeri-negeri yang lain di Tanah Melayu menjalani dan mengalami kehidupan yang susah dan menderita. Keadaan ini berlaku oleh kerana peperangan dan akibatnya iaitu kekurangan bahan-bahan makanan dan barang-barang keperluan hidup, kemerosotan ekonomi dan corak pentadbiran Tentera Jepun yang mengenakan peraturan-peraturan yang keras. Di samping itu pentadbiran Jepun kadangkala melakukan penindasan dan kezaliman.

Kegiatan ekonomi seperti pertanian, perladangan, perlombongan dan perdagangan telah merosot dan terbantut. Pengeluaran pertanian yang dihasilkan oleh petani-petani adalah sekadar untuk keperluan mereka sahaja. Keadaan menjadi bertambah buruk apabila hasil-hasil pertanian dan bahan-bahan makanan diambil oleh pemerintah Jepun untuk keperluan tenteranya. Kekurangan bahan makanan telah menyebabkan ada rakyat yang kebuluran dan ada yang telah mati kerananya, terutama sekali di kampung-kampung yang terpencil di pedalaman. Suasana perang yang wujud telah menyebabkan impot beras dari Thailand dan Burma terhalang atau terputus.

Semasa Jepun melangar Tanah Melayu, lombong timah dan alat-alat memproses getah telah dibinasakan oleh pihak Inggeris untuk menghalang pihak Jepun daripada menggunakannya. Akibatnya perusahaan timah dan getah di Tanah Melayu tidak dapat diteruskan dan oleh itu ekonomi telah merosot. Ini menyebabkan ramai rakyat di Tanah Melayu hilang kerja atau pencarian mereka kerana lombong-lombong dan estet-estet ditutup. Beribu-ribu orang telah menganggur.

Kegiatan perdagangan juga terjejas disebabkan kekurangan bekalan bahan-bahan makanan dan barang-barang keperluan hidup dan terhentinya impot das eksport. Pada masa pendudukan Jepun, Tanah Melayu telah terpisah dari dunia luar dan oleh itu ia tidak boleh berdagang dengan negeri-negeri lain. Tanah Melayu tidak lagi boleh mengeksport barang-barangnya ke Eropah dan Amerika atau membeli barang-barang dari luar negeri.

Kekurangan bahan makanan dan barang-barang keperluan hidup menyebabkan harganya melambung naik dari semasa kesemasa dan ini membeban dan menyusahkan rakyat. Keadaan yang teruk itu ditambah pula oleh pengeluaran wang kertas Jepun yang tiada terkawal yang menyebabkan turun nilainya sehingga orang ramai menganggap wang Jepun itu tidak bernilai lagi.

Pihak pemerintah Jepun, walau bagaimanapun telah berusaha untuk membawa masuk bahan-bahan makanan dari luar Tanah Melayu tetapi terhalang akibat adanya sekatan-sekatan dari pihak Berikat. Untuk mengatasi kekurangan pengeluaran makanan, pemerintah Jepun telah mengambil langkah yang menggalakkan rakyat bercucuk tanam bagi menambahkan bahan-bahan makanan. Rakyat digalakkan menanam padi, ubi kayu, ubi keledak (ubi stela), keladi, jagung, tebu, sayur-sayuran dan buah-buahan. Di samping itu bagi mengatasi masalah kekurangan makanan pemerintah Jepun telah mengenakan catuan ke atas bahan-bahan makanan yang perlu seperti beras, gula, garam dan minyak kelapa.

Bagi menambahkan bahan makanan pemerintah Jepun mengadakan kempen-kempen di seluruh negeri bagi menggalakkan orang ramai bercucuk tanam dan menambahkan hasil pengeluaran mereka. Rakyat digesa supaya mengusahakan semua tanah padi dan tanah-tanah kosong yang selama ini terbiar. Di samping itu pemerintah Jepun telah membenarkan tanah-tanah hutan dan belukar dibersihkan untuk dijadikan kawasan tanaman padi di mana yang didapati sesuai. Oleh itu banyak juga ladang-ladang atau kebun-kebun getah telah bertukar wajah menjadi kawasan menanam bahan-bahan makanan yang sesuai. Ketua-ketua Jajahan (Daerah) dipertanggungjawabkan untuk menggerak serta menjayakan rancangan menambahkan bahan makanan. Pertandingan bercucuk tanam di halaman rumah dan pameran hasil-hasil pertanian dan ternakan telah diadakan di peringkat negeri iaitu di Kota Bharu dari semasa kesemasa. Di samping itu telah ditubuhkan satu pasukan sukarela yang dinamakan Barisan Buruh Sukarela (BBS) yang dianggotai oleh pemuda-pemuda yang ditugaskan, antara lain-lain, mengerjakan tanah-tanah kosong atau terbiar milik kerajaan.

Dalam zaman pentadbiran Tentera Jepun, pada amnya orang-orang yang duduk di kampung-kampung boleh dikatakan lebih baik hidupnya daripada orang-orang yang duduk di dalam bandar, sebab mereka yang di kampung-kampung itu sentiasa dapat mengusahakan tanah-tanah mereka dengan menanam berjenis-jenis bahan makanan. Pada masa itu orang-orang di bandar benar-benar terpaksa bergantung kepada orang-orang kampung untuk mendapat bekalan makanan seperti beras, ubi, sayur-sayuran dan buah-buahan serta juga kayu api yang sangat berguna dalam zaman pentadbiran Tentera Jepun. Di kampung-kampung dan juga di bandar tanah-tanah kosong semuanya diusahakan dengan ditanam dengan berbagai-bagai jenis makanan seperti yang disebut di atas. Di zaman itu beberapa banyak tanah getah telah ditebang pokok-pokok getahnya dijadikan kayu api, manakala tanah yang kosong itu ditukar menjadi tanah kampung atau tanah untuk ditanam bahan-bahan makanan.

Ada orang-orang yang tinggal di bandar mulai pindah ke kawasan di pinggir bandar untuk menanam bahan-bahan makanan sendiri. Pada masa itu ramai orang hidup dengan memakan ubi kayu dan keledak. Makanan-makanan itu hanya boleh mengenyangkan sahaja tetapi tidak mengandungi banyak zat. Akibatnya ramai orang yang mengidap penyakit seperti biri-biri, batuk kering, penyakit kulit dan bisul.

Mengenai barang-barang keperluan yang lain seperti kain dan pakaian juga sukar didapati. Barang-barang tersebut tidak lagi dapat dibawa masuk (diimport) dari India dan Eropah. Sebagai ganti barang-barang buatan Jepun

dibawa masuk tetapi jumlahnya sangat terhad. Kain yang masih ada dijual dengan harga yang tinggi oleh peniaga-peniaga. Tentang pakaian pula adalah bergantung semata-mata kepada pakaian yang lama atau yang sedia ada dan harganya pun mahal. Walaupun pada masa itu pemerintah Jepun mengadakan kupon-kupon untuk membeli kain-kain dan pakaian dengan harga yang berpatutan pada masa itu namun demikian barangan itu susah juga hendak diperolehi, melainkan mereka-mereka yang mempunyai wang yang banyak dan mampu membelinya dengan cara pasaran gelap. Pada masa itu sehelai kain pelikat, umpamanya, berharga seribu lima ratus ringgit wang Jepun. Dari itu bagi mereka yang miskin tak mungkin dapat membeli kain-kain yang sedemikian tinggi harganya. Pada masa itu di setengah-setengah tempat di negeri Kelantan ada di antara penduduknya yang terpaksa memakai kain dari guni. Pada masa itu sehinggakan orang mati kebanyakannya dikapan dengan kain berwarna seperti warna hitam ataupun tika sahaja kerana susah hendak dapat kain putih.

Menjelang awal tahun 1945 keadaan ekonomi dan kehidupan rakyat amnya semakin bertambah teruk. Harga bahan-bahan makanan terus melambung naik. Berikut ini ialah harga beberapa jenis barangan di Kota Bharu, Kelantan di antara bulan Mei hingga bulan Ogos 1945 menjelang tamatnya Perang Asia Timur mengikut nilai mata wang Jepun:

<i>Barangan</i>	<i>1945</i>		
	<i>Mei</i>	<i>Jun</i>	<i>Ogos</i>
Beras 1 gantang	\$ 60/-	\$ 80/-	\$204/-
Gula putih 1 kati	\$ 40/-	\$ 70/-	\$105/-
Gula merah 1 kati	\$ 30/-	\$ 60/-	\$ 75/-
Gula tebu 1 kati	\$ 20/-	\$ 40/-	\$ 70/-
Garam 1 gantang	\$ 60/-	\$110/-	\$120/-
Kopi 1 kati	\$ 30/-	\$ 80/-	\$100/-
Telur ayam 1 biji	\$ 2.20	\$ 3/-	\$ 5/-
Daging lembu 1 kati	\$ 25/-	\$ 35/-	\$ 45/-
Ayam 1 ekor	\$ 30/-	\$ 50/-	\$ 70/-
Itik 1 ekor	\$ 40/-	\$ 50/-	\$ 60/-
Bawang merah 1 kati	\$200/-	\$250/-	\$320/-
Minyak kelapa 1 cupak	\$ 20/-	\$ 25/-	\$ 35/-
Kelapa 1 biji	\$ 1/-	\$ 1.50	\$ 2.50
Ikan kembong 1 ekor	\$ 3/-	\$ 5/-	\$ 7/-

Perkhidmatan kesihatan juga turut terjejas. Ini disebabkan kekurangan ubat-ubatan dan peralatan. Keadaan telah menjadi lebih buruk lagi apabila pihak berkuasa Jepun telah mengambil bekalan ubat dan juga peralatan yang penting bagi keperluan tenteranya. Pesakit-pesakit yang memerlukan rawatan telah terbiar. Oleh itu dalam zaman pentadbiran Tentera Jepun terjadi berbagai-bagai jenis penyakit. Sebab terutama sekali timbul penyakit-penyakit itu ialah kerana kurang zat makanan lebih-lebih lagi mereka yang tinggal di kampung-kampung yang terpaksa makan ubi kayu dan lain-lain jenis ubi lagi. Penyakit-penyakit seperti demam kura, demam kepialu, demam kuning, penyakit-penyakit

kulit seperti kudis dan puru menjadi-jadi di sana sini. Sungguhpun ada rawatan di hospital-hospital tetapi ubat berkurangan. Oleh kerana kekurangan ubat dari Barat maka bomoh-bomoh telah menjadi popular kembali di kalangan orang ramai di Kelantan. Wabak penyakit sering terjadi dalam zaman pentadbiran Tentera Jepun, tetapi mereka tidak dapat berbuat apa-apa untuk mencegah atau membenters wabak penyakit itu.

Perhubungan dari satu tempat ke satu tempat adalah sukar sekali. Perkhidmatan keretapi di negeri Kelantan berjalan hanya dari Tumpat hingga ke Kuala Kusal sahaja sebab jambatan Guillemard yang telah rosak binasa dibom oleh pihak Inggeris dalam masa perang di Kelantan itu tidak dapat dibaiki oleh pihak Jepun. Juga ada perkhidmatan keretapi dari Tumpat melalui Pasir Mas ke Rantau Panjang dekat sempadan Selatan Thailand. Perhubungan jalanraya tiada tergendala kerana orang boleh bergerak ke sana kemari dengan berjalan kaki, menunggang basikal, atau berkereta lembu. Pada masa itu tidak ada banyak bas dan motokar kerana telah diambil oleh pihak pemerintah Jepun. Ada hanya beberapa buah sahaja yang sudah tua usianya dan berjalan hanya dengan menggunakan minyak hitam (diesel). Pada masa itu boleh dikatakan basikallah yang dipergunakan orang, dan itupun kebanyakannya memakai tayar mati atau tayar yang tidak bertub. Jenis kenaikan atau kenderaan yang lain-lain di negeri Kelantan pada masa itu ialah teksi roda tiga (beca) dan perahu serta motobot yang menggunakan minyak hitam.

Kedudukan keamanan dalam negeri Kelantan dalam zaman pentadbiran Tentera Jepun boleh dikatakan tiada begitu baik. Kecurian dan rompakan terjadi di mana-mana. Cara pemerintahan Jepun membenters pencuri-pencuri atau penjahat-penjahat sangatlah kejam. Umpamanya jika dilaporkan ada kecurian atau rompakan berlaku di sesebuah kampung maka kampung itu akan digelidih oleh askar-askar Jepun ataupun polis. Semua mereka-mereka yang disyaki menjadi pencuri, perompak atau penjahat habis ditangkap serta disiksa dengan cara yang amat kejam dan oleh itu ramai mereka yang tidak berdosa menjadi mangsa kezaliman Jepun. Kebanyakan mereka yang betul-betul bersalah dan dapat ditangkap oleh Jepun maka akibatnya lebih dahsyat lagi. Mereka tidak dibicarakan bahkan disiksa sekehendak hati Jepun dan kemudian dibunuh sama ada ditembak ataupun dipancung lehernya. Untuk menjaga keamanan dan ketenteraman, pemerintah Jepun telah membentuk pasukan pengawal di tiap-tiap kawasan dalam bandar dan juga di kampung-kampung di seluruh negeri Kelantan. Pasukan kawalan itu dinamakan dalam bahasa Jepun 'Jikeidan'. Ahli-ahli pasukan ini ditugaskan menjaga kawasan masing-masing pada malam hari dengan bergilir-gilir dari petang hari hingga ke waktu pagi.

'Jikeidan' ialah pengawal sukarelawan. Ahli-ahlinya terdiri daripada orang lelaki berumur di antara 16 hingga 40 tahun. Mereka pada amnya ditugaskan membantu kerja-kerja rondaan polis di malam hari. Di bandar Kota Bharu, umpamanya, dibahagikan kepada beberapa sektor. Setiap sektor tersebut dijaga di waktu malam oleh ahli-ahli 'Jikeidan' sektor berkenaan secara bergilir-gilir di mana setiap ahli menjalankan tugas rondaan bersama 3 atau 4 ahli yang lain sekali dalam satu minggu. Ahli 'Jikeidan' dibenar membawa bersama mereka tongkat (atau dikenali sebagai enam-sembilan/6 x 9 di negeri Kelantan) dan wisil serta diberi kuasa menangkap penjenayah atau mereka yang membuat

kesalahan di sisi undang-undang, mencabar orang-orang yang tidak dikenali yang bersua dengan mereka. Pendek kata 'Jikeidan' adalah bertanggungjawab terhadap sebarang kejadian (insiden) atau kekacauan (disturbance) di dalam sektor atau kawasan masing-masing.⁵⁸

Dalam tiap-tiap kawasan itu dibina beberapa buah bangsal kecil sebagai tempat mengawal serta dipasang sebuah kertok. Dalam masa menjalankan tugasnya pengawal-pengawal itu berjalan mengelilingi kawasan mereka masing-masing apabila ada apa-apa kejadian mencuri atau rompakan maka pengawal yang menjaga akan memalu kertok di bangsal tersebut sebagai memberi alamat kepada orang-orang dalam kampung atau kawasan itu supaya keluar atau berjaga-jaga kawasan rumah masing-masing sementara pengawal-pengawal tersebut keluar memburu pencuri-pencuri itu. Dengan cara kawalan itu maka boleh dikatakan keamanan dalam sesebuah kawasan atau kampung itu terjamin juga.

Selain daripada kecurian atau rompakan ada satu lagi ancaman yang dihadapi oleh pemerintah Jepun iaitu gerila-gerila Cina yang terdapat di Hulu Kelantan terutama sekali di kawasan-kawasan Gua Musang dan Pulau. Gerila-gerila itu selalu juga mengacau menentang Jepun tetapi dapat dicegah oleh askar-askar Jepun sungguhpun mereka tidak dapat dihapuskan.

Satu-satunya peristiwa dalam masa pentadbiran Tentera Jepun yang tidak dilupai oleh sesiapa ialah tindakan zalim Jepun mengambil secara paksa pemuda-pemuda untuk dihantar ke negeri Thai di sempadan negeri Burma menjadi buruh paksa bagi membina jalan keretapi untuk menghubungkan negeri Thai dengan negeri Burma. Jepun memerlukan jalan keretapi tersebut untuk digunakan bagi memungkah askar-askar dan alat-alatan perangnya ke negeri Burma kerana Jepun pada masa itu mempunyai rancangan untuk menyerang India dari Burma. Pada tahun 1943 ramai pemuda-pemuda Melayu termasuk pasangan suami isteri di Kelantan telah diambil secara paksa dan dibawa dengan keretapi ke negeri Thai di samping berpuluh-puluh ribu lagi buruh-buruh paksa dari seluruh negeri Thai, Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Indonesia dan juga askar-askar tawanan perang yang terdiri dari bangsa Inggeris, Australia dan India. Ramai di antara mereka yang mati di negeri Thai di projek Keretapi Maut itu. Dari berpuluh-puluh ribu buruh paksa itu hanya sejumlah kecil sahaja yang pulang ke kampung masing-masing apabila tamat perang pada pertengahan bulan Ogos tahun 1945.

Kezaliman dan keganasan Jepun telah dilakukan terutama sekali oleh Polis Rahsia Jepun yang dinamakan Kempeitai yang sangat-sangat ditakuti orang. Tugas utama Kempeitai Jepun itu ialah mengesan atau mencari orang-orang yang disyakki oleh mereka menjadi ejen-ejen Inggeris dan orang-orang yang anti atau bencikan Jepun. Ramai orang perseorangan yang tidak bersalah telah ditangkap oleh kerana fitnah semata-mata dan mereka disiksa serta dibunuh dengan tidak ada soal jawab lagi. Inilah satu-satunya yang menyebabkan orang ramai takut dan bencikan Jepun.

Di Kelantan, Kempeitai menduduki bangunan Mercantile Bank (berhampiran dengan bangunan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan) yang merupakan ibu pejabatnya. Di satu masa Ketua Kempeitai di Kelantan ialah Kol Minami. Di antara kezaliman yang dilakukan oleh Kempeitai terhadap

58 Chin Kee Onn, 'Malaya Upside Down', hlm. 113.

mangsanya ialah "Pam Air Sabun" iaitu mangsa berkenaan dimasukkan air sabun ikut mulut ke dalam perutnya dengan menggunakan pam sehingga perut mangsa itu menjadi buncit dan kemudian pegawai atau kakitangan Kempeitai akan menekan atau memijak perut mangsa yang telah buncit itu dengan kaki sehingga air sabun terkeluar melalui telinga, hidung dan mulut mangsa itu. Kempeitai boleh menangkap sesiapa sahaja yang dicurigai atau disyaki dan mangsanya itu disiksa dengan bermacam-macam cara yang zalim dan kejam dan ada pula yang dipancang kepala mereka atau ditanam hidup-hidup.

Menjelang tahun 1944 pihak pemerintah Jepun telah mulai berasa gelisah kerana angkasa Semenanjung Tanah Melayu selalu sahaja didatangi oleh pesawat-pesawat terbang pihak Berikat yang datang menyerang atau mengebom dan membedil tempat-tempat askar Jepun dan lain-lain matlamat tentera yang penting. Pesawat-pesawat terbang pihak Berikat itu selalu juga datang ke negeri Kelantan serta menyerang tempat-tempat penting di sekitar bandar Kota Bharu. Pada suatu masa pesawat-pesawat terbang itu menyerang tempat simpanan minyak Jepun dekat stesen keretapi di Palekbang (dekat bandar Kota Bharu). Pesawat-pesawat terbang itu datang kadang-kadang pada siang hari dan ada kalanya pada malam hari.

Pada suatu hari dalam tahun 1944 tiga buah pesawat terbang pihak Berikat telah datang ke Kota Bharu lalu menyerang sebuah kapal terbang Jepun yang kebetulan pada masa itu sedang dalam penerbangan di angkasa bandar Kota Bharu. Pesawat terbang Jepun (berjentera dua) itu telah diburu serta dibedil lalu jatuh di Kampung Wakaf Siku membinasakan dua buah rumah dan beberapa pokok kelapa dan pokok yang lain-lain lagi. Ramai juga orang-orang dalam bandar Kota Bharu yang pergi menyaksikan bangkai kapal terbang Jepun yang jatuh itu serta beberapa mayat pegawai-pegawai dan askar-askar Jepun yang bergelimpangan dalam bangkai pesawat terbang itu. Itulah kejadian pertama sekali di Kota Bharu di mana kapal terbang Jepun telah ditembak jatuh oleh pesawat-pesawat terbang pihak Berikat dalam zaman Jepun.

Oleh sebab kerap kali juga pesawat-pesawat terbang pihak Berikat datang ke Kelantan maka pemerintah Jepun telah memerintahkan penduduk-penduduk di dalam bandar Kota Bharu supaya menggali lubang dalam kawasan halaman rumah mereka masing-masing sebagai tempat mereka berlindung dalam masa pesawat-pesawat terbang pihak Berikat itu datang berterbangan di angkasa bandar Kota Bharu. Kebanyakan pesawat-pesawat terbang pihak Berikat yang kerap kali datang ke negeri Kelantan ialah jenis B29 berjentera empat dan jenis B50 yang berjentera dua. Setiap kali pesawat-pesawat terbang pihak Berikat datang ke negeri Kelantan, tiada sebuah pun pesawat Jepun yang naik ke angkasa melawannya dan lagi pihak tentera Jepun juga tidak menembak pesawat-pesawat terbang pihak Berikat yang datang itu.

Nasionalisme Melayu

Dalam tahun-tahun 1930-an atau satu dekad menjelang meletusnya Perang Asia Timur Jauh pada 7 Disember 1941, di Tanah Melayu telahpun muncul sejumlah persatuan-persatuan di kalangan orang-orang Melayu. Persatuan-persatuan itu merupakan asas dan pelopor kepada pertumbuhan dan perkembangan semangat kebangsaan atau nasionalisme Melayu. Pelopor-pelopor

atau pejuang-pejuang awal kebangsaan Melayu di masa itu terdiri dari tiga golongan. Golongan pertama terdiri dari borjuis-borjuis Islam yang warak dan kebanyakannya tinggal di daerah-daerah kota Negeri-negeri Selat (Singapura, Pulau Pinang dan Melaka). Mereka ini bukanlah Melayu jati tetapi keturunan Arab atau India Selatan yang merupakan para perintis kewartawanan Melayu dan menggunakan lapangan itu sebagai alat pengembang fahaman Pembaharuan Islam yang utama yang telah bermula sejak dari dekad-dekad terakhir abad ke-19 Masihi lagi.⁵⁹ Golongan kedua ialah golongan intelek Melayu yang berpendidikan di Sekolah-sekolah Melayu dan datang dari kalangan golongan tani dan bukan dari latar belakang kota dan juga sebahagian besar dari mereka ini terdiri daripada guru-guru Sekolah Melayu. Mereka ini juga menghubungkan diri mereka dengan Islam akan tetapi hubungan mereka itu lebih bersifat "kebangsaan" daripada bersifat keagamaan dan fahaman inilah yang telah mendorong semangat kebangsaan atau nasionalisme-seluruh bangsa Melayu yang radikal dan sejak dari tahun-tahun 1930-an kian bertambah pro-Indonesia nadanya.⁶⁰ Golongan ketiga ialah golongan atasan iaitu golongan orang-orang Melayu yang rapat dengan istana dan oleh kerana mereka berpendidikan Ingeris maka mereka juga lebih rapat hubungannya dengan Kerajaan atau Pemerintah Penjajah Ingeris di Tanah Melayu. Bahkan ramai di antara mereka ini yang masuk atau diambil berkhidmat sebagai pegawai-pegawai dalam Malayan Civil Service/MCS (Perkhidmatan Awam Malaya). Golongan ini juga menikmati kedudukan dan kemudahan tradisional serta pendidikan moden (yakni pendidikan Ingeris atau Barat).⁶¹

Dalam tahun-tahun 1930-an telah muncul sejumlah persatuan-persatuan di kalangan orang Melayu. Di antaranya yang terkenal ialah Sahabat Pena yang telah ditubuhkan dalam bulan November 1934 oleh Sheikh Abdullah Al-Marghibi seorang Arab Pulau Pinang.⁶² Berikutnya pada tahun 1937 telah ditubuhkan pula Kesatuan Melayu Muda (KMM) di Kuala Lumpur oleh Ibrahim bin Yaakub yang berasal dari Temerloh, Pahang.⁶³ KMM merupakan parti politik Melayu pertama yang penting dan berjuang pada peringkat kebangsaan dengan ideologi kebangsaan yang luas.⁶⁴ KMM juga merupakan pelopor dan penggerak semangat kebangsaan Melayu pada masa itu, dalam zaman pendudukan Tentera Jepun dan terhadap perkembangan politik orang-orang Melayu di zaman selepas perang.⁶⁵

Pertumbuhan dan perkembangan semangat kebangsaan atau nasionalisme Melayu yang sebenarnya diawal dekad 1930-an telah didorongkan oleh perkembangan politik di Hindia Timur Belanda (selepas tahun 1941 dipanggil Indonesia). KMM telah mencontohi secara langsung gerakan Jong Java dan Jong

59 W.R. Roff, 'Nasionalisma Melayu' Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hlm. VII-X

60 W.R. Roff, hlm. X.

61 W.R. Roff, hlm. X.

62 W.R. Roff, hlm. 274.

63 Bachtiar Djamily, "Ibrahim Yaacob Pahlawan Nusantara", Pustaka Budiman Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 42-43.

64 Bachtiar Djamily, hlm. 42.

65 Selepas perang tamat pada tahun 1945 bekas pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota KMM telah menubuhkan KRIS (Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung) PKMM (Parti Kebangsaan Melayu Malaya), dan API (Angkatan Pemuda Insaf).

Sumatera (Young Java dan Young Sumatera) yang ditubuhkan oleh nasionalis-nasionalis Indonesia.⁶⁶ KMM telah juga dipengaruhi atau dicetuskan penubuhannya oleh gerakan penentangan bangsa Indonesia terhadap Penjajah Belanda dalam tahun 1926 yang diikuti pula oleh penubuhan Partai Nasional Indonesia oleh Sukarno pada tahun 1927.⁶⁷

Berbalik kepada KMM, parti politik Melayu yang pertama ini telah ditubuhkan di Kuala Lumpur pada pertengahan tahun 1937 oleh Ibrahim bin Yaakub (Yang Dipertua), Onan bin Haji Siraj (Naib Yang Dipertua), Abdul Karim bin Rashid (Setiausaha), Haji Othman bin Abdullah (Bendahari), dan Hassan bin Manan, Mustapha bin Hussin, Ahmad Boestamam, Isa Muhamad bin Mahmud dan Sutan Djenain sebagai anggota-anggota penting yang lain.⁶⁸ Tujuan atau matlamat utama KMM ialah kemerdekaan bagi Tanah Melayu dan penyatuan dengan Indonesia.⁶⁹

Gerakan kebangsaan Melayu Kelantan adalah berkait rapat dengan gerakan kebangsaan Melayu di negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Di negeri Kelantan sendiri semangat kebangsaan atau nasionalisme Melayu telah mula berkobar sejak dari tahun 1915 yang dipelopori oleh Pemberontakan Tuk Janggut di Pasir Putih. Walaupun pemberontakan itu telah dapat dipatahkan oleh pihak Inggeris namun api semangat kebangsaan terus bernyala dalam bentuk persatuan-persatuan yang ditaja dan ditubuhkan oleh anak-anak Melayu Kelantan yang berjiwa kebangsaan.⁷⁰ Di antara pejuang-pejuang kebangsaan Melayu Kelantan yang gigih di masa itu yang memelopori gerakan kebangsaan ialah Asaad Shukri bin Haji Muda dan Abdul Kadir Adabi bin Ahmad.

KMM mulai muncul dan bergerak di negeri Kelantan dalam tahun 1938. Ini berikutan dengan lawatan ke Kelantan oleh pemimpin-pemimpin KMM pusat iaitu Ibrahim bin Yaakub dan Ishak bin Haji Muhammad dalam tahun itu. Sebelum itu kedua pemimpin KMM pusat itu telah mempunyai hubungan rapat dengan Asaad Shukri bin Haji Muda dan Abdul Kadir Adabi bin Ahmad.⁷¹

Penubuhan KMM Cawangan Kelantan telah berlangsung pada hari Jumaat dalam tahun 1938 di sebuah rumah yang terletak di bucu (persimpangan) Jalan Tuk Semian dan Jalan Post Office Lama, Kota Bharu yang disewa oleh salah seorang bakal pemimpinnya iaitu Wan Ibrahim bin Wan Mustapha (seorang guru Melayu)⁷² Disaat penubuhan KMM Cawangan Kelantan di rumah itu telah di-

66 W R Roff, hlm. 282.

67 Radin Soenarno, 'Malay Nationalism: 1900-1945' dalam *Journal Southeast Asian History*, Singapore, 1960, hlm. 22.

68 W R Roff, hlm. 293-294.

69 Radin Soenarno, hlm. 22.

70 Di antara tahun 1915 hingga tahun 1940 sejumlah 14 buah persatuan telah ditubuhkan di Kelantan iaitu Kota Bharu Club (1915) Persekutuan Sejahtera Club (1921), Timbalan Setia Club (1922) Ismail Club (1922), Pasir Mas Club (1927) New Club Pasir Putih (1927) Putera Club (1928: ditubuhkan oleh Asaad Shukri bin Haji Muda dan Abdul Kadir Adabi bin Ahmad), Cosmopolitan Club Kuala Krai (1929) Persatuan Setiawan Belia (1931 ditubuhkan oleh Asaad Shukri bin Haji Muda dan Abdul Kadir Adabi bin Ahmad) Dewan Bahasa Melayu (1935: ditubuhkan oleh Asaad Shukri bin Haji Muda dan Muhd Adnan bin Muhd Ariffin) Persatuan Melayu Kelantan (1936?) Kesatuan Melayu Muda Cawangan Kelantan (1938: ditubuhkan oleh Asaad Shukri bin Haji Muda dan Abdul Kadir Adabi bin Ahmad) Persatuan Suara Muda (1938) dan Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan (1940).

71 Mohd Zain Saleh, 'Sejarah UMNO Kelantan', hlm. 6-7.

72 Mohd Zain Saleh, 'Menjelang Setengah Abad Politik Kelantan', hlm. 5.

adakan upacara mengangkat "sumpah rahsia" di kalangan anggota-anggota yang hadir pada masa itu. Upacara berlangsung dengan meletak tangan kanan di atas kitab suci Al-Quran dan memulakan sumpah dengan menyebut nama Allah. Di antara kandungan sumpah itu berjanji akan patuh memegang rahsia perjuangan, dan mematuhi arahan ketua mereka iaitu Ibrahim Yaakub. Patut disebut di sini KMM ini mempunyai dua nama atau pengertian iaitu nama lahiriahnya bererti "Kesatuan Melayu Muda" dan satu lagi namanya yang sebenar atau hakiki yang dirahsiakan bererti "Kerajaan Melayu Malaya".⁷³

Seramai dua puluh orang telah menyertai upacara angkat "sumpah rahsia" itu iaitu: Abdul Kadir Adabi bin Ahmad, Asaad Shukri bin Haji Muda, Wan Ibrahim bin Wan Mustapha, Nik Muhammad bin Nik Abdul Rahman (Nik Mat Dato Amar), Nik Zainab (isteri Wan Ibrahim Wan Mustapha), Muhd Abu Bakar bin Aman, Ishak bin Taib, Haji Wan Mahmud bin Wan Daud, Haji Wan Abdul Kadir bin Wan Daud (abang Haji Wan Mahmud Wan Daud), Nik Jaafar bin Nik Hassan, Nik Mahmud bin Nik Abdul Majid, Nik Hassan bin Wan Musa, Yusuf Zaki bin Yaakub, Maulana bin Haji Abdullah (Pasir Putih) Awang Lah Selinsing (Tukang Lagu), Wan Sulaiman bin Wan Ibrahim, Jaafar bin Abdul Rahman, Muhd Hussin Khali-e bin Haji Awang, Haji Wan Yusuf Odit, dan Muhd Zain Subhi.⁷⁴

Dengan upacara "sumpah rahsia" itu maka tertubuhlah KMM Cawangan Kelantan di Kota Bharu pada tahun 1938. Pucuk pimpinannya ialah Abdul Kadir Adabi bin Ahmad (Yang Dipertua), Asaad Shukri bin Haji Muda (Naib Yang Dipertua), dan Wan Ibrahim bin Wan Mustapha (Setiausaha).⁷⁵ Kebanyakan dari anggota-anggota KMM Cawangan Kelantan adalah terdiri dari guru-guru sekolah Melayu dan juga berpendidikan Arab.

Kemenangan Jepun dan kemudiannya pendudukan Jepun di Tanah Melayu selama kira-kira tiga setengah tahun itu (dari 7 Disember 1945 hingga 15 Ogos 1945) telah menggalakkan serta menyuburkan lagi kesedaran politik dan perkembangan gerakan kebangsaan di kalangan orang-orang Melayu di Tanah Melayu. Kemenangan tentera Jepun telah membuka mata orang-orang Melayu khususnya betapa orang-orang Asia itu berani, kuat dan berkemampuan melawan dan mengalahkan serta mengusir kaum penjajah kulit putih atau orang putih dan betapa kosongnya dakwaan dan pendapat umum bahawa orang-orang putih atau dalam konteks Tanah Melayu penjajah Ingeris di masa sebelum perang dahulu itu gagah perkasa, kuat dan berani dan dapat mempertahankan Tanah Melayu dari ancaman atau serangan dari luar. Dan lagi bangsa Ingeris bukanlah satu bangsa yang unggul yang mempunyai kewibawaan yang tidak boleh dicabar oleh bangsa-bangsa yang lain. Di samping itu slogan atau propaganda yang dibawa oleh Jepun seperti "Kawasan Kemakmuran Asia Timur Raya" (Greater East Asia Co-Prosperity Sphere) atau Dai Toa Kyo-eiken dan "Asia Untuk Orang-orang Asia" (Asia for Asians) atau Dai Toa Senso telah juga sedikit sebanyak memberi perangsang dan semangat baru kepada orang-orang

73 Mohd Zain Saleh, "Menjelang Setengah Abad Politik Kelantan" hlm. 5.

74 Mohd Zain Saleh, "Menjelang Setengah Abad Politik Kelantan", hlm. 5. Anggota-anggota lain KMM Cawangan Kelantan pada masa itu di antaranya ialah Nik Yusof bin Abdul Kadir, Abdul Hamid bin Mahmud dan Haji Ismail Aris (lihat Mohd Zain Saleh, "Sejarah UMNO Kelantan" hlm. 7)

75 Mohd Zain Saleh, "Menjelang Setengah Abad Politik Kelantan", hlm. 5.

Melayu khususnya untuk lebih giat dan gigih berjuang untuk memerdekakan tanahair mereka yang dicintai dari belenggu penjajahan Inggeris, tetapi mungkin tanpa menyedari bahawa penjajahan Inggeris telah pula diganti oleh penjajahan Jepun.

Walaupun Jepun yang memerintah Tanah Melayu, tetapi pentadbiran dalam negeri telah diserahkan pada amnya kepada anak-anak negeri sendiri untuk mengendalikan urusan pentadbiran. Ini telah menimbulkan kesedaran bahawa orang-orang Melayu boleh memerintah sendiri negeri mereka.

Patut disebut di sini bahawa menjelang serangan Jepun terhadap Tanah Melayu iaitu dalam tahun 1940 pihak berkuasa Inggeris telah mula mencurigai KMM dan gerak-geri pemimpin-pemimpin dan anggota-anggotanya. KMM telah dianggap merbahaya lalu mereka menangkap/menahan sejumlah pemimpin-pemimpin KMM di seluruh negeri-negeri di Tanah Melayu. Adalah dipercayai seramai 150 orang telah ditangkap dan ditahan sehingga Jepun menyerang Tanah Melayu.

Setelah Jepun menakluki Tanah Melayu pemimpin-pemimpin KMM tersebut telah dibebaskan oleh Jepun kerana mereka beranggapan KMM tidak merbahaya, memihak kepada Jepun dan anti-Inggeris. Dalam bulan Februari 1942 pihak berkuasa Jepun telah membenarkan KMM bergerak semula. Boleh dikatakan kebanyakan pejuang-pejuang kebangsaan Melayu, khususnya pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota KMM yang cergas dalam masa sebelum kedatangan Jepun telah bekerjasama dengan Jepun. Walau bagaimanapun kerjasama itu adalah semata-mata suatu muslihat untuk mengabui mata Jepun kerana tujuan dan matlamat mereka yang sebenarnya ialah untuk menghapuskan sebarang bentuk penjajahan baik dari Barat mahupun dari Timur dan mencapai kemerdekaan tanahair.

Dalam zaman pendudukan Jepun, pihak berkuasa Jepun telah membiarkan hubungan rapat di antara pejuang-pejuang kebangsaan Melayu dengan pejuang-pejuang kebangsaan Indonesia. Hubungan ini menjadi rapat lagi apabila pihak berkuasa Jepun meletakkan Sumatera dan Malaya di bawah satu pentadbiran. Di samping itu pihak berkuasa Jepun juga membiarkan dan merestui penggunaan slogan "Malaya-Indonesia Satu" oleh pejuang-pejuang Melayu di Tanah Melayu pada masa itu dan juga membenarkan penggunaan bendera Sang Saka Merah Putih (bendera Indonesia) di masa-masa perarakan dan perjumpaan yang diadakan oleh orang-orang Melayu. Sikap pihak berkuasa Jepun ini telah menggelorakan lagi semangat berjuang orang-orang Melayu.

Tiada lama berselang Jepun telah mencurigai KMM dan mengesyakki perjuangan KMM mengancam Jepun sendiri. Adalah diketahui bahawa sungguhpun pemimpin-pemimpin KMM pada akhirnya bekerjasama dengan pihak Jepun, tetapi sebenarnya mereka tidak menyebelahi Jepun bahkan ada di antara pemimpin-pemimpin KMM yang telah mengadakan hubungan sulit dengan MPAJA (Malayan People's Anti-Japanese Army) yang menentang Jepun secara perang gerila di hutan-hutan di Tanah Melayu dengan senjata yang dibekalkan oleh pihak Berikat (Inggeris, Amerika Syarikat dan lain-lain). Pada waktu itu MPAJA dipimpin oleh Parti Komunis Malaya.

Dalam bulan Jun 1943 pihak Jepun telah mengharamkan KMM,⁷⁶ tetapi

76 Joyce C. Lebra, "Japanese-Trained Armies in Southeast Asia", hlm. 114.

pemimpin-pemimpin dan anggota-anggotanya tidak ditangkap atau diapa-apakan. Setelah pembubaran KMM pihak Jepun telah menubuhkan beberapa pasukan sukarelawan bercorak ketenteraan iaitu Giugun (Tentera Sukarela), Giutai (Pasukan Sukarela) dan Heiho (Tentera Tambahan). Giugun yang dianggotai oleh bekas anggota-anggota KMM adalah dipimpin oleh Ibrahim bin Yaakub yang diberi pangkat Leftenan Kolonel oleh pihak Jepun. Nama Melayu bagi Giugun ialah PETA (Pembela Tanahair). PETA berpangkalan di Singapura (Syonan-to). Di antara pemimpin-pemimpin PETA yang terkenal dari Kelantan pada masa itu ialah Osman Yahya dan Nik Muhamad bin Nik Abdul Rahman (Nik Mat Nik Man).

Menjelang tahun 1945 pihak Jepun telahpun sedar bahawa mereka akan kalah. Lalu mereka bersetuju memberi kemerdekaan kepada Indonesia dan Tanah Melayu. Dalam hubungan ini permintaan Ibrahim Yaakub agar Tanah Melayu (atau Malaya) disatukan dalam sebuah negara Indonesia Raya yang merdeka telah dipersetujui oleh Jepun. Persetujuan ini telah juga diterima oleh pemimpin-pemimpin Indonesia yang pada masa itu sedang menggubalkan Piagam Jakarta (Jakarta Charter) 22 Jun 1945.⁷⁷

Dalam pada itu golongan nasionalis Melayu itu mula berikhtiar untuk mendapatkan kemerdekaan bagi tanahair mereka. Satu pertubuhan baru bergelar Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) telah ditubuhkan dalam bulan Julai 1945.⁷⁸ Tujuan KRIS yang pertama ialah untuk memperolehi kemerdekaan bagi Tanah Melayu dan Indonesia. Keduanya ia ingin menyatukan kedua buah negara itu menjadi sebuah negara induk yang dinamakan Indonesia Raya.

Pada 12 Ogos 1945, pemimpin-pemimpin KRIS, Ibrahim Yaakub dan Dr. Burhanuddin Hilmi bertemu dengan Sukarno dan Dr. Muhamad Hatta di Taiping iaitu dua pemimpin utama dari Indonesia yang singgah di Taiping dalam penerbangan mereka pulang ke Jakarta dari Saigon. Di dalam pertemuan yang bersejarah inilah Sukarno yang didampingi oleh Dr. Muhamad Hatta, Dr. Suharto dan Dr. Radjiman bersalaman dengan Ibrahim Yaakub seraya berkata, "Marilah kita bangunkan satu negara Ibu buat seluruh tumpah darah Indonesia". Ibrahim Yaakub menjawab, "Kami orang-orang Melayu di Malaya dengan setia menyokong sepenuhnya gagasan sebuah negara Ibu, dengan Malaya bersatu dalam Indonesia Merdeka".⁷⁹ Walau bagaimanapun rancangan itu tidak dapat dilaksanakan kerana suatu peristiwa mengejut telah berlaku. Berikutan dengan pengguguran bom atom oleh pihak Amerika Syarikat ke atas dua buah bandar di negeri Jepun iaitu Hiroshima (pada 6 Ogos 1945) dan Nagasaki (pada 9 Ogos 1945), Jepun terpaksa menyerah kalah kepada Pihak Berikat pada 15 Ogos 1945 dan Sukarno dan Hatta atas desakan bangsa Indonesia telah mengisytihar-

77 Raden Soenarno, hlm. 24. Lihat juga Yoichi Hagaki, "Some Aspects of the Japanese Policy For Malaya Under the Occupation, With Special Reference to Nationalism" dalam buku "Papers on Malayan History" editan K.G. Tregonning, hlm. 262-264.

78 Ibrahim Yaakub, "Sekitar Malaya Merdeka" hlm. 26. Mengikuti Yoichi Itagaki (hlm. 262-263) KRIS adalah kependekan daripada "Kesatuan Rakyat Istimewa" dan telah ditubuhkan berikutan daripada Mesyuarat Kedua Setiausaha-setiausaha Agung Pentadbiran Tentera Jepun di Jawa, Sumatera, Sulawesi dan Malaya pada 29 Julai 1945 di Singapura.

79. Ibrahim Yaakub, "Sekitar Malaya Merdeka", hlm. 29.

kan kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945 bagi seluruh wilayah bekas Hindia Timur Belanda (Netherland East Indies) tanpa Malaya dan Borneo atau Kalimantan Utara.

Berikutan dengan penyerahan Jepun itu PETA telah dibubarkan dan Ibrahim Yaakub berhijrah ke Jakarta. Tentera Inggeris kembali ke Tanah Melayu pada 5 September 1945 lalu menubuhkan Pentadbiran Tentera yang dikenali sebagai British Military Administration (BMA) atau Pentadbiran Tentera British. Semua pemimpin KMM, PETA dan KRIS telah ditangkap dan dipenjarakan oleh pihak Inggeris. Tetapi tiada berapa lama kemudian mereka dibebaskan.⁸⁰

Sementara itu di negeri Kelantan pada 14 September 1945 pihak berkuasa Pentadbiran Tentera British telah menangkap beberapa orang bekas pemimpin-pemimpin dan anggota-anggota KMM. Tangkapan itu telah dilakukan oleh pihak Polis Kelantan yang diketuai oleh Tengku Muhd Yusuf bin Sultan Muhammad IV dengan dibantu oleh seorang anggota polis yang bernama Nik Ismail dan beberapa anggota polis yang lain-lain lagi.⁸¹ Mereka yang ditangkap itu ialah Asaad Shukri bin Haji Muda, Wan Ibrahim bin Wan Mustapha, Nik Muhammad bin Nik Abdul Rahman (Nik Mat Dato' Amar), Haji Wan Abdul Kadir bin Wan Daud, Haji Wan Mahmud bin Wan Daud, Nik Jaafar bin Nik Hassan, Muhd Abu Bakar bin Saman, Haji Awang Yaakub bin Abdullah (Jeram), Haji Abdullah Noh, Muhd Hussin Khali-e bin Haji Awang, Ishak bin Taib (Kg. Che Bakar), Awang Lah Selinsing (Tukang Lagu), Wan Daud bin Wan Ahmad dan juga Muhd Salleh bin Haji Awang (Musbaha) dan Ibrahim Fikri (kedua-duanya ialah anggota KMM Cawangan Terengganu yang kebetulan pada masa itu berada di Kota Bharu) dan lain-lain lagi. Adalah dipercayai mereka itu telah ditangkap kerana telah bekerjasama dengan Jepun dan anti-Inggeris serta juga dianggap sebagai hendak menderhaka kepada Raja yakni Sultan Kelantan.⁸² Walau bagaimanapun setelah ditahan dan disoal-siasat selama kira-kira empat bulan di dalam Penjara Besar Kota Bharu mereka telah dibebaskan.

B : Zaman Pentadbiran Tentera Thai Di Kelantan

Pada 20 Ogos 1943 Kerajaan Jepun dan Kerajaan Thai telah menandatangani satu perjanjian di Bangkok. Perdana Menteri Thai, Field Marshal Pibul Songgram menandatangani bagi pihak Kerajaan Thai manakala Duta Besar Jepun di Thailand, Teiji Tonbukami, menandatangani bagi pihak Kerajaan Jepun.⁸³

80 Radin Soenarno, hlm. 26.

81 Jika difikirkan agak ganjil juga. Semasa pendudukan Jepun dan Thai Tengku Muhd Yusuf bin Sultan Muhammad IV menjawat jawatan Ketua Polis Kelantan dan ini bererti beliau telah bekerjasama juga dengan Jepun dan Thai, tetapi tidak diapa-apakan oleh pihak berkuasa Inggeris.

82 Keterangan ini telah diperolehi oleh penulis daripada Encik Muhd Abu Bakar bin Saman pada 10 Oktober 1987. Mengenai anggapan "hendak menderhaka kepada Raja atau Sultan Kelantan" bolehlah dibandingkan dengan peristiwa Pemberontakan Tuk Janggut pada tahun 1915 dahulu. Pihak penjajah Inggeris pada ketika itu telah menganggap perbuatan Tuk Janggut itu ialah sebagai menderhaka kepada Sultan dan Kerajaan Negeri Kelantan dan bukannya menentang penjajah Inggeris. Tetapi setelah Malaya/Malaysia merdeka, Tuk Janggut ditakrifkan sebagai pejuang bangsa Melayu di Kelantan. Jadi tidak hairanlah jika pihak Inggeris pada tahun 1945 itu, ketika menangkap pemimpin-pemimpin KMM Kelantan itu menganggap mereka itu sebagai hendak menderhaka kepada Sultan dan Kerajaan Negeri Kelantan. Itulah muslihat dan tipu helah penjajah Inggeris.

83 Malai Sinpo, 21 Ogos 2603 (1943).

Di bawah Perjanjian Jepun-Thailand itu negeri-negeri Melayu di utara Semenanjung Tanah Melayu iaitu Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu serta juga dua wilayah Shan di negeri Burma diserahkan oleh Jepun kepada Thailand.⁸⁴ Penyerahan itu adalah memenuhi persetujuan yang telah dicapai di antara Kerajaan Jepun dan Kerajaan Thailand pada akhir bulan Disember 1941. Penyerahan oleh Jepun akan empat buah negeri Melayu dan dua wilayah di negeri Burma tersebut adalah merupakan hadiah dan rasa terima kasih Jepun kepada Thailand yang telah memberi kerjasama kepada Jepun semasa Jepun memulakan perang di Asia Timur khususnya serangan tentera Jepun ke atas Tanah Melayu pada 7 Disember 1941 di mana Kerajaan Thailand telah membenarkan tentera Jepun mendarat dengan mudah dan tanpa penentangan di Singgora (Songkhla) dan Patani di Selatan Thailand yang telah mempercepatkan kemaraan tentera Jepun ke utara Tanah Melayu.

Pentadbiran Tentera Thai di negeri Kelantan (dan juga di negeri-negeri Perlis, Kedah dan Terengganu) bermula pada 18 Oktober 1943.⁸⁵ Adapun Pentadbiran Tentera Thai di negeri-negeri tersebut diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera Thai yang bermarkas besar di Alor Setar, Kedah yang tertakluk pula kepada markas Ketua Turus Angkatan Tentera Thai yang diketuai sendiri oleh Perdana Menteri Thai, Field Marshal Pibul Songgram yang berpusat di Bangkok. Pentadbiran Tentera Thai di negeri-negeri Melayu itu diserahkan kepada Pesuruhjaya Tinggi Tentera yang digelar Khaluang Tahan Besar yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pentadbiran di negeri-negeri itu.⁸⁶ Khaluang Tahan Besar pertama bagi negeri-negeri Melayu itu ialah Mejar-Jenderal Kamol Sribhasiradhikaran 'Jotikasartion dan penasihatnya ialah Kapten Momrajuongse Chalerlarb Tharenong.⁸⁷

Disetiap buah negeri Melayu itu pula dilantik seorang Pesuruhjaya Tentera yang digelar Khaluang Tahan Pracharm Rath Chamrat yang bertugas sebagai pembantu kepada Khaluang Tahan Besar bagi menguruskan hal ehwal pentadbiran di negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu.

Pentadbiran Tentera Thai di negeri Kelantan telah dikuatkuasakan pada 21 Oktober 1943. Dalam tempoh pentadbiran Tentera Thai di negeri Kelantan yang berlangsung selama kira-kira dua tahun itu (Oktober 1943 – September 1945) negeri Kelantan telah ditadbirkan oleh dua orang Pesuruhjaya Tentera Thai atau Khaluang Tahan Pracham Rath Chamrat iaitu First-Lt. Charn Charan Chaichan⁸⁸ yang memegang jawatannya dari bulan Oktober 1943 hingga 30 Mac 1944 apabila beliau diganti pula oleh R.T. Thavin Rawang Phu.⁸⁹

Sebaik sahaja ditandatangani Perjanjian Jepun-Thailand pada 20 Ogos 1943, Kerajaan Thailand telah menghantar pegawai-pegawai tenteranya dan juga askar-askar Thai termasuk satu pasukan askar berkuda. Di Kota Bharu, askar-askar Thai itu telah ditempatkan di Sekolah Melayu Merbau (bekas

84 Donald E. Nuechterlein, 'Thailand and the Struggle for Southeast Asia', Cornell University Press, Ithaca, New York, 1965, him. 73–80.

85 Laporan Tahunan Negeri Kelantan bagi tahun 2486 (1943) dalam Pejabat S.U.K.K. bil. 149/87 (1944).

86 Perjawatan Kerajaan Kelantan bertarikh 26 Februari 1944 dalam Pejabat S.U.K.K. bil. 228/87 (1944).

87 Malai Sinpo, 21 Ogos 1943.

88 Ibid.

89 Pejabat S.U.K.K. bil. 428/2437 (1944).

Sekolah Inggeris Perempuan) dan juga di Sekolah Cina Chung Hwa di Jalan Atas Banggol.

Apabila Pentadbiran Tentera Thai bermula berkuatkuasa di negeri Kelantan, maka nama-nama pejabat Kerajaan ditukar pula kepada nama Thai dan jawatan-jawatan penting yang sebelumnya dipegang oleh pegawai-pegawai Jepun, telah disandang pula oleh pegawai-pegawai Thai. Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Negeri Kelantan diarahkan belajar bahasa Thai di samping bahasa Jepun. Di Kota Bharu kelas bahasa Thai bagi guru-guru telah dimulakan pada bulan Disember 1943 oleh seorang pegawai Thai bernama Nai Pian Tong Rat. Bendera Thai dikibarkan di mana-mana di samping bendera Jepun. Lagu Kebangsaan Thai iaitu 'Maha Chai' dibunyikan dan dinyanyikan di samping lagu kebangsaan Jepun 'Kimigayo' dan lagu kebangsaan negeri Kelantan iaitu 'Selamat Sultan' di dalam semua upacara rasmi dan di sekolah-sekolah.

Apabila Jepun datang menduduki dan mentadbir negeri Kelantan, hari-bulan rasmi yang digunakan ialah hari-bulan atau kalendar Jepun iaitu tahun 2602 (1941) mengikut tahun Jepun pada masa itu. Dalam zaman pentadbiran Tentera Thai negeri Kelantan terpaksa pula menggunakan kalendar atau tahun Thai iaitu tahun 2486 (1943).

Di dalam zaman Pentadbiran Tentera Thai di negeri Kelantan, pentadbiran di dalam negeri telah diserahkan oleh pihak berkuasa tentera Thai kepada Sultan dan Majlis Mesyuarat Negeri yang disebut 'Montri Spa' dalam bahasa Thai. Majlis Montri Spa ini ialah badan perunding yang tertinggi sekali di dalam pentadbiran negeri Kelantan dan dipengerusikan oleh Sultan. Ini berbeza dengan zaman Pentadbiran Tentera Jepun di mana Sultan tidak mempunyai sebarang hak ke atas pentadbiran di dalam negeri kecuali perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu. Ini bermakna dalam zaman Pentadbiran Tentera Thai, Sultan Kelantan telah diberi kembali kuasa di dalam pentadbiran negeri.⁹⁰

Mengikut yang diamalkan di dalam zaman Pentadbiran Tentera Thai di negeri Kelantan, sebarang perkara yang berkaitan dengan pentadbiran yang hendak dilaksanakan mestilah terlebih dahulu mendapat persetujuan Sultan sebelum perkara itu dibawa kepengetahuan Khaluang Tahan Chamrat. Setelah itu apabila mendapat persetujuan Khaluang maka perkara yang berkenaan akan dipersembahkan kepada Sultan untuk mendapat keputusan.⁹¹

Majlis Montri Spa telah mula menjalankan tugasnya pada 1 Januari 1944. Sepanjang zaman Pentadbiran Tentera Thai di negeri Kelantan, ahli-ahli Majlis itu adalah terdiri daripada mereka yang pernah menjadi ahli atau anggota Majlis Mesyuarat Negeri di zaman pemerintahan Inggeris (sebelum 7 Disember 1941) seperti berikut:

Ahli-ahli Majlis Montri Spa Kelantan

Yang Dipertua

D.Y.M.M. Sultan

(Tengku Ismail ibni Sultan Mohamed IV)

⁹⁰ Patut disebut di sini iaitu dalam pertengahan tahun 1943 pihak berkuasa Jepun di Tanah Melayu telah membentuk Majlis Penasihat Negeri yang dipanggil 'Shu-Sanjakai' ditiap-tiap negeri Melayu di Tanah Melayu di mana Gabenor Jepun menjadi Yang Dipertua (Presiden) dan Sultan dilantik sebagai Naib Yang Dipertua. Walau bagaimanapun Majlis tersebut merupakan hanya sebagai badan penasihat sahaja tanpa fungsi-fungsi legislatif atau eksekutif (Malai Sinpo, 8 Disember 1943, Order No. 3).

⁹¹ Minit Mesyuarat Montri Spa pada 7 Mac 1944 dalam Pejabat Menteri Kelantan.

Naib Yang Dipertua	-	Yang Teramat Mulia Raja Kelantan (bakal Sultan) (Tengku Ibrahim ibni Sultan Mohamed IV)
Setiausaha	-	YBM Tengku Mohd Hamzah bin Tengku Zainal Abidin (Setiausaha Kerajaan)
Ahli-ahli (12)	-	YB Dato' Nik Mahmud bin Haji Ismail (Menteri Besar)
	-	YB Nik Ahmad Kamil bin Nik Mahmud (Timbalan Menteri Besar)
	-	YBM Tengku Indera Petra bin Tengku Ibrahim (Timbalan kepada Timbalan Menteri Besar)
	-	YBM Tengku Mohamed bin Tengku Idris Petra (Tengku Sri Utama Raja)
	-	YBM Tengku Abdul Rahman bin Sultan Ahmad (Tengku Sri Ismara Raja)
	-	YBM Tengku Mohd Yusof bin Sultan Mohamed IV (Tengku Sri Laksamana)
	-	YBM Tengku Abdul Majid bin Tengku Besar Tuan Soh (Tengku Sri Pekerma Raja)
	-	YBM Tengku Mohamed bin Sultan Mohamed IV
	-	YBM Tengku Yahya Petra bin Tengku Ibrahim (Tengku Temenggung)
	-	YBM Tengku Ahmad bin Tengku Abdul Ghafar (Tengku Panglima Raja)
	-	YB Encik Mohamed bin Haji Mahmud
	-	YB Haji Ahmad Mahir bin Haji Ismail (Mufti)

Perkara yang menarik mengenai Majlis Montri Spa ialah Pesuruhjaya Tentera Thai bagi negeri Kelantan atau Khaluang Tahan Pracham Rath Chamrat tidak menjadi anggotanya. Di zaman pemerintahan Inggeris dahulu (sebelum 7 Disember 1941) Pegawai Penasihat Inggeris dan Penolongnya adalah anggota tetap Majlis Mesyuarat Negeri. Di samping itu juga Majlis Montri Spa tidak terdapat seorang wakilpun dari kaum asing yang telah diwakili oleh Dato' Yeap Hong Ghee (Dato' Kaya Pati) sebelumnya.⁹² Bolehlah dikatakan bahawa pentadbiran di dalam negeri Kelantan di dalam zaman Pentadbiran Tentera Thai berada di tangan anak tempatan atau orang Melayu Kelantan. Hanya sebilangan kecil sahaja pegawai Thai telah ditempatkan di negeri Kelantan yang hanya bertanggungjawab di dalam perkara-perkara yang ada kaitan dengan keselamatan, ketenteraman dan hubungan luar negeri.⁹³

Pejabat Setiausaha Kerajaan yang ditutup di zaman pentadbiran Tentera Jepun telah diwujudkan atau dibuka semula pada 6 Januari 1944.⁹⁴ Jawatan

92 S.U.K.K. bil. 4/2486 (1943).

93 Minit Mesyuarat Montri Spa pada 7 Mac 1944 dalam Pejabat Menteri Kelantan.

94 Pejabat Menteri Kelantan, bil. 9/2487 (1944)

Setiausaha Kerajaan terus disandang oleh Tengku Mohamed Hamzah bin Tengku Zainal Abidin yang pada masa itu bergelar Tengku Sri Maharaja. Pejabat S.U.K. itu diarah menjalankan tugas-tugasnya seperti sebelum perang dahulu (sebelum 7 Disember 1941).

Di samping itu pejabat-pejabat yang telah diletak oleh Pemerintah Jepun di bawah Pejabat Perusahaan atau Sangyo-Byo telah disusun semula dan dipulihkan seperti keadaan di zaman sebelum perang. Kesemua pejabat-pejabat itu diketuai oleh pegawai-pegawai Melayu iaitu selaras dengan dasar Kerajaan Thai untuk memberi anak tempatan mentadbir negeri Kelantan.

Di peringkat jajahan (atau daerah) pula peranan dan tugas Ketua-ketua Jajahan adalah sama seperti di zaman pentadbiran Tentera Jepun. Perbezaannya ialah mereka tidak lagi bertanggungjawab kepada Ketua Jajahan Besar (Tiho Ka Tyo) tetapi terus kepada Setiausaha Kerajaan Negeri seperti di zaman sebelum perang dahulu. Sebagaimana di zaman Pentadbiran Tentera Jepun kesemua jawatan ketua jajahan disandang oleh anak tempatan.

Di zaman Pentadbiran Tentera Thai masa pejabat telah disesuaikan dengan masa atau keadaan setempat dan bukan lagi mengikut masa Nippon.

Kebakaran Besar Di Kota Bharu⁹⁵

Satu kebakaran besar telah berlaku di bandar Kota Bharu di dalam zaman Pentadbiran Tentera Thai. Lebih kurang pada jam 2.30 petang hari Isnin 22 Muharam 1363 bersamaan dengan 17.1.2487 (Tahun Thai) atau bersamaan dengan 17 Januari 1944 telah terjadi api kebakaran yang besar yang bermula di sebuah kedai dan kilang kayu kepunyaan orang Cina yang terletak berhampiran dengan Pengkalan Masjid Besar di tepi Sungai Kelantan lalu melarat dan membinasakan kira-kira 12 buah kilang dan setor kayu orang-orang Cina dan Melayu serta sejumlah rumah orang-orang Melayu disepanjang tepi Sungai Kelantan di Jalan Atas Paloh (iaitu kawasan di antara bucu Jalan Tengku Bendahara dengan bucu Jalan Tuk Semian). Api kebakaran itu sangatlah besarnya dan dahsyat sekali kerana beberapa ketika setelah berlaku kebakaran itu angin ribut bertiup dengan kencang sekali. Dan lagi hampir semua kilang dan setor serta rumah-rumah kediaman di kawasan itu diperbuat daripada kayu dan ada di antaranya pula beratapkan atap nipah dan zink. Selepas kira-kira 1 jam kebakaran itu bernaharajalela, kawasan itu menjadi padang yang bersepah dengan arang dan abu.

Keadaan di dalam zaman Pentadbiran Tentera Thai di Kelantan adalah sama sahaja seperti di dalam zaman Pentadbiran Tentera Jepun. Rakyat terus menderita kerana kesusahan hidup akibat kekurangan bahan makanan dan barang-barang keperluan lain yang penting untuk kehidupan sehari-hari. Kekurangan bahan makanan dan barang-barang keperluan lain adalah disebabkan oleh keadaan perang, ekonomi yang merosot dan terhentinya impot dan eksport. Kekurangan bahan-bahan makanan dan barang-barang keperluan menyebabkan harganya semakin meningkat dari masa kesemasa. Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Thai ialah sepertimana juga yang telah diambil oleh pihak Jepun iaitu menghalakkan rakyat bercucuk tanam dan menambahkan

95 Dari buku peringatan Haji Nik Mohd Salleh bin Nik Mat (bapa kepada penulis).

hasil pengeluaran mereka, dan juga mengenakan catuan ke atas barang-barang keperluan.

Di zaman Pentadbiran Tentera Thai kejadian-kejadian jenayah meningkat dan lebih berleluasa jika dibandingkan dengan keadaan semasa Kelantan berada di bawah Pentadbiran Tentera Jepun secara langsung. Di samping itu ada juga di antara askar-askar Thai yang ditempatkan di Kelantan khususnya di Kota Bharu yang telah melakukan perkara-perkara yang tidak senonoh seperti mengusik dan mengacau wanita-wanita Melayu sehingga mereka tidak lagi berani berjalan berseorangan di waktu malam hari di dalam bandar Kota Bharu. Ada kejadian di mana wanita Melayu telah diperkosa oleh askar Thai yang menyamar sebagai orang awam. Ada juga kejadian orang-orang perseorangan mati terbunuh di tempat-tempat yang terpencil dan tidak diketahui siapa yang telah membunuh mereka.

Kemangkatan Sultan Ismail

Setelah lebih 23 tahun menjadi sultan pemerintah negeri Kelantan maka pada malam Rabu 1 Rejab 1363 bersamaan dengan 20.6.2487 (Thai) atau 20 Jun 1944 mangkatlah DYMM Sultan Ismail ibni al-marhum Sultan Muhammad ke-IV. Pada masa itu baginda berusia lebih kurang 55 tahun. Jenazah baginda telah dimakamkan di Permakaman Diraja di Langgar Raja pada keesokan harinya dengan upacara usungan yang besar dan ramai sekali. Baginda tiada mempunyai putera atau puteri.

Oleh kerana kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail itu maka adindanya iaitu Yang Teramat Mulia Tengku Ibrahim ibni Sultan Muhammad ke-IV (Raja Kelantan) telah diisytiharkan menjadi raja pemerintah negeri Kelantan yang baharu bergelar Sultan Ibrahim.⁹⁶ Pada masa itu juga anakanda baginda Sultan Ibrahim yang sulung iaitu Tengku Indera Petra digelar Raja Muda Kelantan iaitu bakal pertama raja pemerintah negeri, dan anakanda yang kedua iaitu Tengku Yahya Petra digelar Tengku Bendahara. Apabila berita kemangkatan Sultan Ismail diisytiharkan maka diperintah berkabung iaitu bendera dikibarkan separuh tiang, setiap orang lelaki Melayu di dalam negeri Kelantan memakai kain putih yang dililitkan di songkok masing-masing dan orang-orang lelaki bangsa lain memakai kain hitam di lengan baju sebelah kiri. Tempoh berkabung ialah selama 40 hari mulai dari hari permakaman jenazah. Semua pejabat kerajaan negeri Kelantan ditutup selama 2 hari.

Istiadat bagi memahkotakan YTM Tengku Ibrahim sebagai Sultan Ibrahim Kelantan telah diadakan pada hari Selasa 15 Zulkaedah 1363 bersamaan dengan 31 Oktober 1944 pada jam 11.00 pagi di Istana Balai Besar;⁹⁷ dengan disaksikan oleh Tuan Yang Utama Wakil Kerajaan Maha Besar Thailand dan Yang Teramat Utama Tuan Pesuruhjaya Tinggi Tentera Thai dan Yang Terutama Pesuruhjaya Tentera Thai di negeri Kelantan, pegawai-pegawai Thai dan Nippon (Jepun), ahli-ahli Montri Spa, Tengku-tengku usrah diraja, orang-orang besar negeri dan pegawai-pegawai Kerajaan. Mahkota Kelantan telah disalutkan ke atas ulu

96 Buku cenderamata Istiadat Kemahkotaan Sultan Kelantan Darulnaim, bertarikh 1 Zulkaedah 1363 bersamaan dengan 17 Tulakhom 2487 (Thai), hlm. 6-7.

97 Buku cenderamata Istiadat Kemahkotaan Sultan Kelantan Darulnaim, bertarikh 1 Zulkaedah 1363 bersamaan dengan 17 Tulakhom 2487 (Thai), hlm. 4-6.

Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Panglima Raja (Tengku Ahmad bin Tengku Abdul Ghafar).

Kekalahan Jepun

Sejak dari pertengahan tahun 1943 keadaan perang di Asia Tenggara pada umumnya menempatkan Jepun dalam keadaan yang bertambah genting, baik di garisan depan mahupun di garisan belakang. Pihak Berikat telah mulai menyerang balas dan sedikit demi sedikit telah dapat membantut kemaraan Jepun disegenap medan perang. Bahkan mereka juga mulai mara serta menawan kembali beberapa kawasan yang dahulunya ditawan serta diduduki oleh Jepun. Sekarang Jepun dalam keadaan bertahan malah kian terdesak di sana sini. Akhirnya setelah Amerika Syarikat menjatuhkan dua buah bom Atom di atas bandar-bandar Hiroshima dan Nagasaki pada 6 dan 9 Ogos tahun 1945, maka Jepun tiada jalan lain lagi bahkan terpaksa menyerah diri kepada Pihak Berikat tanpa syarat.

Pada 26 Ogos 1945 Tuan Khaluang (Gabenor Thai di Kelantan) telah merangkan di hadapan ketua-ketua pejabat dan penolong-penolongnya di dalam Istana Balai Besar pada jam 11.00 pagi hingga jam 12.00 tengahari menceritakan bahawa peperangan sudah berhenti semua sekali di medan-medan perang Eropah dan Timur Jauh dan daripada hari itu semua harga barang-barang mulai turun.

Pada hari Isnin 27 Ogos 1945 ada khabar mengatakan dua pegawai Inggeris turun dengan pesawat terbang di Pengkalan Chepa Kelantan. Dari situ bermotokar dengan beberapa orang pegawai Jepun ke bandar Kota Bharu untuk berunding. Lepas itu pegawai-pegawai Inggeris itu balik ke Pengkalan Chepa langsung naik pesawat terbang ke tempat asalnya yang tiada diketahui.

Pada hari Selasa 28 Ogos 1945 telah sampai di negeri Kelantan sebuah pesawat terbang Inggeris, terbang di angkasa bandar Kota Bharu dan sekitarnya, sambil menggugurkan risalah-risalah berwarna putih yang dicetak dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Cina berjodol "Kepada Penduduk-penduduk Tanah Melayu". Risalah itu mengandungi pengumuman memberitahu rakyat bahawa Jepun telah kalah dan menyerah serta meminta orang ramai menjauhi tempat-tempat yang tertentu di mana askar-askar Jepun diperintahkan berhimpun menunggu penyerahan diri secara rasmi kepada pihak Inggeris yang akan tiba di negeri Kelantan dalam masa yang tidak lama lagi.

Pada pukul 8.00 pagi hari Ahad 2 September 1945 pihak Jepun menandatangani surat perjanjian menyerah diri kepada Pihak Berikat di atas kapal perang Amerika Syarikat bernama Missouri di Teluk Tokyo di negeri Jepun.

Pada pagi hari Rabu 5 September satu upacara telah diadakan di Padang Bank, Kota Bharu bagi mengibar bendera negeri Kelantan menggantikan bendera-bendera Jepun dan Thai.

Pada hari Isnin 10 September 1945 seorang pegawai Inggeris bernama Major G.K. Kreow tiba di Kota Bharu dari Kuala Lumpur dengan keretapi melalui Selatan Thailand.

Kelantan Kembali Di bawah Naungan Inggeris

Pada hari Selasa 11 September 1945 Pesuruhjaya Tentera Thai di Kelantan

menyerah balik negeri Kelantan secara rasmi kepada Kerajaan Inggeris. Pada hari Rabu keesokan harinya diadakan upacara mengibarkan pula bendera Inggeris (Union Jack) di Resideni, sebagai menandakan bahawa negeri Kelantan kembali di bawah naungan Kerajaan Inggeris.

Pada hari Jumaat 14 September 1945 Pesuruhjaya Tentera Thai di Kelantan meninggalkan Kota Bharu bertolak balik ke Bangkok, Thailand dengan keretapi.

Pada 16 September 1945 Kerajaan Kelantan mengeluarkan kenyataan kepada pejabat-pejabat yang menerima hasil iaitu pada hari esoknya (17.9.1945) bayaran hasil-hasil kerajaan tidak boleh lagi diterima dengan apa-apa wang sekalipun dan daripada hari itu juga riuh orang-orang di pasar membeli barang-barang dengan harga yang bukan-bukan (mahal) kerana mereka fikir wang Jepun tidak laku lagi. Pada hal keadaan sebenarnya tidak begitu. Sepatutnya mereka menunggu sehingga kerajaan mengumumkan apa-apa keputusan yang tetap berkenaan dengan wang Jepun.

Pada malam Selasa 18 September 1945, seorang pegawai Inggeris bernama Lt. Kol. D. Sommerville sampai di Kota Bharu. Beliau datang dari India dan pergi ke Singapura dan Kuala Lumpur dan dari sana datang ke negeri Kelantan dengan keretapi melalui Selatan Thailand. Tuan Sommerville telah dihantar khas ke negeri Kelantan oleh pihak pemerintahan Tentera Inggeris untuk memegang jawatan sebagai pegawai pentadbir negeri Kelantan. Datang bersama-sama Tuan Sommerville ialah seorang lagi pegawai Inggeris, dua orang pegawai Thai dan seorang pegawai bangsa India. Mereka mengiringi Tuan Sommerville ke negeri Kelantan. Tuan Sommerville datang ke negeri Kelantan membawa bersama-samanya 35 ribu wang kertas Inggeris untuk digunakan di negeri Kelantan bagi menggantikan wang Jepun.

Pada hari Selasa 18 September 1945 semua pejabat-pejabat kerajaan di negeri Kelantan mulai bekerja mengikut waktu sebelum perang dahulu iaitu bekerja pagi petang mulai dari pukul 8.30 pagi sampai pukul satu tengahari dan dari pukul dua hingga 4.30 petang.

Pada hari Rabu 19 September 1945 lebih kurang pukul 12.00 tengahari tiba sebuah pesawat terbang Inggeris terbang di angkasa Kota Bharu menggugurkan risalah-risalah yang berjodol "Utusan Kemenangan" No. 10 bertarikh 10 September 1945. Risalah-risalah itu dalam bahasa Inggeris, Melayu dan Cina dan menerangkan kemenangan Pihak Berikat ke atas Jepun serta menyatakan Tanah Melayu diperintah kembali oleh Kerajaan Inggeris.

Pada hari Isnin 24 September 1945 beberapa orang pegawai Inggeris serta beberapa puluh orang askar bangsa India lengkap dengan senjata sampai di Kota Bharu dengan keretapi melalui Selatan Thailand turun di Palekbang pada waktu petang.

Pada 30 Oktober 1945 Tengku Mahmud Mahiyiddin telah selamat sampai di Resideni Kota Bharu pada jam 3.20 petang bersama dengan Tuan Anker Rentse serta sejumlah askar-askar bangsa India. Mereka datang dari Singapura dengan motokar dan lori-lori tentera melalui Pahang dan Terengganu. Tengku Mahmud Mahiyiddin ini telah hampir empat tahun meninggalkan negeri Kelantan dan tinggal di India. Pada hari itu juga gaji pegawai-pegawai dan kaki-tangan kerajaan di negeri Kelantan telah mulai dibayar dengan wang Malaya (wang Inggeris).

Pada hari Khamis 4 Oktober 1945 sebelah petang, diisytiharkan dengan radio bahawa wang kertas Jepun tidak boleh digunakan lagi. Pada hari itu di negeri Kelantan orang-orang membeli beras yang dijual oleh kerajaan dengan menggunakan kad dan wang kertas Jepun masih diterima. Pada masa itu harga secupak beras ialah \$50/- wang kertas Jepun dan segantang harganya ialah \$200/-. Harga beras dengan wang kertas Tanah Melayu (wang Inggeris) ialah 25 sen secupak dan segantang seringggit.

Pada 4 Oktober 1945 setengah-setengah daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan Kelantan seperti anggota-anggota polis, dan di beberapa pejabat serta juga penggawa-penggawa yang terhenti kerja atau dipecat dalam zaman Pentadbiran Tentara Jepun dan Thai diambil balik bekerja dengan kerajaan sebagaimana sebelum perang dahulu, dan sesiapa yang masuk bekerja dalam zaman Pentadbiran Jepun dan Thai diberhentikan.

Pada 6 Oktober 1945 satu istiadat penyerahan senjata daripada pihak askar Jepun yang kalah perang itu telah diadakan di Padang Garong dekat Jel Besar pada jam 9.00 pagi dan beribu-ribu orang menyaksikan istiadat penyerahan itu. Aturan serahan itu adalah seperti berikut.⁹⁸

- i) lebih kurang 70 orang askar Jepun dan ketuanya yang memakai pedang dan pistol kira-kira 10 orang berdiri di tengah padang itu dengan lengkap senjatanya.
- ii) kemudian keluar pasukan askar Gurkha diketuai oleh seorang pegawai Inggeris daripada berek di situ dan terus masuk ke padang serta berbaris berpusing-pusing di dalam padang itu menunjukkan baris dan bunyian band.
- iii) kemudian datang ketua besar askar pihak Inggeris bernama Lt. Col. Young berdiri tegap dekat tiang bendera Union Jack. Lepas itu datanglah ketua besar askar Jepun menghampiri Lt. Col. Young serta memberi hormat dan menyerah pedang di tubuhnya itu dengan meletakkannya di atas padang dekat kaki Lt. Col. Young. Lepas itu beliau pusing berjalan ke tempat asal.
- iv) Setelah itu semua askar Jepun berbaris lalu di hadapan Lt. Col. Young serta menyerahkan senapang-senapang dan peluru-peluru mereka masing-masing. Lain-lain senjata seperti mesingun kecil diserahkan kepada askar-askar India yang berdiri di padang itu yang diketuai oleh seorang pegawai bangsa Inggeris. Dengan itu maka selesailah istiadat tersebut.

Dengan penyerahan askar-askar Jepun di negeri Kelantan kepada pihak berkuasa Tentera Inggeris pada 6 Oktober 1945 itu maka dengan rasminya keadaan perang di negeri Kelantan berakhir. Dan dengan itu juga tamatlah pendudukan Jepun dan Thai di negeri Kelantan yang berlangsung selama 3 tahun, 8 bulan dan 3 hari (8 Disember 1941 hingga 11 September 1945). Mulai dari 12 September 1945 negeri Kelantan diletakkan di bawah Pentadbiran

98 Dari buku peringatan Haji Nik Mohd Salleh bin Nik Mat.

Tentera British (British Military Administration/BMA)⁹⁹ di bawah pimpinan Lt. Kol. D. Sommerville yang memegang jawatan Resident Commissioner bagi negeri Kelantan.

LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Pengumuman Kerajaan Negeri Kelantan yang dikeluarkan pada 21 Januari 1942 menyeru rakyat supaya bekerjasama dengan Pentadbiran Tentera Jepun (naskah bahasa Ingeris).
- Lampiran 2 : Titah ucapan oleh DYMM Al-Sultan Ismail Kelantan kepada Kerajaan Negeri Kelantan pada awal bulan Januari 1942 (naskah asal Jawi).
- Lampiran 2A : Sama seperti Lampiran 2, tetapi naskah rumi.
- Lampiran 3 : Titah ucapan DYMM Al-Sultan Ismail Kelantan ketika membuka mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan pada 21 Januari 1942 (naskah asal Jawi).
- Lampiran 3A : Sama seperti Lampiran 3, tetapi naskah rumi.
- Lampiran 4 : Ucapan YAB Dato' Menteri Besar Kelantan di upacara membuka Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan pada 21 Januari 1942 (naskah asal Jawi).
- Lampiran 4A : Sama seperti Lampiran 4, tetapi naskah rumi.
- Lampiran 5 : Ucapan pegawai tinggi Pentadbiran Tentera Jepun di Kelantan mengenai penyerahan negeri Kelantan kepada Kerajaan Thai pada 20 Ogos 1943 (naskah asal Jawi).
- Lampiran 5A : Sama seperti Lampiran 5 tetapi naskah rumi.

99 British Military Administration/BMA ditubuhkan di Tanah Melayu pada 5 September 1945. Tetapi di negeri Kelantan BMA mula berkuasa pada 12 September 1945 kerana hanya pada 11 September 1945 Kerajaan Thai menyerah kembali negeri Kelantan kepada Kerajaan Ingeris.

GET TO WORK

All Brother Malays young and Old,

The struggle to drive away the British, their spirit and propaganda from Malaya has been done and will probably end at Singapore. We in Kelantan, Trengganu, Perlis, Kedah, Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Negri Sembilan, Malacca and a big part in Johore has been cleared from the British and their influence.

We, therefore, feel no anxiety to live peacefully from whatever harm or unpleasantness which may be done by the British. What we now require is to revive the spirit of all Malaya from weakness and laziness taught by the British. This is a trap displayed by the British on us. But at this last moment we do not wish the Malaya to behave as the past. Our tutors have come to teach us and so we all have to grasp this opportunity. We are ready to help you brother Malays in acquiring this worthy objective.

As the Nippon is willing to help us in running big business which is open before us now we should communicate with them. Do not lose this golden opportunity.

We should now continue doing all our former business without leaving a small part undone lest we will later regret it.

Cultivation is a very important business. As we are consuming a very large quantity of vegetables and rice every day it is necessary for us to cultivate these kinds of foodstuffs as much as possible. If these foodstuffs are cultivated by every one of us we need not waste our money in buying them. From day onward we have to consider them as the most valuable things of all. Our happiness or famine absolutely depends upon them.

NOTICE

It is notified to the public that the use of any kind of lights at night in the house moreover outside the house is strictly prohibited.

Anyone found in contravention of this order will be severely punished.

NOTICE

In conformity to the instruction given by the Nippon Army, it is hereby notified to the public in this State that any person, who is in possession of or in keeping of any arm or ammunition without permission of the Government, should until 14th Muharram 1361 (31st January, 1942) hand over such arms etc. to the Garrison Headquarters (former Town Board) or the Military Administration Office (former Residency) of the Nippon Army. After the above date, if any person found in possession of or in keeping of the same, shall severely be punished. Any person, who picked up such arms etc. after 14th Muharram 1361 (31st January, 1942), must report it without delay. In case the concealment is disclosed, all the people in such kampong shall be equally to blame.

2. Any person, who is in possession of pistols, revolvers or sporting guns under the licence issued pre-war by the Government, shall also register to and apply to the Military Administration Office for permission until 14th Muharram 1361 (31st January, 1942).

Kelantan, 4th Muharram, 1361.

By Order
STATE SECRETARY TO THE
GOVERNMENT OF KELANTAN

زینتی که در کلمات کلیدی

(1) کلمات کلیدی هستند: محمد - صدیق - کلمه کلیدی
و فی مقوله اختیاره و غیره کلمات کلیدی و این کار از آن یقین است
کارخانه این ایامه کلمات کلیدی

(2) فمحصا لسان اختیاره یقین - سوره این که در کلمات کلیدی
کلمات کلیدی: اختیاره آبی قیاس (و) بعد از سوره و این است.

همیشه کلمات کلیدی :

I کلمه سلام و فی کلمه شرفه و غیره کلمات کلیدی
فقراتی و در حق صبر در الم اوف کلمه فی انوار یقین
کلمه "مان" اورثه (بجای کلمه مسعودان) العمل این کلمه صفتی
سببانی سوره - تکرار

II میانه کلمات کلیدی - کلمه - فی کلمه شرفه و غیره
نما - ای - بانی - کلمه - ای - همیشه کلمات کلیدی
کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی
این اوله فقط - ای - کلمات کلیدی

III کلمات کلیدی - ماسی - ای - همیشه کلمات کلیدی
ایامه - مقوله - ایامه - زینتی کلمه - یقینه - بانی
کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی
ایمیل - کلمه - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی
کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی
دره - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی
کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی
کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی
کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی - کلمات کلیدی

دسته آن در حق اوله
نیمه ایامه کلمات کلیدی
همیشه کلمات کلیدی
کلمات کلیدی - کلمات کلیدی

سوره فی تکرار این که
کلمات کلیدی - کلمات کلیدی
کلمات کلیدی - کلمات کلیدی
136

کلمات کلیدی - کلمات کلیدی
1942

PERINTAHAN KEPADA KERAJAAN KELANTAN

1. Kerajaan Kelantan hendaklah mencuba mendirikan negeri Kelantan dengan menurut ikhtiar pada memberi kesenangan di dalam keadaan yang mudharat sekarang ini ialah bagaimana yang berkembar.
2. Pada menjalankan ikhtiar yang tersebut itu maka hendaklah Kerajaan Kelantan mengambil ingat akan tiga (3) buku yang tersebut di bawah ini.

Hendaklah Kerajaan Kelantan:

- I. Bekerjasama dengan askar Nippon pada mendapat kemenangan peperangannya dan mengambil sabar di dalam apa-apa kekurangan atau apa-apa yang tidak sempurna. Mana-mana orang yang bersungut dan mengadu (membuat pengaduan) akan hal ini akan disifatkan sebagai seorang yang melawan.
- II. Menjalankan pekerjaan-pekerjaan negeri dengan kesemua tanggungan-tanggungan yang ada pada masa ini, bagi maksud ini, hendaklah kerajaan beroleh kuasa pada menjalankan kesemua hak-hak yang dinyainya selama ini oleh Penguasa Inggeris.
- III. Dalam keadaan pada masa ini, hendaklah membuat kerja dengan seberapa dayanya, menurut dasar perintahan negeri yang lebih baik sekali yang akan ditunjukkan oleh pemerintah askar Nippon apabila telah diduduki Singapura. Apabila telah diduduki Singapura, maka orang-orang yang membantu mendirikan negeri lepas daripada peperangan akan beroleh balasan Tetapi orang-orang yang meninggal pekerjaannya atau lalai menjalankan tanggungannya akan dipecat kerja, dan orang-orang yang melakukan apa-apa kesalahan akan dibuang negeri, dipenjarakan atau hukuman bunuh dan lain-lainnya menurut perkara-perkaranya.

Kita bersumpah hendak mencuba pada menyempurnakan tujuan yang tersebut di atas ini.

(Disain dan dicap oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Ismail Kelantan di hadapan kesemua ahli-ahli mesyuarat negeri Kelantan yang menyaksikan surat perintahan ini pada hari ini haribulan Muharam 1361 bersamaan dengan haribulan Januari 1942).

حقیقۃ کوجا فی د. ی. م. م.

توان فکاران فتنده پیرتننرا نیفون سرت سکلین اهل مشواره •

سای دشن سکجیتا تبرک مجلس مشواره کراجان کلشن فد
هارن این باکی سموا فرند هجران دان فکرجان کراجان ددالم تاهن
• 1301

هند قله سکلین اهل مشواره برسکوه آ هاتی مبراه فکرجان
دان مباتکن شورا فد نیف آ کالی ددالم داکن مشواره سفای برتمه آ
بایک سکل فکرجان کراجان دان فکرجان رجه ایسی نگری •

دانلا کی هندقله سکلین اهل مشواره برساتوهاتی دشن
توان فکارای فتنده پیرتننرا نیفون ددالم سموا فکرجان دان مینکوه
اف آ فرنتین دشن ملاء سنیا باکی منونیکن سکل فرنتین • مک
جاشنه سکلین اهل مشواره لوف اتولای باکی مینفرناکن فسانن
دان امانه سای یکیم دانسراین ادان •

TITAH UCAPAN D.Y.M.M. AL-SULTAN KELANTAN

Tuan Pegawai Pentadbir Tentera Nippon serta sekalian ahli mesyuarat

Saya dengan sukacita membuka Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan pada hari ini bagi semua pentadbiran dan pekerjaan kerajaan di dalam tahun 1361.

Hendaklah sekalian ahli mesyuarat bersungguh-sungguh hati membuat pekerjaan dan membanyakan syor-syor pada tiap-tiap kali diadakan mesyuarat supaya bertambah-tambah baik segala pekerjaan kerajaan dan pekerjaan rakyat isi negeri.

Dan lagi hendaklah sekalian ahli mesyuarat bersatu hati dengan Tuan Pegawai Pentadbir Tentera Nippon di dalam semua pekerjaan dan mengikut apa-apa perintahannya dengan taat setia bagi menunaikan segala perintahannya. Maka janganlah sekalian ahli mesyuarat lupa atau lalai bagi menyempurnakan pesanan dan amanah saya bagaimana di atas ini adanya.

اوجانين

بناامة برحومة دانوه فردان منتري فادك راج

تراكو دولي يعمو مليا بناامة برحومة توان فكاواي ننتد بير ننترا نيون

دان سكلين اهل مشواره

قد هاري اين ماري متهيل فلواخ هوجف بيرزا تكري كلتنن قد ماس

اين تله برسماثة كريد رغن بيج نكاي هرث كهائتكن

ساي جركف يقين بيوا فرسيد اشن مشواره يقد برث اوله دولي يعمو

مذا السننن قد هاري اين اكن توركاله سكل فكرجا ن كراجا ن دان فكرجا ن رعبت

اينتي نكري كلتنن دغن سلوام ٢ جالين بشايك دان سنج باكي مندافت كماجوان بيج

يه ٢ دوند هاري ٢ باثله لانو

فردوله باكي كيت اهل مشواره متهيل ايقة فدا مونين سكل كراجينن

بردا نويكريمه مام دان ننترا نيون قد مندافت كهناغن ففراغن بيكيان دولي يعمو مليا

المدان تله برتبه دان هندقه اهل مشواره فويم دغن سجر رغن انس سكل بيوتير ٢

نوناغن بناامة برحومة توان فكاواي ننتد بير ننترا نيون بناامة براوننوخ باكي كيت اي ٢

مجلس مشواره اين ساي هارث سنيام دفيغين اوله توان فكاواي

ديبر كراجا ن دفيغ سنيام مندافت برله ٢ كاتوننن باكي كلتنن ادان

**UCAPAN
YANG AMAT BERHORMAT DATO' PERDANA MENTERI PADUKA RAJA**

Tuanku Duli Yang Maha Mulia, Yang Amat Berhormat Tuan Pegawai Pentadbir Tentera Nippon dan sekalian ahli mesyuarat.

Pada hari ini saya mengambil peluang mengucap bahawa negeri Kelantan pada masa ini telah bersemangat kehidupan yang tinggi harga kebaikannya.

Saya cukup yakin bahawa persidangan mesyuarat yang dibuka oleh Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan pada hari ini akan terbukalah segala pekerjaan kerajaan dan pekerjaan rakyat isi negeri Kelantan dengan seluas-luas jalan yang baik dan senang bagi mendapat kemajuan yang lebih-lebih daripada hari-hari yang telah lalu.

Fardhulah bagi kita ahli mesyuarat mengambil ingat pada menunaikan segala kewajipan bersatu bekerjasama dengan Tentera Nippon pada mendapat kemenangan peperangannya bagaimana Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan telah bertitah dan hendaklah ahli mesyuarat faham dengan secukupnya atas segala butir-butir ucapan Yang Amat Berhormat Tuan Pegawai Pentadbir Tentera Nippon yang amat beruntung bagi kita itu.

Majlis mesyuarat ini saya harap sentiasa dipimpin oleh Tuan Pegawai Pentadbir Kerajaan Nippon supaya mendapat berlebi-lebih keuntungan bagi Kelantan adanya.

اوجان كند فكاوي دان كاكتاغي كراجان سرح ريمت
 بر كنان دغي سرحي نكري كلنته كند نكري تا سرح
 (صورة)

كلنته سرحي سرحي فوجي سوا .

هنگار كراغ نكري سرحي سرحي نفعوله دان نكري
 ناي ناي بر نفعان تاغي بر نغمه راقه در صحابه ملاوان ادر نغانان بر نغمه
 كرانه مقلدان كسلان اشيا سرحي راي دان كسلان سرحي كسلان
 اوج اشيا سرحي راي . نكري ناي كسرح مفا سرحي نغانان فرغ دغي هاي نغف
 دانه چل سرحي بر لوانه منتغ سرحي بنا سرحي بر نغمه دان امر ناي ،
 االه سرحي باي سلوروه اوج اشيا سرحي سرحي سرحي سرحي
 كند نفعوله .

فوكاي اوج ناي نغف فو مبرهان اصغ ناي نكري راونار
 مالاي كند نكري ناي نغفي جاغله سرحي سرحي كران نكري ناي اند
 سرحي نكري نغف بر دهكاهم كراجان اشيا سرحي راي ، دان االه سرحي
 نكري نغف سرحي كراس نغف كوس ، هار سرحي نغف مفاوال كسلان دان
 كسلان ريمت اشيا نكري كلنته ، نغان سرحي سرحي سرحي سرحي
 سرحي بر حدمه كند كراجان ناي .

حال كراجان نكري ناي االه نغف كراجان نغف سرحي كراجان
 بر نغمه اشيا سرحي راي ، نكري سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي
 كند بر ما سرحي سرحي نغف مفر سرحي كراجان كند سرحي سرحي دان
 بر عارف اوج نغف سرحي ، دكلنته سرحي سرحي سرحي سرحي
 كلا نغان سرحي سرحي سرحي ، نغف ، نغف بر اوله سرحي سرحي
 سرحي كراجان . نكري سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي
 كلنته سرحي كراجان ناي اوج نغف سرحي دان كراجان سرحي سرحي
 سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي

هنگاره نغان سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي
 سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي

سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي
 سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي
 سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي
 سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي سرحي

جفایا کید بر فالق کلا کج میلای کوه حال کسخت
 مولای بر جان فرزند بر آن عسکر رنگری طنته «باو تاوغی روک ندری
 سر عید ای نفعه سلام ستاره کساره برون ایه کاجی فقاو نغزه
 سکلینه نله همیری بنفایه دغی کج کج یکنی معاصیلکن قوسعود نغزه
 فرزند بر آن عسکر، بایه فقاوال حال احوال کاماخه وان فاجعه کلم
 فراوان، تراوانم دلم حال مفبرکن مکانه سوه مفبرکن فحاسی نفعه،
 ملت قد عقلیهات کید اغنله همیری کسسی بنسور . کید هاری
 لایک کند بطلکن فرزند بر آن عسکر، بقدمینه کاجی مقص جف نشور دان همیرک
 انبار حرمه کفد نغزه کلین .

قد انبار کاجی او جیکه کبر کلیان دان کسلا متنه
 نوانه کلینه سوه هاروف برکنده قفاست فر جزئی دلم کجیدونه نوانه انبار

**Ucapan Kepada Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kerajaan Serta Rakyat
Berkenaan Dengan Serahan Negeri Kelantan Kepada Negeri Thai
— 20 Ogos 1943**

Sehingga sekarang negeri Sri Maharaja Nippon dan negeri Thai telah berpinpin tangan bertambah rapat persahabatan melawan Amerika dan British kerana mengekalkan keselamatan Asia Timur Raya dan kesenangan serta kebahagiaan umat Asia Timur Raya. Negeri Thai semenjak mengisytiharkan perang dengan hati yang tetap dan cekat serta berlawan menentang sehingga binasa British dan Amerika ialah seteru bagi seluruh umat Asia serta memberi sepenuh bantuan kepada Nippon.

Pada kali ini telah tetap pada menyerahkan empat buah negeri di Utara Malai kepada negeri Thai tetapi janganlah menaruh bimbang sekali-kali kerana negeri Thai itu sebuah negeri yang merdehaka dalam kemajuan Asia Timur Raya dan ialah sebuah negeri yang mempunyai kerajaan yang kukuh, harus baginya mengawal keselamatan dan kesenangan rakyat isi negeri Kelantan. Tuan-tuan sekalian hendak merasa senang hati berkhidmat dengan Kerajaan Thai.

Hal kemajuan negeri Thai ialah natijah kemajuan lingkungan kemakmuran bersama Asia Timur Raya. Negeri Sri Maharaja telah menganugerahi kemerdekaan kepada Burma serta juga bercadangan hendak mengurniakan kemerdekaan kepada Filipina dan berharap akan kemajuannya. Demikian juga berazam hendak memberi hak milik kelayakan hendak sendirian masing-masing bangsa dengan beroleh kesenangan serta menikmati kemakmuran. Negeri Sri Maharaja Nippon amatlah besar harapan kiranya negeri Kelantan di bawah Kerajaan Thai akan beroleh keamanan dan kemakmuran serta maju segala jenis perusahaan.

Hendaklah tuan-tuan sekalian menambahkan usaha lebih-lebih lagi bagi menjalankan segala pekerjaan kerajaan sebagaimana yang tuan-tuan telah berkhidmat kepada Kerajaan Nippon.

Sekarang di dalam dunia boleh dikatakan semua negeri-negeri sedang melawan-lawan maka setelah di dalam masa peperangan berlaku kesusahan tidak mencukupi benda-benda, tetapi walaupun demikian hendaklah sabar dan memberi bantuan sehingga mendapat kemenangan di atas Amerika dan British.

Cubalah kita berpaling ke belakang memilikkan hal semenjak mulai berjalan pentadbiran askar di negeri Kelantan di bawah naungan daulat negeri Seri Maharaja Nippon selama setahun sembilan bulan itu kami mengaku tuan-tuan sekalian telah memberi bantuan dengan secukupnya bagi menghasilkan maksud langkah pentadbiran askar, iaitu mengawal hal ehwal keamanan dan memajukan segala perusahaan, terutama dalam hal menambah makanan serta mengembangkan bahasa Nippon, maka pada penglihatan kita sangatlah memberi bekas yang besar. Sedikit hari lagi akan dibatalkan pentadbiran askar, yang demikian kami mengucapkan syukur dan memberi isyarat hormat kepada tuan-tuan sekalian.

Pada akhirnya kami ucapkan kebahagiaan dan keselamatan tuan-tuan sekalian serta harap berganda-ganda kuat perjuangan dalam kehidupan tuan-tuan adanya.

Bibliografi

1. Lieut-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Natraj Publishers, Dehra Dun, India, 1947(?).
2. Lieut-Gen A.E. Percival, "The War in Malaya", Orient Longmans, Calcutta, India, 1949.
3. Chin Kee Onn, "Malaya Upside Down", Jitts & Co. Ltd., Singapore, 1946.
4. Buku cenderamata "Istiadat Kemahkotaan Sultan Kelantan Darulnaim", Kota Bharu, Kelantan, 1 Zulkaedah 1363.
5. Radin Soenarno, "Malay Nationalism: 1900-1945" dalam *Journal South-east Asian History*, Department of History, University of Malay in Singapore, 1960.
6. Yoichi Itagaki, "Some Aspects of the Japanese Policy for Malaya Under the Occupation, with Special Reference to Nationalism" dalam buku, "Papers On Malayan History" editan K.G. Tregonning, *Journal Southeast Asian History*, Singapore, 1962.
7. Col Masanobu Tsuji, "Singapore: The Japanese Version", A Mayflower-Dell Paperback, London, 1966.
8. Zainal Abidin bin Abdul Wahid, "Sejarah Malaysia Sepintas Lalu", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1972.
9. Layton Horner, "Japanese Military Administration in Malaya and the Philippines" (a dissertation for Ph. D.) The University of Arizona, USA, 1973.
10. Joyce C. Lebra, "Japanese-Trained Armies in Southeast Asia", Heinemann Educational Books (Asia) Ltd, Kuala Lumpur, 1977.
11. Louis Allen "Singapore: 1941-1942", MPH Distributors (S) Pte. Ltd, Singapore, 1977.
12. Nik Anuar bin Nik Mahmud, "Kelantan Dibawah Pentadbiran Tentera Jepun Dan Pentadbiran Tentera Thai, 1941-1945. Satu Kajian Sepintas Lalu", iaitu Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Kongres Sejarah Malaysia, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, pada 10-12 April, 1978.
13. Maswari Rosdi dan Suhara bte Salim, "Sejarah Malaysia Moden STPM" siri Ringkasan Teks Adabi, Adabi Publishing Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1984.
14. Alias Mohamed, "Gerakan Sosial Dan Politik Kelantan", Insular Publishing House Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1984.
15. Muda Mohd Taib Abdul Rahman, "Pendudukan Jepun Di Terengganu", dalam buku "Sejarah Masyarakat Melayu Moden" selenggaraan Khoo Kay Kim, terbitan Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.
16. Bachtjar Djamily, "Ibrahim Yaacob: Pahlawan Nusantara", Kuala Lumpur, 1985.
17. Mohd Zain Salleh, "Sejarah UMNO Kelantan", terbitan Jawatankuasa Penerangan UMNO Perhubungan Negeri Kelantan, Kota Bharu, 1985.
18. Mohd Zain Salleh, "Menjelang Setengah Abad Politik Kelantan", Ampang Press Sdn Bhd, Kuala Lumpur, 1987.
19. Buku Catatan Haji Nik Mohd. Salleh bin Nik Mat, 177 Jalan Tuk Semian, Kota Bharu, Kelantan.

20. Wawancara penulis dengan:—

- i) Encik Mohd Salleh bin Haji Abdullah (Imam), Kampung Che Bakar, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1963.
- ii) YM Tengku Mohd Khalid bin Tengku Chik Abdullah (Tengku Bendahara), Jalan Tengku Bendahara, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1963–1964.
- iii) Encik Mohd Abu Bakar bin Saman (Chegu), Jalan Tuk Semian, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1987.


***Gambar-gambar
Warisan Lama***




Pesta Belaga Lembu di Kubang Krian, dekat Kota Bharu, 1900. (Gambar diambil dalam tahun 1900)




Pesta Belaga Lembu di hadapan Istana Balai Besar, Kota Bharu, 1902. (Gambar diambil dalam tahun 1902)



Bangunan Residensi tempat kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Siam bagi negeri Kelantan di antara tahun 1903-1909 (Tuan W.A. Graham). Kemudian didiami pula oleh Tuan Mason, Pegawai Penasihat British yang pertama bagi negeri Kelantan dari tahun 1909-1912. Bangunan kayu ini telah dibina dalam tahun 1902 terletak di tapak Istana Kota Lama sekarang. Telah dirobohkan dalam tahun 1915 dan digantikan dengan bangunan batu yang ada sekarang. (Gambar diambil dalam tahun 1905)



Pemandangan padang di hadapan Istana Balai Besar, Kota Bharu. Bangunan di sebelah kanan ialah Pejabat Tanah yang dibina sekitar tahun 1897. Telah diroboh kira-kira diakhir tahun 1960-an. Di antara tahun 1945-1955 mejadi Ibu pejabat Persekutuan Persetiaan Melayu Kelantan dan juga Pejabat Perhubungan Raya Kelantan. (Gambar diambil dalam tahun 1905)



Bangunan Mahkamah Syariah Kota Bharu yang pernah terletak di sebelah matahari naik bangunan Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan di hadapan Padang Merdeka (dulu Padang Bank). (Gambar diambil dalam tahun 1905)



Suatu pemandangan jalan dari bandar Kota Bharu ke Pasir Putih. (Gambar diambil dalam tahun 1905)



DYMM Tuan Long Senik bin Long Kundor semasa menjadi Raja Pemerintah Kelantan dengan gelaran "Raja Kelantan" dari tahun 1900 hingga tahun 1910. (Gambar diambil pada tahun 1905)



DYMM Raja Kelantan (Tuan Long Senik bin Long Kundor) bersama dengan adindanya YTM Raja Muda (Tuan Zainal Abidin bin Long Kundor). Tuan Long Senik memerintah negeri Kelantan dari tahun 1900 hingga tahun 1920 dengan gelaran "Raja Kelantan" (1900–1910) dan "Sultan Muhammad IV" (1911–1920). (Gambar ini diambil dalam tahun 1905 di hadapan pintu kecil Istana Balai Besar).



Bendera Negeri Kelantan yang digunakan dari tahun 1910 hingga tahun 1920.



DYMM Tuan Long Senik bin Long Kundor semasa menjadi Raja Pemerintah Kelantan dengan gelaran Sultan Muhamad IV dari tahun 1911 hingga tahun 1920. (Gambar diambil dalam tahun 1911)




Duduk dari Kiri ke Kanan

1. Tengku Ismail bin Tengku Senik/Sultan Muhammad IV (bergelar "Raja Kelantan" - bakal pertama Raja pemerintah Kelantan)
2. Tengku Zainal Abidin bin Sultan Ahmad II (Sultan Zainal Abidin III/Sultan Terengganu)
3. Tengku Senik bin Tengku Kundor/Sultan Muhammad III (Sultan Muhammad IV/Sultan Kelantan)
4. Yang Dipertuan Muda Terengganu

Berdiri dari Kiri ke Kanan

5. Tuan W. L. Conlay (British Agent, Terengganu)
6. Mohd Ghazali bin Mohd Arijin (Dato' Bentara Luar)
7. Hassan bin Mohd Salleh (Dato' Menteri Besar Kelantan)
8. Tengku Muhammad Peira bin Tengku Idris (Tengku Seri Utama Raja)
9. Haji Ngah bin Mohd Yusof (Menteri Besar Terengganu)
10. Tengku Ibrahim bin Tengku Senik/Sultan Muhammad IV (Tengku Seri Indera Mahkota)
11. Tengku Chik (Tengku Bijaya Terengganu)
12. Nik Jaafar bin Haji Nik Abdul Kadir (Dato' Bentara Dalam)
13. Nik Mahmud bin Haji Ismail (Dato' Bentara Setia)
14. Haji Mohd Salleh (Dato' Kaya Bakti Kelantan)
15. Nik Abdul Rahman bin Nik Yusof (Dato' Seri Amar Diraja)
16. Tuan J.S. Mason (British Advisor, Kelantan)

(Catatan: Gambar ini diambil dalam bulan Mac tahun 1911 sempena lawatan rasmi Sultan Terengganu ke Kota Bharu, Kelantan)



Duduk dari Kiri ke Kanan

1. Tengku Ahmad bin Tengku Sultanman
(Tengku Seri Mara Raja)
2. Tengku Muhammad Petra bin Tengku Idris
(Tengku Seri Utama Raja)
3. Tengku Ibrahim bin Sultan Muhammad IV (Raja Kelantan)
4. Tengku Ismail bin Sultan Muhammad IV (Sultan Ismail)
(Dato' Perdana Menteri Pahang Raja)
5. Nik Mahmud bin Haji Ismail
(Tengku Abdul Rahman @ Tengku Botong bin Sultan
Muhammad III (Tengku Seri Jaya)

Berdiri dari Kiri ke Kanan

7. Megat Othman bin Ali (dari Perak)
(Sertantaha Majlis Agama Islam Kelantan)
8. Dato' Megat Lela Diraja
(Nik Abdul Rahman bin Nik Yusof (Dato' Amar Diraja))
9. Mohd Ghazali bin Mohd Arifin (dari Singapura)
(Dato' Bentara Luar)
10. Tengku Abdul Rahman @ Tuan Man
(Adinda kepada Tengku Muhammad bergelar Tengku Seriwa Raja)
11. Dato' Jaafar (A.D.C kepada Sultan Ismail)
12. Tengku Ahmad Zainal Abidin bin Tengku Abdul Kadir Kamaruddin
(Tengku Seri Akar Raja)
13. Muhammad bin Haji Mohd Said (Dato' Laksamana)
14. Dato' Yusof @ Dato' Che' Soh (dari Pahang)
15. Mahmud bin Haji Mohd Said (Dato' Adika Raja)
16. Nik Jaafar bin Haji Nik Abdul Kadir (Dato' Istiadat)

(Catatan: Gambar ini dipercayai telah diambil dalam tahun 1922 Masiti)

Biodata Penulis

Abdullah bin Muhamed (Nakula)

Dilahirkan di Kampung Kubang Pasu, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1931. Belajar di Madrasah Muhammadiyah anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan; Sekolah Menengah Arab Madrasah Jame' Merbau, Kota Bharu; Sekolah Menengah Arab Madrasah Islah, Kota Bharu; dan Sekolah Menengah Muahad Al-Muhammadi, Kota Bharu. Pada awal tahun 1956 berkhidmat sebagai guru agama di Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu dan dari tahun 1962 hingga sekarang sebagai guru agama di sekolah rendah di Kelantan.

Sejak dari kecil lagi sangat gemar membaca dan kemudian menyelidik, mengkaji dan menulis. Beliau meminati pelbagai bidang ilmu seperti agama Islam, sejarah, politik, astronomi, falsafah, ilmu jiwa dan budaya. Di samping menulis beliau juga giat dalam bidang penterjemahan dengan menterjemah ke bahasa Melayu sejumlah buku Arab yang berkaitan dengan ilmu-ilmu politik, falsafah, sejarah, jiwa, dan astronomi.

Telah banyak menulis rencana-rencana dan esei-esei mengenai aspek-aspek agama Islam, politik, falsafah, sejarah, astronomi dan kebudayaan yang disiarkan di dalam majalah-majalah tempatan seperti "Pengasuh", "Majalah Kelantan" dan "Mastika" akhbar-akhbar seperti "Warta Negara" "Utusan Melayu" dan "Utusan Zaman"; dan jurnal-jurnal seperti "Jurnal Persatuan Sejarah Kelantan" dan lain-lain lagi. Dari tahun 1956 hingga sekarang telah menerbitkan sebanyak 7 buah buku bacaan umum mengenai aspek-aspek ekonomi, astronomi, agama dan falsafah, dan kira-kira 14 buah buku teks sekolah mengenai pengajian agama Islam dan sejarah Islam. Di samping itu beliau telah menyediakan atau menulis sebanyak 30 buah lagi buku mengenai sejarah, agama Islam dan falsafah yang belum dicetak. Masih giat dengan pengkajian dan penulisan mengenai sejarah dan budaya Kelantan.

Drs. Abdul Rahman Al-Ahmadi (Abdul Rahman bin Haji Mohamed)

Dilahirkan di Pasir Mas, Kelantan pada tahun 1931. Belajar di Sekolah Melayu, Pasir Mas, Madrasah Jame' Merbau, Kota Bharu (1942-46); Sekolah Menengah Pertama, Bukit Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia (1947) Sekolah Menengah Atas, Jakarta, Indonesia (1950); Universitas Gajah Mada, Yogyakarta, Jawa Tengah, Indonesia dan mendapat ijazah Doktorandus (Sarjana) dalam jurusan Hubungan Antarabangsa (1961) Universiti Malaya, Lembah Pantai, Kuala Lumpur, untuk ijazah Sarjana dalam jurusan Sejarah (1978); dan mengikuti kuliah Ph. D. di l'Ecole des Hautes Etudes en Sciences Sociales, Paris, Perancis (1980-81).

Dari tahun 1964-69 menjadi Pengarang majalah "Dian", Pustaka Dian Press, Kota Bharu, mengajar di Institut Pendidikan, Kota Bharu memberi kuliah di Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri, Kota Bharu, menjadi Pengetua Maktab Adabi, Kota Bharu (1970-72), kemudian menjadi Pengetua Maktab Adabi Pasir Mas (1973-75); dan pensyarah sambilan di Institut Bahasa Kesusasteraan Kebudayaan Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia, Lembah Pantai, Kuala Lumpur (1976-78). Sejak dari Jun 1975 berkhidmat sebagai Ketua Unit, Bahagian Penyelidikan, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Telah menerbitkan tiga buah buku berjudul "Pengantar Sastera", "Pengantar Ilmu Politik" (1966) dan "Detik-detik Sejarah Kelantan" Pustaka Aman Press, Kota Bharu, 1971.

Di samping itu telah menulis banyak rencana berkaitan dengan aspek-aspek sejarah, sastera, agama, falsafah, kebudayaan dan politik yang disiarkan dalam beberapa majalah tempatan seperti "Dian", akhbar "Mingguan Kota Bharu" dan lain-lain serta juga berbentuk Kertas-kertas Seminar termasuk penerbitan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh

Dilahirkan di Jalan Tuk Semian, Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1935. Belajar di Sekolah Melayu Padang Garong; Sekolah Arab Islam; Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu; Maktab Melayu, Kuala Kangsar dan Universiti Singapura dengan mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan sejarah (B.A. Hons. in History) pada awal tahun 1960. Kemudian mendapat Diploma dalam Hubungan Antarabangsa daripada Institute of Social Studies di The Hague, negeri Belanda pada tahun 1970.

Pada tahun 1960 memasuki Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik Malaysia dan pernah berkhidmat di Perak, Kelantan dan Kuala Lumpur. Dari awal tahun 1966 hingga tahun 1974 berkhidmat di Kementerian Luar Negeri, dari tahun 1974 hingga tahun 1981 di Jabatan Perdana Menteri, dari Mac 1981 hingga Oktober 1987 memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri, dan dari 1 November 1987 sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Kerja Raya. Salah seorang pengasas Persatuan Sejarah Kelantan (PSK) dalam tahun 1964, menjadi Setiausaha Kehormat PSK dari tahun 1964 hingga 1965. Sejak dari tahun 1981 menjadi ahli Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur dan dari tahun 1979 menjadi ahli Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan pada tahun 1983 dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan dan Publisiti Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Telah menulis beberapa rencana mengenai sejarah Kelantan dalam beberapa majalah, jurnal dan juga akhbar tempatan. Di antara rencana-rencananya yang terpenting ialah: "Catatan Ringkas Tentang Sumber-sumber Tempatan Mengenai Sejarah Kelantan" dalam jurnal Persatuan Sejarah Kelantan, bil. 1 Tahun 1964/65, "Sengketa Atas Takhta Kelantan Dalam Abad Ke-19 Masihi" dalam jurnal Sejarah Universiti Malaya, Tahun 1971-72 "Kelantan in Transition: 1900-1910" dalam buku berjudul "Kelantan: Religion, Society, and Politics in a Malay State" editan William R. Roff, Oxford University Press, 1974; "Mengkaji Salsilah Long Yunus Kelantan" dalam jurnal Persatuan Sejarah Kelantan, Tahun 1974/75"; "Salsilah Raja-raja Kelantan" (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Sejarah dan Budaya Wilayah Kelantan di Kota Bharu pada 12-15 April, 1980); "Maktab Sultan Ismail dalam Kenangan" (dalam majalah khas Jubli Emas Maktab Sultan Ismail, 1936-1986) dan "Sistem Politik dan Kesultanan Kelantan" (Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Arkeologi Malaysia dengan Tumpuan Khusus kepada negeri Kelantan, di Kota Bharu, pada 22-24 Ogos 1986).